



95-3568

HUJAN PANAS
— BAWA —
BENCANA

NASKHAH CONTOH

KK 920 - 7009 6101

Cetakan Pertama 1994

© Peter George James Dobree 1994

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Dobree, Peter George James

Hujan panas bawa bencana / Peter George James Dobree

ISBN 983-62-4332-1

1. Malaya—History—Japanese occupation, 1942-1945 — Personal narratives. 2. Malaya—History—Japanese occupation, 1942-1945 — Underground movements. 3. Guerrilla warfare.

1. Judul
959.503092

Diatur Huruf oleh An-Nashr Typesetting

Muka Taip Teks: Times Roman

Saiz Taip Teks: 11/13 poin

APB 717712

NASEHAB PERPUSTAKAAN

22 MAR 1995 PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA.

Dicetak oleh

Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka
Lot 1037, Mukim Perindustrian PKNS

Ampang/Hulu Kelang

Selangor Darul Ehsan.

RM7.50

*Kepada semua anggota Askar Melayu Setia,
Pentadbir, Penghulu, Ketua Kampung, yang menjadi
agen kami, dan semua penduduk kampung yang
sanggup menerima penyeksaan daripada Tentera
Jepun kerana membantu kami.*

KANDUNGAN

Kata Pengantar	ix
Pendahuluan	xi
Kejatuhan Singapura	1
<i>Force 136</i> - Perhubungan Komunis Cina	19
Hubungan Dengan Orang Melayu	26
Kedatangan <i>Liberator</i>	32
Ibu Pejabat Dan Berek Baharu	50
Orang Asli	52
Pasukan Kami Yang Sudah Mantap	58
Mandur Salleh	61
<i>Kuomintang</i>	62
Pertubuhan Dan Kawalan <i>Kuomintang</i>	66
Bob Crystal Dan Creer	69
Mandur Salleh Dengan Gajah	74
Zon Pengguguran Yang Baharu	77
Askar Kami Bertempur	86
Apa Yang Berlaku Pada Gajah	104
Belum Sebelum Perang	107
Perjalanan Ke Belum	109

KANDUNGAN

Belum	114
Keadaan Semakin Memuncak	122
Perjalanan Ke Selatan	126
Catatan Bersejarah	133
Selepas Jepun Menyerah	143
Lampiran A	177
Lampiran B	181
Lampiran C	185
Lampiran D	189

KATA PENGANTAR

Sebuah buku yang paling awal tentang gerila *Force 136* diusahakan oleh Abdul Aziz Zakaria bertajuk *Leftenan Nor Pahlawan Gerila* diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada 1959. Ini disusuli oleh buku *Have You Met Mariam?* tulisan Tan Sri Jeneral (B) Ibrahim Ismail yang terbit pada 1984. Kedua-dua buku ini mempunyai persamaan dengan buku *Hujan Panas Bawa Bencana* yang merupakan catatan pengalaman peribadi para pejuangnya.

Pada akhir 1993, sebuah buku yang saya usahkan bertajuk '*Perang Dunia Kedua - Peranan Gerila Melayu Force 136*' telah diterbitkan oleh Dewan Pustaka dan Pustaka. Buku bergambar ini adalah hasil penyelidikan selama 12 tahun tentang organisasi dan operasi *Force 136* di tiga buah negeri iaitu Perak, Pahang dan Kedah. Bahan yang paling banyak ialah mengenai kegiatan *Askar Melayu Setia* di Hulu Perak yang dipimpin oleh P.G.J. Dobree bersama lima orang Melayu yang dihantar bersama beliau

dari India secara berpayung terjun iaitu Lt. Mohd. Nor Rani, Sarjan Haji Bahari, Haji Imran, Haji Hussein, dan Jamal Daim.

Buku *Hujan Panas Bawa Bencana* ini adalah rakaman pengalaman secara terperinci Peter Dobree bersama komradnya semasa beliau berada selama 9 bulan (Disember 1944 - Ogos 1945) di hutan belantara Hulu Perak. Adalah amat menguntungkan kita kerana walaupun berusia 70 tahun, Dobree masih mampu merakamkan pengalaman hidup beliau untuk kita tatapi bersama. Saya merasakan perjuangan *Force 136* seperti yang terdapat dalam buku ini adalah penting diketahui umum dan oleh para pelajar kerana ia adalah salah satu episod dalam perjuangan bangsa Melayu untuk mencapai kemerdekaan.

PROF. DATO' DR WAN HASHIM WAN TEH

Pengarah

Institut Alam dan Tamadun Melayu

Universiti Kebangsaan Malaysia

Bangi, Selangor

Jun 1994

PENDAHULUAN

Pada tahun 1946 semasa aku belayar meninggalkan Singapura dengan menaiki kapal angkut askar, "Empress of Australia" aku bertekad untuk kembali semula ke Tanah Melayu, bukannya untuk menjawat semula kerja lama aku dalam Perkhidmatan Pertanian Tanah Melayu tetapi aku akan kembali sebagai manusia biasa yang tidak terikat dengan sesiapa. Tidak kuduga bahawa itu akan mengambil masa 40 tahun yang meletihkan dan sering kali menyeksakan, sehinggalah aku mengusahakan perniagaan sendiri yang memberi kebebasan yang aku cari selama ini.

Selalu aku merasakan bahawa aku perlu mencatat kisah pengambilan para pemuda Melayu yang mula mula berkhidmat secara sukarela sebagai agen dan pejuang gerila untuk kembali ke Tanah Melayu yang telah ditawan oleh Jepun. Ingin aku menceritakan latihan yang dijalani oleh mereka dan seterusnya kisah kepulangan mereka ke Tanah Melayu. Juga tentang kisah perkhidmatan mereka yang riang, penuh

dedikasi dan berjaya. Mereka yang sangat kukenal, dan kukenal yang pernah menjadi rakan karibku, sayangnya mereka telah kembali ke alam baka. Kita harus mengingati dengan bangganya sebilangan besar pemuda yang telah bersama-sama berjuang sebagai pejuang gerila dan telah berkhidmat dengan berani sekali, malah ada antara mereka yang kini masih hidup. Ada antara mereka semasa itu yang terpaksa melaksanakan tugas penting sebagai agen dan pergi jauh ke daerah pedalaman untuk menceritakan keadaan negeri dan kerajaan di bawah kuasa Jepun. Lengkap dengan butiran tentang angkatan tentera Jepun dan lokasi mereka. Tentang kerajaan Jepun dan dasar-dasarnya. Begitu juga tentang kesengsaraan dan kekurangan yang dialami oleh penduduk Tanah Melayu ketika itu.

Selepas Jepun menakluki Tanah Melayu, aku diberitahu oleh ibu pejabatku bahawa pasukan kami telah mengirim tidak kurang daripada 954 risikan kepada ibu pejabat dan jumlah ini adalah sekali ganda lebih berbanding dengan jumlah yang diterima oleh ibu pejabat daripada pasukan lain yang beroperasi di negara ini. Sebenarnya kami yang memulakan operasi tersebut dan oleh itu kami mempunyai kelebihan.

Setibanya kami di hutan di hilir Perak pada awal pagi itu, kami disambut mesra oleh ketua kampung dan penduduknya. Aku perhatikan bahawa kaedah operasi yang penuh rahsia seperti yang kami

PENDAHULUAN

dilatih untuk melakukan yang sesuai bagi negara barat yang padat penduduknya, tidak sesuai dalam keadaan kami sekarang. Sebaliknya kami harus bertindak secara lebih terbuka dan bergantung pada kecekapan kami semasa dalam hutan serta tindakan kilat kami apabila mendapat berita tentang serangan yang bakal dilancarkan agar kami tidak tertangkap. Dengan terjalannya persahabatan dan sokongan daripada penduduk kampung, kami bukan sahaja mendapat maklumat daripada mereka tentang serangan yang akan dilancarkan malah kami juga mendapat bantuan dan bekalan makanan untuk tentera gerila.

Dalam hal ini "tentera gerila" merupakan hanya satu istilah propaganda. Penduduk kampung yang rata-rata terdiri daripada orang Melayu gemar mendengar kisah menarik yang kononnya beratus-ratus atau beribu-ribu askar yang lengkap dengan senjata sedang mengendap-ngendap dalam hutan dan di kawasan pergunungan, bekalan makanan dan senjata pula digugurkan dari udara oleh kapal terbang. Memang hebat cerita itu. Apabila kami berundur ke Belun berhampiran dengan sempadan negeri Thai, kami dapat meningkatkan bilangan kami sehingga 200 orang seperti yang akan anda baca dalam cerita ini nanti kerana pembiayaan yang mencukupi dan kemudahan bantuan gajah dan kerbau.

Sejak mula-mula kami menjalankan operasi lagi kami telah menjadi sumber kemarahan tentera Jepun dan ini menyebabkan mereka mempertingkat

kekuatan mereka di Gerik, dan mengatur pertempuran kecil serta serangan mendadak terhadap askar kami dengan tujuan untuk mengusir kami keluar. Oleh sebab kami tidak bertujuan untuk bertempur dengan mereka, maka kami pun seludup keluar dengan senyap-senyap.

Seandainya kami benar-benar berjuang untuk memastikan kemenangan, maka 'pasukan' kami tentu sekali akan menimbulkan huru-hara tatkala tentera Jepun menyerang dengan menyekat jalan dengan pokok kayu serta menyerang hendak kenderaan musuh. Namun bom atom digugurkan dan perang pun tamat lebih awal.

PETER GEORGE JAMES DOBREE

Holcombe Court
Holcombe Rogus
Wellington
Somerset
United Kingdom

KEJATUHAN SINGAPURA

Tatkala mengenangkan perang yang meletus 50 tahun yang lalu, aku sedar bahawa penentanganku terhadap orang Jepun disertai dengan perasaan dendam kesumat sebagaimana dendam orang Poland terhadap orang Jerman, yang mengusir mereka keluar dari tanah air mereka sendiri. Oleh itu, mereka tidak teragak-agak untuk berpadu tenaga dengan pihak British untuk melepaskan dendam mereka.

Peperangan menentang Jerman bermula pada tahun 1939. Untuk mendapatkan gambaran yang sebenarnya, aku harus merenung kembali empat tahun sebelum itu, iaitu tahun 1935. Dunia baru hendak pulih daripada zaman kemelesetan. Aku baru selesai mengikuti kursus jurusan pertanian di Universiti Reading selama tiga tahun, sesungguhnya bukan untuk mendapatkan kelayakan tetapi oleh sebab pada masa itu memang mustahil untuk mendapatkan pekerjaan. Pada tahun 1935 keadaan semakin beransur pulih. Di Tanah Melayu ladang getah hampir ditinggalkan terbiar kerana harga

getah jatuh menjunam. Ini disusuli dengan langkah negara-negara pengeluar getah mengenakan kuota pengeluaran, lalu harga getah pun bertambah baik dan ladang getah pun mula beroperasi semula. Aku bertuah mendapat kerja sebagai penolong pengurus di sebuah ladang getah di Tanah Melayu setelah membuat permohonan di Agensi Pekerjaan di London. Aku belayar ke Timur dengan kapal kargo *MS Deucalion* bersama-sama lapan orang penumpang yang lain. Kapal ini kemudiannya digunakan sebagai kapal dagang yang dilengkapi dengan senjata dan ia tenggelam semasa perang. Setelah sebulan lamanya kami belayar maka kami pun sampai di Pulau Pinang. Dari situ aku dihantar ke sebuah ladang getah yang luasnya 6000 ekar di negeri Johor, di Selatan Tanah Melayu. Gajiku RM225 sebulan. Aku diberi sebuah banglo yang terletak di kawasan lapang di tengah-tengah ladang getah. Seorang budak India ditugaskan untuk membantu aku dan menyediakan makan minumku. Gaji budak itu ialah RM60 sebulan. Tukang masak aku yang baru ini banya tahu bertutur bahasa Tamil dan bahasa Melayu. Tenaga kerja di ladang tersebut terdiri daripada orang India semata-mata. Maka terpaksa lah aku mempelajari bahasa Tamil secepat mungkin. Nilai wang negeri-negeri Selat ialah RM8 untuk £1.

Division aku meliputi 2000 ekar. Pengurus ladang tinggal dua batu jauhnya dari tempatku, dan ada dua orang penolong pengurus lagi yang tinggal lima atau enam batu di tempat lain.

Bangluku hanya dilengkapi dengan meja, katil, almari pakaian dan beberapa buah kerusi. Kemudahan kebersihan adalah primitif. Setiap pagi air untuk mandi-manda dan sebagainya diambil daripada perigi lalu dibawa ke tempatku dengan kereta lembu.

Aku baru sahaja tiba di sini. Aku sedang duduk berdekatan ambang pintu depan. Malam menggantikan siang dan pelita minyak tanah yang ada di belakangku gemeretik dengan bisingnya. Hujan monsun turun mencurah-curah. Tiba-tiba seekor katak kecil melompat terus ke muka pintu lalu jatuh ke pangkuanku. Aku pun berkata, "Nampaknya kita ni senasib, wahai katak." Ya kami dilanda kesepian yang amat sangat.

Ladang itu mempunyai hospitalnya sendiri. Di situlah ibu-ibu mengandung akan pergi untuk bersalin. Setiap *division* mempunyai rumah pekerjanya dan juga sekolah. Oleh sebab semua pekerja ladang adalah penganut agama Hindu maka disediakan sebuah kuil yang dihiasi penuh dengan gambar-gambar dewa kali iaitu dewa pemusnah; Shiva, dewa yang mempunyai banyatangan; Krishna dan Ganapati, dewa yang berkepala gajah.

Aku dapat menyesuaikan diri dengan keadaan di negara ini setelah aku demam, digigit nyamuk dan kaki aku terkena ulser. Kerjaku semakin menyeronokkan setelah aku dapat memahami bahasa di situ dan mengetahui selok-belok pengurusan ladang. Aku menyelia ramai pekerja yang melaksanakan pelbagai tugas. Mereka bukan sahaja menoreh getah malah mereka

melakukan kerja-kerja senggaraan yang biasa. Ini memerlukan pengetahuan tentang pembinaan jalan, pengairan tanah, perhutanan, dan kejuruteraan. Aku perlu kenal semua pekerja dan menjaga kebajikan mereka.

Hidupku sebagai penolong pengurus ladang tentunya bahagia, jadi mungkin juga silapku apabila aku membuat permohonan dan mendapat kerja di Jabatan Pertanian di *Malayan Colonial Service* setelah 18 bulan bekerja sebagai Penolong Pengurus Ladang.

Ini merupakan perubahan yang besar tetapi aku dapat mempelajari lebih banyak lagi tentang penduduk dan keadaan topografi negara ini. Aku juga mempelajari tentang tanaman, buah-buahan, dan cara menanam padi. Aku mempunyai lebih banyak masa untuk berehat dan bercampur gaul dengan masyarakat. Lebih banyak masa untuk melihat negara ini, mempelajari bahasa Melayu dan mengenali orang Melayu. Tidak lama selepas itu aku dibenarkan membuka ladang ternakanku sendiri sebagai hobi oleh sebab kakitangan kerajaan seperti aku tidak dibenarkan mempunyai pekerjaan yang 'menguntungkan'.

Aku pun memtermak lembu India dan kerbau untuk mendapatkan susunya. Rupa-rupanya kerbau binatang yang sungguh hebat, kulitnya hitam dan haiwan ini tidak berbulu kecuali rambut kelabu di kepalanya. Tanduknya melingkar seperti tanduk kambing biri-biri jantan. Kerbau merupakan binatang yang banyak mengeluarkan susu yang mengandungi 13% lemak

mentega. Bakanya berasal dari Punjab. Kerbau ini sukakan air, jadi terpaksa dibawa untuk dimandikan ke sungai dua kali sehari. Air sungai itu jernih dan mengalir deras. Di seberang sana sungai, terbentang sawah padi yang luas. Terdapat banyak burung raja udang dan kehidupan liar di situ. Suatu ketika aku pernah terserempak dengan seekor biawak ketika aku berenang di sungai itu dan kami sama-sama terperanjat.

Aku telah membina sebuah kandang kerbau yang besar, lengkap dengan tempat tinggal untuk tiga orang pekerja bangsa Sikh. Semuanya dapat bertutur bahasa Melayu. Susu kerbau tadi dibotolkan dan dijual ke gedung serbaneka di Kuala Lumpur.

Kemudian aku mendirikan sebuah rumah yang diperbuat daripada 'pise de terre' atau tanah yang dimampatkan. Rumah ini dua tingkat dan beratap rumbia. Pemandangan daripada rumah ini sungguh indah melewati lembah, bukit-bukau hinggalah ke gunung yang menghijau. Aku tinggal di situ buat seketika bersama-sama tukang masakku yang berbangsa Cina. Dunia sedang berubah. Rumahku tidak akan siap sampai bila-bila masa pun.

Pada tahun 1939 perang menentang Jerman meletus. Rakyat Inggeris yang berada di Tanah Melayu diarah supaya tidak berpindah ke mana-mana. Mereka juga dilarang daripada menyertai pasukan tentera di England. Oleh itu semua lelaki yang sihat tubuh badan dikerah untuk memasuki pasukan Sukarela tempatan yang sama tarafnya dengan askar wataniah di England. Aku menyertai pasukan Artileri Sukarela de-

ngan empat pucuk Howitzers 3.7 sebagai askar biasa. Tugasku meliputi perbarisan seminggu sekali dan setahun sekali diadakan latihan ketenteraan selama dua minggu.

Pada mulanya tidak banyak perubahan yang berlaku dalam kehidupan di Tanah Melayu, tetapi lama-kelamaan perasaan takut semakin mencengkam memandangkan sikap orang Jepun pada waktu itu. Mereka menaakluk beberapa wilayah di Tanah Besar China dan semakin hari soalnya bukan lagi "sekiranya" mereka menyerang negara-negara selatan ke negeri Thai, Tanah Melayu, dan Indonesia tetapi "bila". Pada tahun 1941 sukarelawan telah dikerah untuk menjadi askar sepenuh masa, maka kakitangan kerajaan, pengurus ladang, pelombong dan peniaga, semua yang mempunyai latar belakang dan kedudukan sosial yang sama kini menjadi Mejar, Kapten, Leftenan, Sarjan, dan Perajurit, askar biasa artileri dan askar biasa semboyan manakala pentadbiran negara pula dipikul oleh kakitangan yang sedikit sekali jumlahnya. Sesiapa yang menjadi askar tidak akan melihat kampung halaman atau perniagaan mereka lagi.

Negeri Thai, dan kemudiannya utara Tanah Melayu ditawan oleh tentera Jepun. Pasukan Tetap Tentera Inggeris di Tanah Melayu tidak banyak dan mereka tidak mempunyai pengalaman dalam peperangan di hutan. Tidak ada pertahanan udara oleh sebab terdapat hanya beberapa buah sahaja pesawat pejuang yang lama. Kapal perang, *Prince of Wales* dan *Repulse*, telah tenggelam akibat diserang oleh pesawat udara

musuh semasa kapal tersebut belayar ke hilir Pantai Timur untuk menyerang tentera musuh yang mendarat di situ.

Pemerintah tentera tidak percaya bahawa tentera Jepun dapat menembusi kawasan hutan rimba dan gunung-gunung di Semenanjung. Tetapi tentera Jepun berjaya juga dan tentera Inggeris terus-menerus ditumpaskan. Tentera Inggeris terus berundur hingga kesemua mereka diusir balik ke Singapura. Tidak lama selepas itu pihak musuh pun bertapak di pulau itu sendiri. Sejurus kemudian tentera Inggeris terkepung di sebahagian Pulau Singapura. Pasukan artileri aku ditempatkan di sebuah sekolah di utara Pekan (Bukit Timah). Semua meriam kubu Singapura yang hebat dihalakan ke arah laut tetapi tidak pernah digunakan. Tentera Jepun mempunyai sebuah belon yang terbang di angkasa Singapura dan melaluinya dapat dilihat pemandangan yang menyeluruh tentang semua kedudukan kami, dan kami pula tidak ada perlindungan udara. Kami hanya dapat menembak sasaran kami dengan berpandukan peta. Keadaan menjadi semakin genting dan mencemaskan.

Apabila kami mendengar berita tentang tentera Inggeris menyerah kalah aku sedar bahawa aku harus bertindak cepat sebelum tentera Jepun mengambil alih. Sarjan kompeniku, Sarjan Ross bersetuju lalu berkata, "Kalau awak hendak pergi sekarang, pergilah." Lalu aku pun mengambil basikal – satu tayarnya tiada angin – lalu pergi dari situ. Setibanya aku di kawasan

dermaga Lapangan Terbang Awam, tempat Rejimen Middlesex sedang bertahan, aku diberitahu bahawa berita tentang Inggeris menyerah kalah tidak benar. Aktiviti Pasukan Kelima banyak diperkatakan lantas aku pun menyertai pasukan yang bertugas di situ. Tetapi menjelang hampir tengah malam beberapa kereta dengan lampu yang beryala tiba membawa arahan rasmi supaya menyerah kalah.

Aku bersendirian pada masa itu. Awal pagi tadi aku temampak beberapa buah perahu layar yang tersadai di landasan kapal di sebelah Lapangan Terbang Serokan Kajang. Maka aku pun berpegas ke sana. Di Pekan, api menjulang di sana sini dan cahayanya menerangi persekitaran. Di landasan kapal aku dapati hanya sebuah bot sahaja yang dapat aku gunakan, iaitu sebuah perahu layar kecil untuk seorang yang panjangnya 12 kaki dan diperbuat daripada papan lapis. Perahu tersebut tidak mempunyai tiang mercu atau dayung tetapi terdapat lubang di luar kerana terkena pelari atau serpihan peluru. Lantas aku pun mengambil layar topang daripada perahu lain, joran untuk aku gunakan sebagai tiang mercu dan untuk dayung aku menakuk pangkalnya sebagai tempat memegang dengan menggunakan bayonetku.

Aku askar artileri, jadi mengapa pula aku mempunyai bayonet? Baru aku ingat. Tiga minggu yang lalu semasa aku berada dekat sebuah meriam berhampiran rumah api Tanjung Richardo, para pekerja rumah api itu telah berkeliaran lari meninggalkan rifel

lama dan bayonet mereka — benda-benda yang kami, askar biasa artileri memang harga!

Aku menolak perahuku ke Serokan Kajang. Malangnya kasut but aku hilang semasa aku menyeberang serokan ketika air surut awal pagi itu dan kini teritip di landasan kapal menyebabkan kakiku luka dengan teruk sekali. Dalam kapal tadi aku pun terapung-apung mengikut arus menuju ke laut; sejurus kemudian aku terhalang oleh dawai berduri yang merentangi muara serokan namun setelah mengatasi halangan itu aku pun sampai di lautan yang luas terbentang. Kota Singapura di rangkul kepulan asap. Api bersemarak. Air mengalir masuk melalui lubang di bahagian haluan maka aku terpaksa menimbanya keluar berulang kali dengan timba yang dibuat daripada bekas tin supaya haluan berada di permukaan. Sekali-sekala bunyi goresan membuat aku terfikir akan periuk api — mungkin itu ikan sahaja.

Menjelang pagi aku berjaya menaikkan layar pada tiang sementara. Angin sepoi-sepoi bahasa yang bertiuip dari pantai dan air yang surut memungkinkan aku belayar terus. Tidak lama selepas itu aku ternampak sebuah perahu di hadapan yang membayangkan ada tiga lembaga di dalamnya. Semakin aku menghampiri mereka aku dapati bahawa mereka adalah tiga orang lelaki daripada kumpulan sukarelawan Johor. Mereka juga sedang melarikan diri. Aku bertanya arah tujuan mereka. Jawab mereka, "Sumatera". Lalu aku pun bertanya, "Arah ke mana tu?" Mereka menunjukkan

kepada aku lalu berkata, "ke sana." Maka kami pun meneruskan perjalanan masing-masing.

Sejam kemudian kudapati perahuku tidak juga sampai ke pulau yang paling dekat, sebaliknya berundur balik ke Singapura. Air telah pasang. Aku pun belayar ke arah pulau yang terdekat di sebelah barat. Aku mendarat di sebuah pulau yang terdapat beberapa pokok kelapa dan rumah Melayu. Tiga orang sukarelawan Johor yang aku temui pagi tadi pun berada di situ. Kami memutuskan bahawa elok juga kami berpadu tenaga. Aku kembali ke perahuku semula yang telah aku tambat di serokan kecil tetapi malangnya perahuku sudah tenggelam. Aku cuma berjaya mengambil layar dan sedikit tali.

Aku menoleh ke arah kepulan asap yang terus melanda Singapura. Pedih pilu rasanya. Aku bersumpah aku akan kembali.

Kami berempat pun belayar menaiki sebuah perahu kecil. Angin bertiup dari buritan. Untuk layar kami menggunakan selimut manakala dua dayung sebagai tiang layar. Pada sebelah petang kami sampai di sebuah pulau kecil yang lain. Di celah-celah pokok bakau di situ kami terjumpa sebuah perahu yang lebih besar berbanding perahu kami, lengkap dengan tiang mercu yang teguh buatannya. Perahu itu terbiar tanpa tuan. Semalaman itu kami bekerja keras menanggalkan kain layar dari perahu kami tadi untuk dipasang pada perahu yang terlalu besar. Layar kami nampaknya terlalu kecil untuk bot yang sebesar itu.

Lewat petang itu tiga pegawai daripada Rejimen Leicester tiba dengan sebuah bot kecil, seorang daripada mereka luka parah di belakangnya. Nampaknya bilangan pelarian kini bertambah.

Keesokan pagi kami pun belayar dengan perahu baharu kami menyeberangi lautan yang luas terbentang. Sudah dua malam kami tidak dapat tidur dan badan kami terasa letih lesu. Kami belayar sehari suntuk. Pada tengah harinya kami sampai di sebuah pulau yang lebih besar, ada perkampungan orang Cina di situ dan rumah mereka dibina hingga ke pinggir laut. Di kedai Cina di situ terdapat kasut sukan jenis kanvas saiz 10 lalu aku pun membelinya! Bersyukur aku kepada Tuhan. Bahagiannya kakiku yang meleceet itu.

Semasa kami berada di sana, secara kebetulan kami mendapat tahu tentang jalan keluar yang diusahakan oleh SOE. Kami disuruh belayar terus ke barat menuju ke arah rumah api yang memancarkan cahayanya dan kami hendaklah belayar ke sebelah kiri rumah api tersebut. Dengan berbuat begitu kami akan sampai di Pantai Sumatera keesokan harinya. Dari situ kami hendaklah belayar ke hulu sungai Indragiri ke pekan Rengat tempat kami akan mendapat perlindungan.

Di pulau itu jumlah pelarian melebihi bot yang mampu membawa mereka, jadi mahu tidak mahu terpaksa lah kami membawa beberapa orang lagi termasuklah jururawat kanan daripada Hospital Singapura. Mereka baharu berkahwin dan kerana

beberapa sebab suaminya menaiki bot lain. Setibanya waktu malam kami pun belayar semula ke arah cahaya samar-samar yang kejauhan itu. Tidak ada angin yang bertiup jadi kami berusaha sedaya upaya menggunakan dayung dan pengayuh. Laut ketika itu bergelora, dan kami tidak dapat menghala ke sebelah kiri rumah api tersebut sungguhpun kami mencuba sedaya upaya. Kami ditolak ke kanan. Kami tidak tahu sama ada tempat itu boleh dilalui atau tidak. Walau bagaimanapun, kami selamat melalui tempat itu dan menjelang pagi kami sudah pun berada di kawasan perairan yang tenang dan berada tidak jauh dari kawasan pinggir yang rendah dan rata. Kami sangat penat. Sudah tiga malam kami tidak tidur.

Pada hari itu kami berdayung perlahan-lahan melalui satu serokan dan kami pun sampai di sebuah kampung nelayan Melayu. Penduduk di situ sungguh ramah. Ketua kampungnya baru sahaja memiliki sebuah tongkang atau kapal jong. Dia dengan ikhlas bersedia untuk menghantar kumpulan kami ke Indragiri pada esok malamnya dengan menyusuri pantai supaya kami sampai di situ apabila fajar menyingsing.

Ketika kami berlabuh di Indragiri kami dapati sungguh ramai orang. Di situ bukan sahaja pelarian dari Singapura tiba malah terdapat juga mangsa yang terselamat dari kapal stim yang tenggelam berhampiran Pulau Pom Pom di selatan Singapura kerana diserang oleh pesawat udara Jepun. Kapal inilah yang menghabiskan sekali meninggalkan Singapura untuk belayar ke

Australia membawa orang awam.

Di sana kami menyertai kumpulan pelarian militari dan kami dihantar ke Rengat menaiki kapal stim yang kecil yang penuh lipas. Rengat ialah sebuah pekan kecil yang sibuk di hulu sungai. Lipas berkeliaran dengan bebasnya, merayap-rayap mencari makanan di badan dan di muka para lelaki yang sedang lena keletihan. Di Rengat pihak berkuasa Belanda memberi lima *guilders* kepada setiap pelarian untuk membantu mereka meneruskan perjalanan mereka. Perhentian kami seterusnya ialah ladang getah di kawasan pedalaman. Kini terdapat ramai askar Australia yang menuju ke tempat yang sama. Semasa aku sedang duduk-duduk atas tanah dekat kilang di ladang itu seorang lelaki Melayu yang bertubuh kecil keluar dari rumahnya. Dia memperkenalkan dirinya sebagai mandur di kilang tersebut. Ladang telah ditutup. Dia mempunyai isteri dan keluarga tetapi tidak mempunyai wang. Fikirannya buntu tidak tahu apa yang hendak dilakukan. Aku pun berkata, "Beginilah. Saya pinjamkan satu *guilders* kepada awak (wang yang aku terima daripada orang Belanda tadi). Belilah telur itik. Rebus telur itu dan jual kepada orang pelarian." Dia kelihatan agak terperanjat juga. Tidak pernah dia membuat kerja seperti itu! Petang itu aku temampak lelaki Melayu tadi berlari ke sana sini dengan bakulnya, menjual telur rebus. Dia menghampiriku lalu membayar hutangnya tadi dengan telur rebus. Katanya tuturan Melayuku "manis." Urusan perniagaan kecil kami itu menyemarakkan

semangatku semula.

Pada paginya beberapa buah lori tiba untuk membawa kami meneruskan perjalanan. Lori ini merupakan jenis trak terbuka yang beratnya 10 tan, biasanya digunakan untuk membawa batu atau batu kelikir. Sepanjang hari itu kami menyusuri jalan yang lekuk-lekak, yang tidak selesa langsung, dan pada kebanyakan masa kami mendaki bukit. Pada sebelah tengah hari kami pun tiba di sebuah pekan kecil di rabung gunung yang tertinggi sekali. Pekan ini mempunyai ciri-ciri pekan Belanca dengan rumah Belanda dan Dewan Pasar yang besar. Di dewan inilah tikar dibentang untuk menyambut kedatangan kami. Di satu sudut seorang perempuan Belanda yang berbadan besar berdiri di belakang sebuah periuk besar yang berisi bubur nasi. Dia menyenduk bubur tadi apabila kami lalu seorang demi seorang di depannya.

Keesokan paginya kami dibawa ke perhentian kecil yang merupakan perhentian perkhidmatan kereta api terakhir gunung yang menyusur ke pantai barat pekan Padang. Perjalanan menuruni bukit itu melalui perkampungan gunung yang sungguh indah. Sumatera sememangnya negeri Melayu. Terdapat kampung-kampung Melayu di kiri kanan landasan kereta api. Hujung gabel rumah jeram mereka dicat dengan warna yang menarik. Gadis-gadis Melayu membarisi tepi-tepi landasan dan tempat perhentian kereta api untuk menjual buah-buahan dan kuih-kuih manis. Setelah bersusah payah selama 10 hari, perjalanan yang ini

sungguh menenangkan.

Kami berempat, aku, Nias, Way, dan Somerville, yang belayar ke luar dari Singapura bersama-sama tidak berpisah walaupun dari semasa ke semasa kami belayar bersama-sama ramai askar Inggeris, askar Melayu dan askar Australia. Di Padang kami tinggal di sebuah sekolah Melayu sementara menunggu. Dua hari kemudian semasa kami bersiar-siar di tepi laut kami ternampak sebuah kapal perang menghampiri pelabuhan. Pelabuhan itu sebatu jauhnya dari Padang. Kami bergegas balik ke tempat persinggahan kami tadi, dan mengemas beberapa barang kami. Barangku dibungkus dalam kain layar perahu kecilku yang pertama. Kami menyewa 'tonga' dan berkejar ke pelabuhan. Kapal perang yang kami nampak tadi ialah kapal peminasa Inggeris. Mereka berlabuh untuk mengisi minyak. Pelabuhan itu telah dibom dengan teruk sekali oleh tentera Jepun dan telah ditinggalkan terbiar oleh pegawai atau para pekerja. Sungguhpun begitu mereka berjaya juga mendapatkan minyak yang diperlukan. Setelah merapatkan kapal ke dermaga, mereka membenarkan ramai pelarian menaiki kapal. Pada petang harinya kami belayar ke laut dan semasa di sinilah kami bertemu dengan dua kapal perang yang sedang menunggu dalam gelap. Kapal tersebut ialah kapal Britain bernama *Danae* dan kapal Australia bergelar *Hobart*. Kami dipindahkan ke kapal *Danae* dan kami tidur di atas dek. Maka kami pun meneruskan pelayaran kami ke Colombo. Kamilah kumpulan yang

terakhir yang diambil dari Sumatera – ada lagi yang dapat melarikan diri dan sampai ke Sri Lanka dengan menaiki kapal layar kepunyaan orang Sumatera.

Kami tidur di dek sehingga pagi esoknya apabila dek dibasuh. Kemudian Pancaragam tentera Laut pun memainkan lagu-lagu manakala Pegawai-pegawai Muda dan kelasi berlari di sekeliling dek membuat latihan. Kami disaji roti yang baru dibakar di mes. Beberapa hari kemudian kami pun mendarat di Colombo. Kami diberi pakaian baharu dan dilayan mesra oleh penduduk tempatan. Aku bertemu dengan Sarjan Ross dan sekumpulan lain daripada pasukan meriam yang menginap di Hotel Lord Nelson. Rupa-rupanya dia telah mengatur rancangan melarikan diri yang lebih baik daripada rancanganku. Dia telah merampas sebuah tongkang dari Singapura dan telah bermurah hati memberikannya kepada orang Melayu setibanya di Sumatera. Sebenarnya kapal itu jugalah yang telah mengangkut kami dalam peringkat akhir perjalanan kami ke Indragiri.

Kini terdapat sekumpulan kami bekas kakitangan Inggeris dari Tanah Melayu yang telah melepaskan diri setelah Singapura menyerah kalah. Kami semua merupakan ahli unit Pasukan Sukarela Tanah Melayu yang terlatih untuk berperang namun malangnya kami tidak dianggap askar langsung oleh Pentadbiran Militari di Sri Lanka. Kami semuanya berhasrat untuk pulang ke Tanah Melayu, pulang untuk menentang tentera Jepun dan mengambil negeri kami semula. Tentera

Jepun telah menawan Burma hinggalah ke Assam di sempadan India. Tentera udara dan tentera laut Jepun mengancam Sri Lanka. Ramai peniaga India yang berada di Sri Lanka yang telah menjual perniagaan mereka lalu pulang ke tanah air mereka. Kami dari Tanah Melayu merasakan bahawa sebaik-baiknya kami menyertai Tentera India. Tiga belas daripada kami pun bertolak ke Bombay untuk mendaftarkan diri. Sejurus kemudian kami yang tiga belas orang ini bersama-sama dua puluh orang rakyat British yang direkrut di situ telah dihantar ke Sekolah Latihan Pegawai di Belgaum. Belgaum terletak di tanah tinggi di sebelah barat yakni kira-kira 4000 kaki di Ghat Barat. Kami menjalani latihan selama tiga bulan di sana. Latihannya telah banyak berubah sejak Tanah Melayu ditawan. Penumpuannya sekarang adalah semata-mata terhadap daya kekuatan dan daya ketahanan. Tentera kami harus lebih kuat daripada tentera Jepun. Kumpulan kami pun memang sedia kuat. Setelah tiga bulan menjalani latihan dan lulus darjah satu dalam bahasa Urdu kami dihantar ke Rejimen yang berlainan. Aku dihantar ke Rejimen Ke Tiga Gurkha di Dehra Dun, India Utara. Di sana sekali lagi kami menjalani latihan peperangan di hutan dan juga latihan daya ketahanan serta mempelajari cara untuk mengharungi kelaparan dan hidup yang sengsara. Setelah beberapa bulan di sana kami mendapat berita yang kami akan berpindah ke dewan Burma. Pada masa yang sama aku diarahkan untuk melaporkan diri di unit perisik di Meerut selatan

HUJAN PANAS BAWA BENCANA

Delhi. Akulah salah seorang yang berjaya melepaskan diri dari Singapura dan dipelawa untuk berlatih supaya dapat dihantar semula ke Tanah Melayu yang ditawan oleh tentera Jepun.

FORCE 136

PERHUBUNGAN KOMUNIS CINA

Setahun selepas kejatuhan Singapura, tiada sesiapa yang tahu apa yang berlaku di Tanah Melayu. *Special Operations Executive* mempunyai agen yang beroperasi di Tanah Melayu semasa kempen menentang Jepun. Merekalah yang merancang jalan keluar dari Singapura ke Sumatera dan Padang. Semasa Jepun menjajah, beberapa kumpulan kecil telah berjaya menyelidinap masuk tetapi musuh mara dengan begitu cepat sekali sehinggakan mereka tidak dapat menyaingi jejak Tentera Jepun. Hanya satu kumpulan sahaja yang masih berhubung dengan Gerila Komunis Cina yang difikirkan dapat selamat. Oleh yang demikian usaha pertama *SOE* atau *Force 136* seperti yang dikenali di India adalah untuk mengadakan hubungan semula dengan kumpulan ini. Pada masa itu tidak ada pesawat udara di India yang dapat terbang ke Tanah Melayu sejauh 6000 batu dan pulang semula ke India. Jadi satu-satunya adalah dengan kapal selam dari Trincomalee di Sri Lanka ke Selat Melaka, kemudian dengan 'bot

lipat' (kanu yang boleh lipat) ke pantai negeri Perak pada waktu malam. Dengan bantuan orang Cina yang baik hati itu kami akan dapat masuk ke hutan dan menghubungi gerila tadi. Operasi yang berbahaya itu berjaya. Walau bagaimanapun, malang menimpa sekali lagi dan perhubungan terputus. Dalam hal yang sedemikian, kami bersedia menghadapi sebarang kontingensi. Salah satu tugas yang mula-mula sekali aku lakukan adalah mengiringi operator radio berbangsa Cina dan alat radionya untuk pergi mendapatkan jong China yang berlabuh berhampiran dengan Pulau Besar di Selat Melaka dengan menaiki kapal selam pada tarikh yang tertentu.

Oleh itu apabila tiba masanya kami pun belayar menaiki kapal *Tallyho* bersama-sama Komander Bennington. Dibandingkan dengan kapal selam zaman moden, kapal selam kelas T adalah kecil. Perjalanan keluar itu mengambil masa satu bulan. Kami akan belayar menyeberangi Lautan Hindi dari Trincomalee ke Selat Melaka. Di sana kami akan menyekat kapal musuh dan mengambil alih operasi *SOE*, kemudian balik semula. Kapal selam belayar pada permukaan air di perairan yang selamat tetapi menyelam pada waktu siang di perairan musuh. Kapal ini menyelam dengan menggunakan kuasa bateri yang dicas, pada waktu malam; apabila ia berada di permukaan air ia menggunakan kuasa enjin disel. Kuarters dalam kapal selam ini tidaklah sesempit seperti yang dijangkakan.

Ward Room (kuarters pegawai) mempunyai

bangku yang panjangnya lapan kaki dan diletakkan memanjang di satu sudut manakala satu lagi bangku yang sama yang panjangnya enam kaki diletakkan pada sudut dinding sekat. Sebuah meja yang tidak berapa lebar diletakkan di depan bangku itu. Di bahagian sudut yang satu lagi diletakkan tiga ranjang bertingkat yang dipasang secara rapat. Seseorang itu kenalah melintangkan badannya untuk naik ke atas katil. Aku hanyalah seorang penumpang maka terpaksa lah aku tidur di bangku yang diletakkan memanjang. Laluan utama kapal itu adalah di tengah-tengah. Nakhoda kapal mempunyai kabin yang berasingan maka dia jarang-jarang kelihatan.

Aku pernah naik ke menara anjung sekali apabila aku dipelawa. Seorang pengawas diletakkan di setiap arah. Apabila ternampak pesawat udara, siren *Klaxon* dibunyikan agar kapal cepat-cepat menyelam. Pengawas itu akan bergegas menuruni tangga, gegas ditutup dan kapal pun menyelam. Keadaan senyap sepi setelah enjin dipadamkan. Walau bagaimanapun, "rasa selamat" itu terasa apabila melihat tolok kedalaman yang menunjukkan kapal menyelam semakin dalam. Nampaknya lebih baik aku tidak mengganggu mereka yang telah terlatih untuk menjalankan kerja itu dan oleh itu aku tidak akan naik ke atas lagi.

Setibanya di Selat Melaka, suasana yang mencemaskan jelas terasa. Pada waktu malam semasa kami berada tidak jauh dari Pulau Pinang, suatu arahan tiba agar kami bersiap sedia. Kapal selam Jepun telah

dikesan menuju tepat ke arah mereka. Dua torpedo dilepaskan. Setiap satu dilepaskan secara berasingan dan diiringi dengan bunyi 'tum, tum' yang sangat jelas. Keadaan menjadi senyap sunyi, saat berlalu. Tidak lama kemudian terdengar satu letupan yang kuat. Semua orang melompat dan bersorak gembira. "Dapat pun".

Kami meneruskan perjalanan menghala ke selatan menuju ke Pulau Besar. Kapal selam kami menyelam pada waktu siang. Sebuah vesel kargo dilihat menuju ke selatan. Sekali lagi dua torpedo dilepaskan — bedilan yang ini lebih luas. Satu mengena. Pegawai Laksamana berkata dengan riangnya, "Saya dapati sekiranya torpedo mengenai buritan kapal, ia akan terus tenggelam." Kami meneruskan perjalanan kami ke Pulau Besar. Setibanya kami di sana kami dapati banyak tongkang yang berlabuh di pulau tersebut tetapi tiada satu pun yang mempunyai kain merah tersidai pada rel kapal — isyarat yang telah ditetapkan. Satu lagi kegagalan.

Sejurus kemudian kami menerima arahan untuk menemui sebuah lagi kapal selam, yakni Kapal Selam *Tarrant*, berhampiran dengan Pantai Sumatera, untuk menyekat kapal iringan yang melalui Selat Melaka. Kami pun menuju ke tempat yang ditentukan pada waktu malam. Semasa kami menghampiri tempat yang ditentukan kami ternampak olak air yang menandakan sebuah lagi kapal. Jurusemboyan dipanggil untuk memberi isyarat tanda mencabar dengan harapan

kapal tersebut adalah kapal selam *Tarrant*. Rupanya bukan. Cepat-cepat arahan diberi untuk berada di tempat tugas masing-masing. Belum sempat pun mereka mengendalkan torpedo, kami menyadari bahwa kapal tersebut sedang menukar haluan untuk menyerang dan arahan pun tiba untuk 'menyelam' dan berada di 'stesen bertindak'.

Semuanya berlaku dengan pantas sekali. Kapal kami dihentam kuat lalu menyendeng sebelah. Beberapa saat kemudian alat panduan kedalaman meletup dan semua lampu terpadam. Satu-satunya cahaya yang tinggal ialah jalur cat berkilat di sepanjang siling. Kapal kami terus tenggelam dengan perlahan-lahan. Bunyi enjin kapal yang menyerang kami pun semakin sayu bunyinya lalu senyap menghilang. Lampu kecemasan berkelap-kelip dengan lemah sekali.

Seperti biasa aku sedang tidur dalam keadaan yang tidak selesa di atas bangku apabila kekecohan itu berlaku. Pada mulanya aku ingat kami telah sampai di Pulau Besar. Kemudian aku terfikir pula tentang sama ada aku terpaksa menukar sarung yang aku pakai dengan sepasang seluar pendek kalau terpaksa berenang. Pegawai Torpedo yang lalu di situ mempelawa aku pergi bersama-samanya untuk melihat apa yang telah berlaku di depan. Kami melewati torpedo yang telah sedia teratur lalu sampai di dinding sekat kedap air, betul-betul di luar. Seorang kelasi sedang memegang pintu manakala seorang lagi yang berada di dalam kamar sedang mencuba untuk menguatkan kembali

rivet yang telah tercabut untuk mengurangkan air yang masuk. Keadaan di situ bukanlah suatu yang menyenangkan.

Seharian itu para pegawai dilanda kebimbangan tatkala mereka cuba membayangkan kerosakan yang terjadi, keapungan yang telah terjejas serta tindakan yang harus diambil untuk memperbaiki keseimbangan supaya mereka dapat meneruskan perjalanan pulang dalam keadaan yang agak selamat. Malah bilik apungan di bahagian sisi kapal selam itu telah pecah dari hujung sana ke hujung sini akibat dirempuhi kipas kapal pemusnah Jepun semasa ia menghentam kapal kami. Nasib baik kapal musuh itu sendiri mengalami kerosakan semasa menghentam kapal kami maka ia telah melepaskan satu *depth charge* dan oleh itu tidak dapat berpusing balik untuk menyerang. Kapal kami terus berada dalam laut sepanjang hari keesokan harinya setelah bunyi enjin kapal pemusnah itu tidak kedengaran lagi. Para pegawai sibuk dan bimbang. Pada waktu senja kapal selam pun timbul pada tahap pelayaran yang sesuai. Memandangkan mustahil untuk mendapatkan keseimbangan tanpa keapungan di satu sebelah kapal maka kapal kami lebih senget ke sebelah kanan. Kami meneruskan perjalanan pulang dalam keadaan yang tempang. Pegawai dan kakitangan semuanya bersemangat. Bendera lanun "Jolly Roger" telah dikibarkan untuk menandakan kejayaan mereka yang baru itu lalu mereka pun belayar masuk ke Pelabuhan Trincomalee.

Operasi *SOE* ini yang diberi nama kod "Gustavus" menunjukkan betapa tipisnya hubungan pasukan dengan pejabat pangkalan. Jika ada pasukan yang terkandas dalam hutan di selatan Perak pasti tidak ada hubungan udara pada masa ini. Tidak ada pesawat yang dapat terbang sejauh itu dan kembali semula. Kawasan pantai Tanah Melayu di Selat Melaka sarat dengan sawah padi, ladang getah, dan kelapa sawit. Lautnya cetek sejauh beberapa batu dan keadaan ini menyebabkan kapal selam tidak dapat rapat ke pantai. Kapal selam hanya boleh bertindak dalam operasi yang penuh dengan "tipu muslihat dan komplot" dalam rancangan biasa operasi serangan mereka. Oleh yang sedemikian agen yang menyeludup masuk ke dalam kawasan ini tanpa bantuan dari darat terpaksa dipindahkan dari kapal selam pada waktu malam ke 'bot lipat' dengan berbekalkan makanan, radio dan sebagainya untuk berdayung ke pinggir pantai yang jauh. Kemudian mereka menyeberangi pula kawasan yang ada penduduk. Perjalanan itu sememangnya berbahaya. Begitulah kedudukan pasukan 'Gustavus' pada waktu itu.

HUBUNGAN DENGAN ORANG MELAYU

Pihak berkuasa ketika itu tidak sabar-sabar lagi untuk bertindak menakluki Tanah Melayu semula dengan kerjasama penduduk Tanah Melayu yang baik hati kerana negeri itu adalah negeri Melayu dan diperintah oleh Raja Melayu. Parti Komunis China memang telah bergiat cergas sebelum Jepun menawan Tanah Melayu lagi dan mereka telah bersiap sedia untuk membentuk kumpulan gerila, malangnya matlamat terakhir mereka selepas kekalahan Jepun adalah untuk menggulingkan pemerintahan Inggeris lalu menubuhkan sebuah Kerajaan Komunis. Masalah segera yang perlu diatasi ialah merekrut dan melatih orang Melayu yang sesuai. Selepas Jepun menawan Tanah Melayu dan Singapura jatuh ke tangan mereka, orang Melayu yang berkhidmat dalam angkatan tentera pasukan polis dan perkhidmatan lain telah pulang semula ke kampung halaman mereka secara senyap senyap untuk mengelakkan daripada bertembung dengan Jepun atau tindak balas daripada musuh yang

menang itu. Hanya sebilangan kecil sahaja yang meninggalkan negeri, yakni beberapa orang daripada pasukan polis dan beberapa orang daripada angkatan laut Tanah Melayu. Kami diberitahu bahawa ramai pemuda Melayu yang telah dihantar ke Makkah setiap tahun untuk menunaikan fardu haji, dan mempelajari Islam semasa berada di Jeddah. Mereka ini bukan sahaja dari Tanah Melayu tetapi dari Indonesia juga. Kini mereka terpisah dari tanah air mereka. Konsul di Jeddah pula telah diarahkan untuk merekrut pemuda yang sesuai, baik dari Tanah Melayu atau dari Indonesia untuk dilatih di India dengan tujuan untuk dihantar semula ke Tanah Melayu untuk membantu menggulingkan pemerintah Jepun.

Tidak lama kemudian kira-kira 20 atau 30 pemuda ini tiba di Karakvaslar, sebuah kem latihan yang terletak di bukit-bukau ke utara Poona di India. Aku baru saja menamatkan latihan di kem ini dan aku berasa gembira ditugaskan mengatur latihan bagi para pemuda ini. Mereka harus dilatih menjadi askar, melaksanakan kerja-kerja merisik dan melakukan kerja sabotaj. Tujuannya adalah supaya apabila tiba masanya nanti kumpulan-kumpulan ini akan dihantar balik ke Tanah Melayu untuk mengatur rangkaian perisikan serta membentuk pasukan gerila Melayu daripada kalangan penduduk Melayu sendiri serta menjalankan serangan terhadap tentera Jepun di Tanah Melayu.

Pada masa ini terdapat satu kumpulan sahaja

di Tanah Melayu yang beroperasi dengan gerila komunis Cina di selatan Perak dan kumpulan ini digelar (*Malayan Peoples Anti-Japanese Army* atau Pasukan Melayu Menentang Tentera Jepun. Hubungan pasukan ini dengan ibu pejabat di Colombo, Sri Lanka terlalu sedikit dalam keadaan tenang. Kini perhubungan radio pun telah terputus dan setakat ini usaha untuk menyambung semula perhubungan melalui kapal selam tidak dapat dilaksanakan. Pada masa itu pasukan gerila hanya dapat dihantar ke Tanah Melayu dengan kapal selam sahaja.

Kerja-kerja melatih sukarelawan Melayu yang baru ini sukar dan mengambil masa yang lama. Budak-budak selekeh yang kurus melampai ini terpaksa dilatih untuk menjadi askar-askar pejuang yang gagah lagi berani. Mereka harus dilatih untuk menggunakan karbin dan mesingan. Dilatih untuk melaksanakan sabotaj, menggunakan bahan peletup, membuat bom, menggunakan propaganda dan mengatur pertubuhan subversif. Banyak masa yang dihabiskan mempelajari kerja kapal, mendarat menggunakan 'bot lipat' pada waktu malam di pantai yang kononnya pantai musuh. Mereka juga harus belajar cara membaca peta dan mengembara di seluruh negeri.

Kumpulan yang pada asalnya besar lamakelamaan berpecah kepada beberapa kumpulan yang lebih kecil dan kumpulan ini dilatih oleh pegawai yang akan mengetuai kumpulan mereka yang akan

kembali semula ke Tanah Melayu.

Setelah setahun melatih kumpulan yang aku pilih, kami pun telah bersedia. Dengan menggunakan nama kod 'Hebrides' kami sudah bersedia sangat, untuk kembali ke Tanah Melayu.

Satu-satunya jalan balik ke Tanah Melayu adalah dengan kapal selam dan kami terpaksa melalui kawasan yang digunakan dalam operasi *Gustavus*. Perhubungan belum disambung semula. Kedudukan *Gustavus* tidak seharusnya dijejaskan lalu kawasan itu ditutup untuk sebarang operasi baharu.

Pasukan kami telah dilatih, di tasik dan di bukit Karakvaslar; di pantai Bentota berhampiran Colombo kami dilatih tentang pendaratan bot lipat di pantai 'musuh'; di Istana Raja Tagores, Calcutta bertempat di 'School of Oriental Interpreters' kami dilatih tentang propaganda dan subversif. Kini kami sudah bersedia untuk berlepas tetapi satu-satunya jalan ke sana telah ditutup kepada kami.

Akhirnya kami mengambil keputusan untuk mencuba masuk dengan menggunakan pesawat *Catalina*. Dua operasi dirancang: Satu, pasukan Melayu semata-mata dari Trincomalee di Sri Lanka akan menuju ke pantai timur Kelantan berhampiran Pulau Perhentian; manakala satu pasukan lagi menuju gugusan pulau yang terletak berhampiran pantai negeri Thai menghala ke pantai Patani, sebuah negeri Melayu di bahagian tenggara negeri Thai yang bersempadan dengan Kelantan. *Catalina* merupakan pesawat udara

yang terbang perlahan, oleh itu satu pusingan akan mengambil masa 24 jam. Kapten Ibrahim bin Ismail (kini Jeneral – sudah bersara) dan satu pasukan kecil telah dipilih untuk operasi Perhentian ini.

Pasukanku telah bersedia dan kami dipilih untuk operasi Laut China/Patani. Sesungguhnya kami tidak tahu menahu tentang operasi yang satu lagi tadi. Kami memang terlatih sepenuhnya untuk pendaratan secara bot lipat dari laut. Oleh itu kami terpaksa berlatih untuk berpindah dari pesawat *Catalina* ke bot lipat di laut. Kami pun berlatih selok-belok ini di laut pedalaman di Sri Lanka.

Setelah pesawat *Catalina* mendarat atas air, kami terpaksa memanjat keluar berdua-dua ke sayap pesawat dengan membawa bungkusan bot lipat. Di atas sayap itu mereka memasang bot tersebut lalu menurunkannya ke laut dengan menggunakan tali pintal. Bot dibiarkan terapung semula ke pelabuhan, senjata untuk diisi dengan perlengkapan. Latihan itu berjalan dengan agak lancar pada siang hari di laut pedalaman yang tenang di Sri Lanka.

Untuk operasi yang sebenarnya, pendaratan dibuat di laut, yakni di bawah lindungan beberapa pulau yang terletak kira-kira empat batu dari tanah besar. Perlindungan adalah perlu oleh sebab pada masa itu monsun timur laut sedang bertiup dan laut bergelora. Operasi itu akan dilancarkan pada waktu malam iaitu dalam keadaan gelap. Flotila tiga bot lipat telah dipasang dan diisi dengan kelengkapan

seperti yang telah digambarkan tadi. Kami terpaksa berdayung ke pantai yang jauhnya empat batu. Mengharungi ombak untuk mendarat di pantai yang asing bagi kami. Bekalan dan bot lipat akan ditanam di dalam pasir yang kering. Pasukan itu akan meneruskan perjalanan ke darat untuk meminta perlindungan daripada penduduk Melayu di situ dan mencari seorang pemandu untuk membawa mereka menghadap Tengku Putera, Raja Patani. Semua ini telah dilatih beberapa kali di Sri Lanka.

Berdasarkan pengalaman yang lalu memang jelaslah bahawa operasi ini agak mustahil dan berani sangat. Kami semua masih muda dan berkobar-kobar untuk kembali ke tanah air dan menentang Jepun. Kami yang berada di kem dekat Trincomalee telah bersiap sedia untuk pergi. Tengku Mahmood Mahyideen, Ketua Bahagian Negeri Melayu di Colombo, Sri Lanka dan yang juga merupakan anak saudara kepada Tengku Putera datang melawat kami dan menyuruh kami untuk bersiap sedia dalam masa dua hari. Dia memberitahu aku bahawa operasi yang satu lagi telah berjaya. Dia datang lagi keesokan harinya untuk memberitahu kami bahawa operasi kami terpaksa dibatalkan kerana 'taufan di Teluk Bengal'. Sebenarnya pasukan Kapten Ibrahim telah ditawan pada 1 November 1944. (Sila rujuk buku Kapten Ibrahim, 'Sudahkah Kamu Bertemu Mariam' Judul ini telah menjadi rujukan keselamatan mereka). Sesungguhnya Tuhan telah menyelamatkan kami.

KEDATANGAN *LIBERATOR*

Kemudian kami pun diberitahu bahawa pesawat udara *Liberator* Amerika akan tiba di India untuk diservis. Pesawat ini akan dilengkapkan dengan tangki minyak untuk perjalanan jauh yang meliputi 3000 batu dari India ke Tanah Melayu dan kembali semula ke India. Keputusan telah diambil bahawa kapal selam tidak akan digunakan lagi untuk operasi selanjutnya. Jadi, pemergian pasukan aku ke Tanah Melayu adalah dengan pesawat udara. Kami pun dihantar ke Cheklala di India Utara untuk latihan payung terjun. Inilah senarai nama ahli pasukan kami yang akan kembali ke Tanah Melayu dengan jayanya apabila tiba masanya.

Nama kod pasukan - 'Hebrides'

1. Mejar Peter Dobree ; BB 252, nama kod - Tokay
2. Penolong Ketua : Leftenan Mohamed Nor bin

Rani (Nor Rani)

3. Bahari dari Jeddah
4. Imran dari Jeddah: Operator radio pertama
5. Hussein bin Sidek dari Jeddah: Operator radio kedua
6. Jamal: bekas anggota polis Tanah Melayu.

Setibanya di Cheklala kami menghabiskan masa selama tiga hari berlatih menggunakan pelbagai bentuk alat untuk membiasakan diri dengan kesan pendaratan secara terjun agar dapat menjejak bumi dalam keadaan selamat.

Kemudian kami membuat empat loncatan dari pesawat *Dakota*, yakni tiga loncatan pada siang hari dan satu loncatan pada waktu malam. Ada antara jurulatih kami yang telah terjun beratus-ratus kali. Pada mereka terjun merupakan satu pengalaman yang menyeronokkan. Kami tidak begitu gembira. Kerana beberapa sebab mereka menunjukkan gambar 'sekumpulan' orang yang melakukan terjun tetapi malangnya payung terjun mereka tidak terbuka. Penerjunan cara ini dinamai *Roman Candle*. Apa yang jelas di sini ialah mereka menggunakan tali yang salah untuk pek payung terjun. Ini melemahkan semangat aku. Ketika hendak melompat dari pesawat setiap orang hendaklah mencangkukkan 'tali statik' pada dawai yang terikat di sepanjang pesawat. Inilah yang membuka payung terjun setelah seseorang itu melompat keluar. Sebagai langkah keselamatan

selanjutnya pin dawai disemat pada klip. Sungguhpun begitu seseorang itu tidak akan teragak-agak untuk memeriksanya sekali lagi ketika dia melangkah ke arah pintu pesawat. Dalam sekelip mata anda berada di muka pintu lalu anda pun melangkah keluar ke dalam dakapan deruan angin. Bersyukurlah, payung terjun anda terbuka dan anda sedang terbang turun sambil melambai-lambai kepada teman anda. Tiada apa-apa masalah ketika mendarat. Seorang 'Wallah Kuih' berbangsa India sering muncul dengan menjunjung tin hitam yang penuh dengan pelbagai kuih yang lekit. Kami pun membeli kuih tersebut dan memakannya dengan penuh bersyukur. Pada suatu hari jurulatih kami datang untuk memberi pandangannya tentang pencapaian kami lalu dia berkata kepadaku, "Dobree, cara awak melangkah keluar dari pesawat memang betul, kedua-dua belah tangan rapat ke sisi, begitu juga kaki awak tetapi tiba-tiba-tiba sahaja kaki awak terkangkang dan tangan awak terkapai-kapai!"

"Tuan," jawabku, "tidak silap saya pada masa itu saya sudah pun pengsan!"

Keesokan harinya kami berkongsi pesawat dengan satu pasukan Burma yang diketuai oleh seorang pegawai berbangsa Serani yang segak untuk menjalankan latihan terjun. Mereka terjun dahulu sebelum kami. Kami memerhatikan pegawai mereka melompat dahulu, hebat gayanya tetapi yang memmeranjatkan kami ialah beberapa daripada ahli

pasukannya terpaksa ditarik ke pintu lalu ditolak keluar. Selepas peristiwa itu aku pun pergi menemui Sarjan Despatcher lalu berkata, "Awak terpaksa menolak beberapa orang!" Dia menjawab, "Tidak, Tuan. Tiba-tiba sahaja lutut mereka lemah, terpaksa sah saya membantu mereka!"

Setelah tamat latihan kami pun kembali ke Calcutta dan menunggu. Kami tidak perlu menunggu lama. Kami diberitahu bahawa kami akan melakukan penerjunan pada waktu malam dan mendarat atas amang¹ bijih di lombong bijih di timur Gerik. Gerik ialah pekan kecil di utara negeri Perak.

Arahan kami ringkas sahaja:

1. Menghubungi orang Asli untuk memastikan tempat tinggal dan sikap penduduk Melayu tempatan. Tanyakan di mana Pat Noone, penyelamat dan pelindung kaum Asli berada. Dia telah terkandas di hutan semasa penaklukan tentera Jepun. Itu pun jika dia masih hidup.
2. Menghubungi penduduk Melayu tempatan.

1 Amang: Bijih terdapat pada permukaan batu (batu kapur) di bawah tanah, di kawasan datar di Tanah Melayu. Bijih timah diperolehi dengan menggunakan kapal korek yang terapung dalam lombong. Kapal ini akan bergerak perlahan-lahan ke depan sambil mengaut tanah, pasir dan batu kelikir yang ada di situ. Melalui proses membasuh dan mengisar, bijih

3. Membentuk satu rangkaian perisik.
4. Merekrut orang untuk menganggotai tentera gerila Melayu untuk menyerang tentera Jepun apabila Tanah Melayu hendak ditakluk semula.

Berbulan-bulan lamanya kami menjalani latihan yang teruk. Barang-barang keperluan dan bekalan makanan telah disiapkan. Kami tidak boleh bergantung pada hutan belantara untuk bekalan makanan kami. Jadi dalam tempoh seminggu dua terpaksalah kami mendapatkan makanan daripada orang Melayu, kalau tidak kami terpaksa berlapar. Sebahagian besar daripada alatan dan bekalan yang sangat diperlukan terpaksa digalas. Kami berjaya mendapatkan alatan tentera Amerika dan juga alatan tentera Inggeris yang dapat membantu kami. Kamilah pasukan yang pertama yang akan digururkan semula ke Tanah Melayu, jadi kami terpaksa bergantung pada daya usaha kami sendiri dan tidak bergantung pada pengalaman orang lain. Pada anggaranku beban seseorang itu tidak melebihi 60 paun.

Secara kasarnya senarai peralatan seperti yang berikut:

Karbin Amerika 6 $\frac{1}{2}$ lb Untuk dikongsi
bersama-sama

timah akan tertinggal manakala pasir dan batu kelikir terlonggok di belakang kapal. Kawasan ini akan jadi terbiar setelah selesai ditombong. Pasir inilah yang dinamai arang. Pasir ini sangat putih dan ketara pada waktu malam.

KEDATANGAN *LIBERATOR*

Bekalan peluru tambahan	3 lb	Radio pemancar	30 lb
Beras	10 lb	Bateri	20 lb
Sambal (serunding)	2 lb	Set Pengecas	15 lb
Khemah kanvas	6 lb	Buku kod dll.	5 lb
But hutan	4 lb		
Pisau hutan	3 lb		
Selimut	3 lb		
Pakaian	6 lb		
Kit perubatan			
Kit pencucian			
Beg sandar			
Tin mes			
Jumlah ++	50 lb	seorang	

Selama seminggu kami menikmati masakan Calcutta yang enak sebelum kami menerima arahan untuk pergi menyertai pesawat *Liberator* di lapangan terbang Jessore yang terletak lapan puluh batu ke utara Calcutta untuk pulang ke Tanah Melayu. Kelengkapan kami dilonggokkan di tengah-tengah ruang pesawat, bersama-sama tangki petrol tambahan yang lebih besar. Kami ditempatkan di bahagian belakang pesawat. Di situlah jugalah tempat kami akan digugurkan melalui *hac*. Tali pelongsor diikat pada siling dan pada pelongsor inilah kami duduk sebelum kami menggelongsor keluar melalui *hac*.

Pesawat *Liberator* lebih laju berbanding dengan pesawat *Dakota* yang selalu kami gunakan untuk latihan terjun. Sungguhpun begitu perjalanan ke Tanah Melayu mengambil masa sepuluh jam. Setiap ahli kumpulan kami mengambil 'pil mabuk' (hidrosin bromida) yang menenangkan fikiran kami. Budak-budak itu menyebutnya 'pil gagah berani'. Kami menghabiskan masa sebaik yang mungkin.

Selepas waktu senja kami menerima arahan supaya bersiap sedia untuk terjun. Pelongsor diturunkan dari siling. Kami sudah pun bersiap sedia. Aku mengesyorkan kami semua memakai baju luar yang tebal dan berzip supaya jika kami terjatuh atau melulusi celah-celah pokok, lapik tambahan itu tentunya dapat membantu. Setelah memasang payung terjun kami pun duduk di gelongsor dalam keadaan berhimpit dan kaki terkangkang. Aku duduk di tengah-tengah. Ada dua orang di depan aku dan tiga orang di belakang aku. *Hac* yang terdapat di bawah pelongsor terbuka. Terdapat lampu merah di atas *hac*. Apabila lampu itu bertukar kepada warna hijau, kami harus terjun cepat-cepat, seorang demi seorang. Jika lambat, pasukan kami akan berpecah belah dan kemungkinan ada yang tersangkut pada pokok.

Namun pada masa itu kami menerima mesej daripada Kapten, "Keadaan di bawah sana berkabus. Sekarang kita berada di kawasan terjun. Hendak terjun ke?"

“Tidak payahlah,” jawabku.

Kami khawatir kami akan mendarat di pekan atau terus terjun ke dalam sungai. Jadi, kami pun kembali semula ke Calcutta.

Kami mencoba lagi seminggu kemudian. Kali ini kami akan terjun pada waktu subuh. Kami tiba di sana ketika hari sudah terang-benderang. Kabus di bawah masih tebal, hanya puncak gunung yang kelihatan. Kami berpatah balik sekali lagi. Semasa kami terbang ke arah Barat Laut melalui Kedah kami dapati kabus telah menipis di Alor Star lalu nampaklah kami akan lapangan terbang Alor Star. Pesawat pejuang Jepun tersusun rapi, semuanya sunyi sepi. Jadi kami balik semula ke Calcutta.

Kami dijangka akan membuat penerjunan pada waktu petang dalam masa dua minggu lagi apabila keadaan telah pulih. Kami pun berangkat sekali lagi. Kami mengikuti prosedur yang sama juga. Kami dapat melihat hutan di bawah dan setibanya kami di tempat yang dituju, ketua kami. Pemimpin Skuadron Jones menelefon semula, “Saya tidak nampak kawasan amang. Kita akan cuba di hulu sungai. Ya, ada kawasan lapang dekat sungai. Selamat mendarat.” Sejurus lampu hijau pun menyala dan kami pun terjun. Pesawat *Liberator* terbang laju. Setelah lulus keluar melalui *hac*, payung seseorang itu akan tersentak lalu terbuka dan terayun-ayunlah orang itu. Aku menyaksikan tiga orang yang menghabiskan sekali terjun keluar.

Cuaca panas petang itu selepas hujan turun. Kabus nipis terdapat di sana sini. Nun di bawah sana sungai yang besar mengalir deras. Kami dapat melihat satu kawasan lapang di bawah, tidak jauh dari sungai. Angin sepoi-sepoi bahasa menolak kami melintasi sungai. Kemudian takdir membawa kami semula ke tempat asal. Sepohon pokok hutan yang besar tercegat di bawah sana tetapi aku mengayun ke tepi dan mendarat.

Nor Rani datang berlari mendapatkan aku. "Saya tersangkut di atas pokok, Tuan," katanya "Saya turun seperti Tarzan." Pesawat tadi muncul kembali lalu bekalan kami digugurkan. Kami melambai-lambai selamat jalan.

Kami tidak tahu di mana kami berada, sama ada dekat kampung, pekan atau pangkalan tentera Jepun. Kami pun bergegas melipat payung terjun dan memungut bekalan lalu senyap-senyap masuk ke dalam hutan dan menggali lubang untuk menyimpan bekalan. Kami mengambil pil benzerdin untuk memberi kami tenaga. Hari telah lewat malam apabila kami selesai dengan tugas kami dan kami pun tidur dalam keadaan yang amat letih.

Keesokan harinya setelah kami menanam bekalan kami dan menyembunyikan tempat itu dengan ranting-ranting kayu dan daun, kami pun berjalan menghala ke arah timur Sungai Perak untuk mencari tempat untuk stesen radio dan tempat untuk mendirikan khemah. Setiap orang menyandang beg

galas, kit persendirian, senjata, dan bekalan makanan. Ini termasuklah karbin Amerika peluru tambahan, sebilah parang, khemah kanvas hutan ala Amerika, makanan untuk seminggu (nasi dan sambal), selimut, but hutan, pakaian, kit ubat dan pencucian dan tin mes. Kami juga membawa alat pemancar radio, bateri (bateri yang sama dengan bateri kereta), set pengecas dan buku kod. Alat radio terpaksa dikongsi sebaik mungkin antara kami berenam. Setiap seorang diberi satu biji pil L atau kapsul sianida, kapsul lembut yang berisi cecair, cara mudah untuk melepaskan diri jika tertangkap. Semua ini beratnya antara 60-70 paun seorang. Kawasan di sebelah sini belum lagi ditinjau. Peta yang ada hanyalah peta yang dibuat oleh Pat Noone, pelindung orang Asli. Di peta itu terdapat Sungai Perak dan gambar ulat bulu berwarna coklat yang menandakan gunung-ganang. Kami bermalam di lereng bukit di dalam hutan. Hujan mencurah turun. Kami tidur di dalam khemah kanvas kami, terlindung daripada hujan dan nyamuk. Senapang karbin kami sandang dan bawa tidur sekali. Hanya bunyi burung dan binatang liar yang mengganggu tidur kami.

Keesokan harinya kami mendaki bukit yang lebih curam. Beg galas kami yang sarat menyebabkan kami sukar mendaki. Apabila seorang daripada kami tergelincir dan jatuh, dia tidak ubahlah seperti kumbang yang tergolek. Dia terpaksa ditarik supaya dapat berdiri semula. Setibanya kami di puncak

meredah hutan untuk mencari tempat perkhemahan orang Asli. Kami menemui sisa-sisa tempat tinggal mereka yang telah reput. Setibanya kami semula ke tempat perkhemahan kami, aku mengambil keputusan untuk keluar lagi keesokan hari, kali ini menyusuri Sungai Perak mengarah ke selatan pula sehingga kami menemui tempat orang tinggal. Aku akan membawa seorang sahaja teman untuk membantu aku mengangkat bekalan yang minimum. Aku menyuruh Bahari, teman aku itu, untuk membawa baju Melayu, songkok dan kain pelekat supaya dia dapat menghampiri perkhemahan orang Asli tanpa menakutkan mereka. Sebelum ini kami pernah ternampak 'rentis' atau tali tinjauan yang direntang di hutan selari dengan Sungai Perak ketika kami terjun turun dari pesawat dahulu. Pada masa itu kami tidak tahu apa gunanya tali itu. Rupa-rupanya tali itu memandu kami ke arah selatan sungai. Kami berjalan sepanjang hari berpandukan rentis itu. Menjelang petang kami terperanjat apabila mendengar ayam jantan berkokok. Aku tidak tahu mengapa ayam itu berkokok pada masa itu. Kemudian aku terdengar pula suara orang apabila kami terus mara. Suara itu bukan suara orang Melayu. Aku menyuruh Bahari memakai baju Melayunya dan cuba berhubung dengan mereka. Tidak lama selepas itu Bahari pun muncul dengan sekumpulan orang Asli. Orang Asli itu berbadan kecil, berkulit gelap dan mereka tidak memakai pakaian, hanya memakai cawat kulit kayu

pokok terap yang kelihatan seperti kain tiras yang kasar. Lelaki dan perempuan sama sahaja. Menurut mereka kami berada tidak berapa jauh daripada perkampungan orang Melayu. Bahari mengesyorkan supaya dia mengikut orang Asli itu dan menemui penduduk kampung yang disebut tadi. Aku pula akan tinggal bersama-sama orang Asli yang tua-tua dan kaum wanita mereka.

Sementara itu orang Asli tadi pun mengisi buluh dengan beras untuk menanak nasi manakala orang perempuannya pula cepat-cepat mendirikan pondok daripada daun nipah. Hari agak gelap.

Tidak lama kemudian terdengar bunyi orang menghampiri mereka dan juga cahaya lampu suluh. Mereka datang mengerumuni kami, dan sambil menarik tangku mereka berkata, "Kerajohan (kerajaan) lama sudah balik." Mereka merupakan orang biasa yang menjalani hidup sederhana dan mereka tidak tahu akan kesengsaraan yang terpaksa mereka hubungi sebelum pemerintahan asal dapat kembali semula. Kami pun pergi semula ke kampung Kuala Temengor bersama-sama 'kawan baharu' kami itu dan bermalam di sana. Lama kami berbual dan berbincang dengan ketua kampung, Wan Ahmad dan orang-orang tua di situ. Kampung itu sembilan batu jauhnya jika kami mengikut jalan hutan dari pekan Gerik. Kami diberitahu bahawa askar Jepun kini berada di Gerik. Kami diberitahu juga tentang kezaliman dan penindasan tentera dan pegawai Jepun.

dan juga tentang rancangan mereka untuk membina jalan ke Kelantan. Kami telah pun menemui 'rentis' mereka dan banyak lagi. Ini merupakan sinar harapan yang mula-mula menembusi Tanah Melayu yang telah diselubungi kegelapan selama tiga tahun lamanya. Orang kampung berjanji untuk membantu kami membina kem induk kami, mendapatkan beras dan keperluan makanan dan seterusnya 'maklumat risik' tentang musuh yakni tentang jumlah mereka, kedudukan dan pusat pemerintahan mereka. Orang kampung juga bersetuju untuk merekrut pemuda-pemuda untuk dilatih menjadi askar untuk menentang askar Jepun.

Aku mengarahkan mereka supaya jangan sekali-kali membuka rahsia. Seboleh-bolehnya janganlah pihak musuh tahu akan kehadiran dan aktiviti kami. Askar Jepun tidak akan menunjukkan belas kasihan terhadap mereka sekiranya mereka (askar Jepun) mengesyaki penduduk kampung membantu askar Inggeris. Askar Jepun kejam dan pasukan polis rahsia mereka yang digelar Kempetai berlatih dalam pelbagai cara penyiksaan yang berkesan. Aku dapat merasakan bahawa kami tidak dapat menyorokkan rahsia organisasi dan kehadiran kami di sana lama. Kami terpaksa bersembunyi nun jauh di dalam hutan dan bergantung pada maklumat awal yang diterima tentang rancangan musuh untuk mengelakkan diri daripada tertangkap.

Kami telah membawa masuk bersama-sama kami

'dana perjuangan,' yakni mata wang asing dan kepingan emas. Dengan 'duit' inilah kami membeli makanan — beras, ubi, keledak dan kadangkala sagu. Ketua Kampung sanggup menyediakan bekalan makanan ini. Kami terpaksa mengatur satu kumpulan untuk membawa makanan itu ke tempat perkhemahan kami. Duit itu digunakan untuk membiayai agen kami. Ketua kampung menjadi sumber maklumat yang penting bagi kami. Sumber yang lebih baik ialah guru sekolah yang dapat bergerak dari satu tempat ke satu tempat dan kerana latihan yang diterima oleh mereka, mereka dapat menilai maklumat yang diperolehi. Mereka dapat meninggalkan sekolah dan menjelajah dengan bebas kerana keadaan Jabatan Pelajaran yang tidak mantap ketika itu. Oleh yang demikian kami menerima banyak maklumat risik.

Pada peringkat awal operasi kami, kami mendapati bahawa organisasi kami tidak dapat dijalankan dalam kawalan keselamatan yang ketat kerana keadaan begini hanya sesuai bagi negeri yang ramai penduduk. Kami telah disambut mesra oleh penduduk kampung tempatan. Mereka merupakan penduduk kampung yang sederhana hidupnya. Si suami akan menceritakan apa-apa sahaja rahsia kepada isteri mereka tanpa bersembunyi-sembunyi. Lama-kelamaan berita itu akan tersebar ke seluruh pelosok kampung. Berita itu akhirnya akan sampai ke telinga askar Jepun. Penduduk kampung tidak pula selurus itu. Apabila agen Jepun dihantar ke kampung tersebut

untuk menyiasat, penduduk kampung akan berkata, "ya, kami pun ada mendengarnya. Hanya bisik-bisik sahaja! Ia disiarkan melalui radio". Kononnya, orang putih telah terjun dari pesawat udara ke dalam hutan." "Sekiranya kami mendapat apa-apa berita yang pasti, kami akan menghubungi pihak tuan." "Hanya berita angin."

Orang Melayu memang berbudi bahasa tetapi mereka tidak pernah menghambakan diri kepada mana-mana pihak. Seorang penduduk tua kampung itu berkata kepadaku, "Pegawai dan askar Jepun akan masuk ke kampung dan kami terpaksa datang menghadap mereka. Seorang daripada kami terpaksa berteriak, 'kara' dan kami semua terpaksa tunduk." Penduduk kampung terasa tersinggung dengan perbuatan ini.

Askar Jepun mendirikan pondok sentri di jalan yang menghala ke Gerik. Sesiapa yang melewati sentri itu terpaksa berhenti dan tunduk. Sesiapa yang tidak berbuat demikian akan dibelasah. Itu pun askar Jepun masih tidak memahami mengapa orang ramai membenci mereka. "Bukankah mereka yang membawa Lingkungan Kemakmuran Bersama?" "Bukankah mereka yang mengajar bahasa Nippongo, iaitu bahasa Jepun.

Penduduk kampung telah menganggap kami sebagai tentera mereka, pembela mereka. Askar Jepun semakin dibenci apabila mereka semakin melakukan penindasan dalam usaha mereka untuk

menghapuskan sebarang penentangan.

Pengambilan orang baharu untuk menyertai pasukan kami bertambah sebagaimana bertambahnya agen yang merentas hutan untuk sampai ke perkhemahan kami dengan membawa berita yang lengkap. Kami terpaksa menerima sesiapa sahaja yang datang oleh sebab kami bergantung sama sekali pada budi baik dan persahabatan penduduk kampung.

Seorang lelaki yang agak berumur datang berjumpa kami. Dia mungkin dalam lingkungan 50 tahun manakala kami semua masih muda. Setelah berbual-bual mesra dengan aku dia pun menyatakan hasratnya yang sebenar. Katanya, "Tuan, isteri saya sedang mengandung dan Tuan pasti maklum tentang keadaan orang mengandung yang mengidamkan benda yang bukan-bukan. Isteri saya menyebut 'Kalaupun abang dapat membeli setin ikan sardin.' Manalah saya hendak beli ikan sardin pada waktu-waktu begini. Kemudian saya teringat kalau-kalau Tuan ada menyimpan setin sardin." Sesungguhnya aku ada setin sardin untuk diberikan kepada isterinya.

Beberapa orang rekrut kami terlalu muda dan mereka semua telah ditakdirkan untuk menghadapi kelaparan dan kesusahan dengan begitu tabah sekali.

IBU PEJABAT DAN BEREK BAHARU

Menjelang awal bulan Februari, aku mendapati bahawa kawasan kem yang lebih besar diperlukan dengan berek sebagai tempat tinggal askar Melayu kami yang semakin meningkat bilangannya. Aku telah membuat tinjauan di kawasan pedalaman dan aku telah menemui kawasan yang sesuai. Jalan masuk dari Sungai Perak adalah sama seperti yang telah kami cuba dahulu. Jalan itu menyusur hulu Sungai Menora, anak Sungai Perak. Jalan masuk yang menyusuri tebing sungai tersebut tidak meninggalkan kesan laluan muka baik dari segi keselamatan. Seseorang akan sampai ke satu kawasan batu kapur yang curam setelah menyusuri jauh ke hulu sungai tersebut. Sebuah lembah akan ditemui setelah seseorang itu mendaki laluan yang curam di sebelah kiri sungai. Kawasan lembah ini sesuai untuk perkhemahan baru kami.

Pada masa itu ada sekumpulan orang Asli bersama-sama kami iaitu Anjang, Pisang, Dawan

dan dua orang wanita. Kami perlu mendirikan sebuah berek besar lagi panjang untuk pasukan kami dan sebuah bangunan lagi untuk ibu pejabat. Orang Asli memang mahir dalam kerja-kerja pembinaan yang menggunakan bahan buluh. Buluh yang bergaris pusat 4 inci atau 5 inci digunakan untuk membina struktur utama dan buluh-buluh ini diikat dengan rotan. Lantai, dinding dan sekatan juga diperbuat daripada buluh kuat yang sama tetapi kali ini buluh tersebut dibelah menjadi lapisan nipis setebal 12—15 inci. Lantainya yang hijau dan berkilat terdiri daripada dua lapisan buluh, satu lapisan merintang yang satu lagi dan ini membuat lantai itu teguh dan sedap dipijak.

Bumbung bangunan pula disediakan oleh kaum wanita. Daun rumbia diambil dari hutan lalu diikat dengan rotan sehingga satu anyaman tikar seluas 8 kaki dan 12 kaki panjang disiapkan. Tikar itu kemudian digulung dan dinaikkan ke rabung bumbung lalu dipasangkan. Tikar tadi dibuka dengan memotong tali ikatannya lalu tikar itu terbentang dari rabung ke cucur atap. Gulung demi gulung dipasangkan dan dalam masa yang singkat bangunan itu sudah pun berbumbung.

Untuk bekalan air pula, buluh dipasangkan di atas kayu penyangga dari mata air yang terdapat di atas bukit. Ruas buluh itu terpaksa dibuang dengan menakuknya dari luar supaya air dapat mengalir melalui buluh itu.

ORANG ASLI

Rasa-rasanya aku mesti menulis sesuatu tentang orang Asli. Penghuni hutan ini tinggal agak terpencil daripada penduduk kampung Melayu. Mereka tidak tertakluk kepada undang-undang negeri atau terikat dengan agama penduduk kampung. Merekalah kawan kami yang membantu kami semasa kami berada dalam hutan. Mereka rela berkhidmat dengan kami tetapi kami tidak dapat mengambil mereka bekerja. Kami boleh memberi makanan kepada mereka dan membantu mereka tetapi mereka akan meninggalkan kami bila-bila masa mereka suka.

Aku telah memesan dua jala dari India untuk digururkan bersama-sama bekalan kami yang lain. Aku menunjukkan satu jala itu kepada Dawan, salah seorang kawan orang Asli kami. Bagus, dia tahu menggunakan jala itu. Lalu aku akan menyuruhnya menjala ikan. Pada petang itu aku terjumpa sebuah pondok orang Asli kira-kira sebatu atau lebih di atas bukit berhampiran sungai. Api sedang menyala

dan sebuah periuk terjerang di atas api. Keesokan harinya Dawan muncul dengan jala kami dan seekor ikan salai. Tahulah aku ke mana perangnya ikan-ikan yang lain. Keluarga memang selalu diutamakan.

Pada suatu ketika yang lain aku telah menghantar satu pasukan ke sebuah kampung yang terletak kira-kira 18 batu untuk mengambil ubi kayu. Pasukan itu terdiri daripada askar kami dan beberapa orang Asli. Setiap seorang terpaksa memikul 30 paun ubi. Seorang orang Asli tiba dengan membawa hanya beberapa ketul ubi. Apabila aku bertanya ke mana pergi yang lebihnya dia menjawab bahawa yang lebih itu adalah upahnya. Sekali lagi keluarga diutamakan.

Pakaian kaum lelaki dan kaum wanita hanyalah cawat yang rupanya seperti kain tiras. Cawat ini diperbuat daripada kulit kayu batang terap yang dibanting dalam air. Beberapa orang lelaki memakai kalung siput mutiara yang berjela sampai ke paras pinggang. Sudah pasti mereka telah mengambil masa bertahun-tahun lamanya untuk mengumpul siput mutiara itu dan mungkin juga ini sebagai tanda taraf kedudukan dan kekayaan mereka. Mereka mempunyai sumpitan yang jarang-jarang sekali aku melihat mereka bawa. Damak sumpitan mereka dibubuh racun yang diambil daripada pokok ipuh. Sumpitan digunakan terutamanya untuk memburu monyet. Mereka terpaksa mengejar monyet yang terkena sumpitan sehingga ia jatuh ke tanah.

Kehidupan mereka amat sukar. Mereka terpaksa meredah hutan untuk mendapatkan makanan: anak serangga, larva, buah-buahan, durian, umbi hutan dan rebung. Mereka akan membersihkan satu kawasan hutan dengan menebang pokok dan membakar kawasan itu lalu menanam ubi. Sering mereka akan mengorek ubi tersebut untuk dimakan walaupun ubi itu belum cukup besar kerana terlalu lapar. Mereka akan menyelinap masuk ke dalam kebun ubi penduduk kampung untuk mengorek dan mencuri ubi yang masih belum besar tanpa merosakkan pokoknya. Mangsa yang kena curi itu menerima perkara itu dengan hati yang rela. Bukankah bersedekah itu satu tuntutan Islam.

Kata orang terdapat beberapa suku kaum Asli dengan bahasa yang berbeza-beza. Mereka yang tinggal di kawasan pergunungan yang lebih tinggi digelar suku Temiar. Mereka dianggap suku yang lebih baik, kaum lelaki mereka kuat dan sihat manakala kaum wanitanya cantik dan berkulit cerah. Kaum Asli di tempat kami beroperasi, yakni di kaki bukit adalah dari golongan yang tidak begitu sihat rupanya. Mereka kurang zat makanan dan terdapat kesan kudis di merata tubuh mereka. Ada antara kaum wanitanya berkulit gelap dan kelihatan seperti orang Negro. Leftenanaku, Nor Rani, yang selalu kami gelar "Rani" sahaja, mempunyai isteri yang berada di Sri Lanka. Rani ini mata keranjang orangnya. Gadis-gadis Asli seolah-olah dapat merasakan hal ini. Ini membuat

Rani tersipu-sipu. Mereka sering mengejeknya "Krani". Apabila mereka lalu di kem kami mereka akan menjenguk lalu berteriak. "Krani, krani. Marilah ikut kami". Krani akan menjadi begitu marah lalu berkata, "tidak malu!"

Pada suatu hari ketika aku merentas hutan bersama-sama seorang Asli bernama Pisang, kami menemui sebuah pondok orang Asli yang tertinggal. Pisang agak berumur orangnya, mungkin usianya 40 tahun. Pondok itu terbuka dan beratapkan daun nipah. Pisang menjelaskan, "Itulah pondok lamaku. Yang itu apinya dan itu pula katilnya." Katil itu terdiri daripada lapisan buluh seluas sepuluh inci dan sepanjang lima kaki. Katil tersebut tingginya tiga inci dari tanah.

"Dan di sebelah api itu katil isteriku".

Begitulah cara mereka tidur, tidak berpakaian manakala api menyala sepanjang malam.

Salah seorang askar kami yang masih muda mengusik Pisang dengan berkata, "Katil awak nampaknya tidak selesa. Maksud saya bagaimana kalau awak dan isteri awak hendak...."

Pisang sedikit pun tidak tersinggung dengan pertanyaan yang lancang itu.

"Tidak masalah, tidak masalah!" jawabnya.

Beberapa tahun sebelum peristiwa ini, iaitu pada tahun 1940, ketika aku sedang berkhidmat dengan Jabatan Pertanian di Kuala Lumpur, aku telah berhubung dengan puak orang Asli yang tinggal di

hutan beberapa batu dari Pekan Hulu Langat. Pada suatu hari aku melintasi lembah melalui hutan untuk melawat kawasan mereka. Angin bertiup kencang pada hari itu. Ketika aku menghampiri tempat tinggal mereka, aku terperanjat mendengar muzik organ yang kuat dengan pelbagai nada. Bunyinya sama dengan bunyi organ yang dimainkan di gereja, cuma ia tiada nada. Setibanya aku di sana, aku pun bertanyakan tentang sumber muzik tadi. Kawan Asli aku itu, ketawa lalu menjelaskan, "Buluh". Dia pun menunjukkan buluh yang telah dipasang pada bahagian pucuk pokok. Buluh itu dipotong mengikut ukuran yang dikehendaki dan ditakuk supaya dapat melahirkan dengungan. Lubang yang ditakuk itu berbeza-beza besarnya untuk menghasilkan pelbagai nada yang turun naik apabila angin bertiup melalui celah-celah pucuk pokok.

Orang Asli mempunyai pelbagai alat tetapi aku jarang-jarang melihat alat mereka itu dan terfikir juga oleh aku terutama tempat mereka menyimpan alat mereka. Sumpitan dan damak mereka cantik sekali buatannya. Aku pernah terserempak dengan kaum wanitanya yang membawa bubu yang diperbuat daripada anyaman rotan. Mereka mempunyai kapak yang bertangkai rotan dan apabila dipusingkan ia menjadi kapak kecil atau beliung. Mereka juga mempunyai lembing. Yang paling menakjubkan ialah gobek api, sejenis alat untuk menghidupkan api dengan menggunakan udara yang dimampatkan.

Caranya sama seperti cara enjin diesel yang kita gunakan dalam zaman moden ini. Alat ini diperbuat daripada tanduk kerbau atau gading. Satu lubang sebesar pensel dikorek dalam tanduk atau gading. Lubang ini kemudiannya disumbat dengan hujung sebatang tanduk atau kayu keras yang panjangnya kira-kira tiga inci. Bahagian lubang ini diperketatkan lagi dengan lilitan tali berminyak yang membentuk omboh. Di hujung dan di tengah-tengah omboh terdapat lubang untuk diisi dengan rabuk. Di hujung satu lagi batang tanduk tadi dipasang satu benda bulat. Api akan menyala apabila batang tanduk tadi dicas dengan rabuk lalu ditolak ke dalam lubang dengan satu pukulan tangan yang ditarik dengan tiba-tiba. Rabuk itu istimewa dan hendaklah disimpan di dalam tin atau dalam kotak kalis air. Dalam suasana lembap di hutan, gobek api ini merupakan penyelamat.

Di manakah orang hutan yang tidak berbaju ini mempelajari rahsia-rahsia ini? Atau adakah mereka berasal daripada keturunan yang bertamadun yang terpaksa lari ke dalam hutan dan membawa ilmu sains mereka bersama-sama kerana takut dengan penaklukan orang barbarian?

Sesungguhnya aku ingin sangat untuk meluangkan masa mengenali mereka dengan lebih dekat tetapi perjuangan kami untuk hidup menghalang aku berbuat demikian.

PASUKAN KAMI YANG SUDAH MANTAP: TEMPAT PERSINGGAHAN KUMPULAN LAIN

Sebaik-baik sahaja pasukan kami mantap maka bolehlah kami digunakan sebagai tempat persinggahan pasukan-pasukan lain yang memasuki Tanah Melayu. Kami masih menggunakan zon pengguguran (*dropping zone* atau *DZ*) yang asal yang kami namai Padang Cermin. Nama itu mengingatkan aku kepada kisah *Alice in Wonderland* atau *King Arthur*. *DZ* terletak kira-kira sehari perjalanan dari ibu pejabat kami dan tidaklah mudah bagi kami untuk bertindak serta-merta apabila kami mendapat berita tentang pengguguran bekalan atau gerila. Pengguguran ini sering berlaku pada waktu malam. Kami terpaksa sah menyalakan api di *DZ* dalam bentuk *L*. Api ini dipasang pada waktu yang telah ditetapkan yakni apabila kedengaran bunyi pesawat itu melintas di atas.

Pada suatu petang aku bersama-sama beberapa orangku berada di Kuala Temengor. Kami baru sahaja hendak makan bersama-sama Tuk Penghulu, Wan Ahmad apabila tiba-tiba salah seorang askar kami datang

berlari mendapatkan kami. Katanya, "Kami mendapat berita pagi ini bahawa satu pasukan dan bekalan akan digururkan pada pukul 9:30 malam." Maka kami pun bergegas dalam keadaan yang semakin gelap. Kami membawa beberapa cucuh pelita yang diambil dari kampung, yakni botol yang berisi minyak tanah dan bersumbukan kain. Lalu hampir-hampir tidak kelihatan. Kami sering terjatuh. Pada jam 9:30 malam kami berada hampir dengan *DZ* tetapi di sebelah barat tebing sungai. Kami menemui beberapa orang kami. Ya, mereka telah terjun dari pesawat. Mereka hanyut dibawa arus sungai dan sedang berada entah di mana di dalam hutan. Kami mendaki bukit dan menemui mereka yang baru datang dan juga beberapa orang lain yang telah sampai di sana. Mereka yang datang itu ialah teman lama, kebanyakannya rekrut lama di Jeddah yang pernah aku latih. Dengan riangnya mereka berbuai-buai tentang teman wanita mereka semasa di Calcutta dahulu. Aku memerhatikan sekeliling lalu bertanya, "Di mana Tuan Richardson?" Tuan Richardson adalah ketua mereka. "Dia masih tersadai di atas pokok," jawab seseorang. Aku pun mendongak. Pokok hutan itu menjulang setinggi 100 kaki tanpa dahan.

"Hei Doug!" aku berteriak. "Kau, tak apa-apa ke?"

"Tak."

"Jangan risau. Kami akan bantu kau turun."

Tetapi bagaimana! Nasib baiklah ada beberapa orang Asli bersama-sama kami. Dua orang daripada

mereka pergi mendapatkan rotan panjang lalu mereka memanjat pokok kecil yang tumbuh rapat dengan pokok besar itu. Dengan melilit rotan itu pada pokok besar mereka pun memanjat pokok kecil tadi hingga ke penghujungnya. Kemudian hujung pokok kecil tadi dilenturkan supaya bertemu dengan dahan yang paling rendah dari pokok besar. Tidak lama selepas itu mereka pun membantu Richardson turun melalui dahan hinggalah sampai ke tanah.

Dalam tempoh beberapa hari sahaja Doug Richardson dan pasukannya telah dibekalkan dengan pemandu lalu mereka pun memulakan perjalanan yang jauh ke Pahang dengan mendaki gunung. Mereka ke sana untuk membentuk kumpulan gerila yang kuat bernama 'Wataniah'.

Satu lagi pasukan tiba tidak lama kemudian. Mereka pun meneruskan perjalanan mereka ke Kedah dengan beberapa orang pemandu. Pasukan kami diperkukuh lagi dengan kedatangan John Clifford. Kumpulan-kumpulan kecil disatukan untuk membentuk pasukan di utara Keroh dan di Kelantan.

MANDUR SALLEH

Salah seorang pengikut kami yang awal yang paling setia ialah Mandur Salleh. Tugasnya ialah menjaga pekerja yang berkhidmat dengan tentera Jepun untuk membuat jalan dari Perak ke Kelantan. Dia seorang Cina dan dianggap Melayu setelah menganut agama Islam. Dia berkahwin dengan orang Melayu dan mempunyai seorang anak perempuan.

KUOMINTANG (KUMPULAN GERILA NASIONAL)

Penganas Cina tempatan yang menyerupai gerila *Kuomintang* diketuai oleh Hong Chee dengan Panjang sebagai penolongnya telah datang ke Kuala Temengor untuk menemui pasukan kami. Penganas ini mempunyai reputasi yang buruk kerana mereka menindas dan melakukan keganasan terhadap penduduk kampung di Hulu Perak dan Selatan negeri Thai. Kehidupan mereka bergantung pada cukai yang dituntut oleh mereka daripada penduduk kampung. Penganas Cina ini mempunyai hubungan dengan Mandur Salleh, pastinya kerana latar belakang Cinanya. Secara kebetulan aku sedang bermalam di rumah pengulu di Kuala Temengor ketika Mandur Salleh datang memanggil aku untuk menemui mereka. Kumpulan itu berbaris ala tentera. Mereka memakai topi sakhlat yang tidak tentu bentuknya. Inilah topi yang selalu dipakai oleh buruh Cina. Di depan topi terpampang nombor '40' atau '560'. Tidak syak lagi ini adalah untuk memberi tahu orang ramai bahawa mereka adalah anggota pasukan pejuang. Mere-

ka memakai kemeja orang awam, seluar benang kapas berwarna biru, pembalut kaki berwarna kelabu dan kasut. Senjata mereka terdiri daripada rifel tentera, selempang peluru 303, sepatah senapang jenis Bren dan beberapa senapang patah. Tidak syak lagi senjata ini semua adalah peninggalan tentera British yang kalah.

Hong Chee ialah ketua mereka. Dia tidaklah begitu kejam orangnya. Rakan sekutunya, Tai Man, yang aku temui kemudian, sungguh zalim orangnya. Mereka ditakuti kerana keganasan mereka. Tidak seorang pun dari mana-mana kampung yang berani membelot terhadapnya dengan memberi maklumat kepada pihak Jepun. Kampung Temengor terletak lebih kurang lima batu di hulu Sungai Temengor, iaitu cabang sungai Perak dari Kuala Temengor. Kampung ini ialah kampung yang mewah sebelum perang dan terletak di kawasan tanah rata yang dikelilingi bukit-bukau. Tanahnya subur untuk penanaman padi, buah-buahan dan kelapa. Penghulu kampung itu bertindak kurang bijak apabila dia mengadu tentang penindasan kumpulan pengganas — tidak syak lagi rakan *KMT* kita kepada pihak berkuasa pemerintah di Gerik yang pada masa itu adalah di bawah kuasa Jepun. Akibatnya sungguh dahsyat. Kampung Temengor dikepung dan diserang pada waktu malam lalu dibakar. Penghulu kampung dicampakkan kedalam rumahnya yang sedang bersemarak lalu hangus dijilat api. Kini kampung itu sunyi dan sepi. Pokok-pokok kelapa habis ditumbangkan oleh gajah liar yang hendak memakan umbut kelapa.

Aku pun duduk sambil minum kopi bersama-sama Hong Chee dan Panjang lantas membincangkan kerjasama menentang pihak Jepun. Panjang, seperti namanya, ialah pemuda Cina yang tinggi orangnya. Air mukanya muram sahaja dengan pipinya pula cengkung. Aku tidak pernah melihat dia tersenyum walaupun ada masa-masanya dia ingat dia tersenyum. Dia bangga akan senapang jenis Brennya itu, bekas peninggalan tentera Inggeris.

Katanya bunyi senapang Bren yang kuat itu mempunyai kesan yang menyayat hati terhadap pihak musuh. Lama-kelamaan aku pun menghormatinya. Biarlah aku menceritakan hal ini kemudian nanti.

Mereka menggunakan kaedah yang biasa untuk mendapatkan wang, iaitu dengan mengenakan 'cukai'. Mereka mengenakan cukai terhadap kampung dan juga terhadap penghantaran hasil penduduk kampung. Mereka mendirikan pondok 'kastam' dari Betong di negeri Thai ke Gerik di Perak lalu mengenakan cukai RM1 untuk setiap ekor kerbau yang masuk ke dalam negeri ini. Di Kelantan pula mereka mengenakan cukai sebanyak RM1 terhadap setiap bot yang membawa pisang ke pasar Kota Bharu dengan menggunakan Sungai Kelantan. Selalunya lebih baik dibayar sahaja cukai itu dan jangan merungut-rungut. Kewujudan Kumpulan Komunis di bahagian selatan yang menamai diri mereka *MPAJA* turut dibantu oleh keganasan mereka dan sumbangan orang ramai tetapi cara mereka lebih teratur. Cara mereka mengutip wang daripada orang Cina yang menetap di pekan dan

para pedagang sangat teratur dan mereka dapat menuntut sumbangan yang lebih dengan cara menculik dan membunuh.

KMT dan *MPAJA* selalu berperang secara terbuka. Malah *MPAJA* berusaha untuk mengusir *KMT* keluar serta mengambil alih kawasan penaklukan *KMT* lalu meluaskan aktiviti mereka ke seluruh negara. Aku terpaksa menghentikan peperangan antara kedua-dua kumpulan ini dan menamatkan keganasan mereka terhadap kampung Melayu. Mereka diberitahu bahawa mereka tidak akan mendapat bantuan senjata mahupun wang sekiranya mereka tidak melancarkan perang terhadap tentera Jepun di bawah arahan tentera Inggeris. *KMT* bersetuju dengan syarat-syarat kami, maka dengan itu tamatlah perbuatan ganas mereka yang dilakukan secara terbuka.

PERTUBUHAN DAN KAWALAN KUOMINTANG (KMT)

Kuomintang telah wujud di Tanah Melayu sejak hari-hari awal Revolusi China. Anggotanya terdiri daripada orang Cina semata-mata manakala ketua-ketuanya pula adalah ahli lama yang berjaya daripada komuniti 'Overseas Chinese' di Tanah Melayu. Seperti juga halnya dengan Parti Komunis Malaya, *KMT* juga tidak berdaftar maka dengan itu parti itu adalah haram. Ini menimbulkan bantahan daripada Kerajaan *Kuomintang* di negeri China tetapi bantahan ini selalu ditentang oleh Kerajaan Tanah Melayu dengan alasan bahawa *KMT* adalah parti politik asing yang diketuai oleh kuasa asing dan tidak ada tempat di tanah jajahan British atau tanah jajahan Tanah Melayu. Satu kata sepakat pun dicapai. Orang Cina yang dilahirkan di negeri China tetapi yang menetap di Tanah Melayu boleh menjadi ahli mana-mana cawangan *CHINA KMT* tetapi *KMT* tidak boleh menubuhkan cawangan-cawangannya di Tanah Melayu.

Ini tidak menjadi penghalang kepada kepintaran otak orang Cina. *Chinese Chambers of Commerce* telah ditubuhkan di semua bandar utama dan kebanyakan pekan. Pegawai-pegawainya hampir semuanya terdiri daripada ahli parti dan Biro Luar Negeri *Kuomintang*, Jabatan Kerajaan China yang rasmi memberi arahan kepada mereka melalui Konsular China di Tanah Melayu.

Pada tahun 1939 *Kuomintang* telah menubuhkan *Three Principles Youth Corps* oleh sebab tidak puas hati dengan sikap konservatisme parti dan ketuanya yang berumur dan yang telah lama berkhidmat. Tujuannya adalah untuk menyekat penghijrahan pemuda-pemuda Cina ke puak 'kiri' dan menyertai Parti Komunis China. Rancangan penubuhannya juga termasuklah orang Cina di luar negeri di Laut Selatan lalu penganjur yang terlatih dan pendakwah dihantar ke Tanah Melayu. Kejayaan mereka tidaklah begitu hebat. Ketua-ketua *KMT* yang lama tidak suka akan pencerobohan itu dan belia di negeri ini tidak berminat dengan penubuhan *Three Principles Youth Corps* ataupun mereka telah terpengaruh dengan pertubuhan Komunis Tanah Melayu.

Tidak banyak yang diketahui tentang *KMT* di Tanah Melayu di bawah pemerintahan Jepun, malah kemungkinan besar ketua-ketuanya senyap-senyap menjalankan perniagaan yang menguntungkan seperti yang dilakukan oleh mereka semasa British memerintah. Walau bagaimanapun, terdapat satu

kumpulan gerila *KMT* yang bersenjata di Utara Tanah Melayu yang telah dihubungi oleh *Force 136* pada awal bulan Mei 1945. Ketuanya bernama Lee Fong Sam dan dia mengawal:

- (a) Satu kumpulan yang terdiri daripada kira-kira 100 gerila Cina yang bersenjata yang mendirikan khemah di hutan di sempadan negeri Thai-Kelantan.
- (b) Satu kumpulan lagi yang terdiri daripada kira-kira 70 gerila Cina di sempadan negeri Thai-Perak.
- (c) Kira-kira 200 gerila yang berada di merata-rata tempat di sepanjang laluan kereta api Pantai Timur antara Krai dan Merapoh.

Force 136 mempunyai pegawai perhubungan British dengan kedua-dua kumpulan (a) dan (b) dengan tujuan utamanya untuk mengawal mereka dan menyekat sebarang tindakan di Wilayah negeri Thai di mana adalah mustahak untuk menyekat sebarang rusuhan yang tidak diingini.

BOB CRYSTAL DAN CREER

Aku diberitahu semasa pertemuan aku dengan Hong Chee dan Panjang bahawa dua orang putih kini berada di Kelantan bersama-sama pasukan gerila mereka. Aku pun memaksa mereka untuk membawa kedua-dua orang putih itu menemui aku. Pada suatu hari mereka pun datang. Kedua-duanya dalam keadaan yang agak sihat walaupun mereka telah tinggal selama dua tahun dalam hutan menghadapi kesukaran dan keadaan yang serba kekurangan. Bob Crystal adalah orang yang lebih tua antara mereka berdua. Usianya dalam lingkungan lima puluh tahun. Dia pernah bekerja sebagai pengurus sebuah ladang getah. Creer pula pernah berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Tanah Melayu. Kedua-duanya adalah agen perisik yang dihantar semasa tentera Jepun mara dan meneruskan penaklukan mereka. Bob Crystal dan Creer mempunyai basikal dan dijangka pulang tidak lama selepas itu. Malangnya pihak musuh bergerak seperti kilat sehingga mereka tidak dapat membuat

hubungan dengan ibu pejabat mereka. Tidak lama selepas itu mereka mendapat berita bahawa Singapura telah ditawan.

Pada masa itu mereka berjaya menghubungi satu kumpulan gerila Komunis lalu menyertai pasukan itu. Kumpulan ini kemudian dikenali sebagai *MPAJA* atau Tiga Bintang sebagaimana yang disebut oleh orang tempatan. Hal ini demikian kerana terdapatnya tiga bintang pada lencana di topi mereka. Tiga bintang ini kononnya melambangkan orang Melayu, Cina dan India tetapi sebenarnya ia adalah 100% Cina. Pasukan Komunis Cina ini dibentuk sebelum meletusnya perang politik dan sebelum wujudnya sentimen anti-Inggeris. Mereka merancang untuk mengambil alih kerajaan Tanah Melayu setelah Jepun dikalahkan oleh pihak Inggeris. Kini aku mengimbas kembali hari-hari awal sebelum pendudukan Jepun. Senjata mereka ialah senjata peninggalan tentera Inggeris. Mereka tidak menyerang askar Jepun, sebaliknya mereka menumpukan perhatian mereka kepada latihan dan pengutipan sumbangan daripada penduduk bandar dan peniaga serta mengambil bekalan makanan daripada setingan Cina dan penduduk kampung. Mereka mencolek dan membunuh sebilangan peniaga yang gagal memberi sumbangan dan ini meningkatkan lagi usaha mereka untuk mendapatkan sumbangan. Tugas utama mereka menentang Jepun adalah untuk menangkap perisik Cina (dipanggil hantu) yang dihantar masuk oleh

Kempetai (polis rahsia) Jepun.

1941) Dua teman baharu kami ini banyak menceritakan kehidupan mereka di kem Komunis. Salah satu ceritanya adalah tentang seorang perisik yang ditangkap dan dibawa ke muka pengadilan. Dia dibicarakan dengan sempurnanya mengikut cara komunis lalu dijatuhkan hukuman mati. Sebelum hukuman dijatuhkan perisik tadi ditanya jika dia ada apa-apa permintaan terakhir. Dia meminta pancaragam kem tersebut memainkan lagu untuknya. Mereka melaksanakan permintaan perisik itu. Selepas itu dia ditembak mati. Otaknya dikeluarkan, dimasak lalu dimakan oleh anggota kumpulan itu. Mereka mempelawa kedua-dua rakan kita ini untuk menjamahnya 'jika mereka berani'. Mereka menolak pelawaan anggota komunis itu. Selepas peristiwa ini kedua-dua mereka mula berasa curiga tentang kedudukan mereka di sana. Lalu mereka pun meninggalkan kumpulan itu dan menghala ke utara di mana mereka menemui gerila *Kuomintang*.

1943) Aku pernah mendengar daripada sumber-sumber lain tentang upacara amal yang ganjil berkenaan memakan otak musuh. Seorang gerila Melayu yang sangat kejam yang berkhidmat dengan kumpulan *KMT* Perak dengan angkuhnya mengatakan bahawa dia pernah memakan otak manusia. Katanya otak rasanya lemak. Aku masih belum tahu sebab yang mendorong mereka melakukan perbuatan yang pelik ini.

Kedua-dua mereka menceritakan bagaimana mereka diselamatkan dan diberi makanan oleh penduduk kampung Melayu di kawasan pedalaman Kelantan. Crystal telah membina sebuah pondok di hulu sungai. Dia menanam sayur dan memelihara ayam. Dia memiliki sebuah sampan lantas mengganggu orang ke seberang sungai dengan mengenakan sedikit bayaran.

Kini mereka berada bersama-sama kami. Mereka tidaklah begitu sihat tetapi mereka selamat. Aku tidak pula mendengar berita tentang askar Inggeris yang tersesat semasa pengunduran dan berjaya menyertai gerila komunis. Mungkin mereka dicengkam perasaan terasing lantaran itu putus harapan.

Setakat ini aku hanya menceritakan pengalaman kami semasa kami mula-mula datang ke sini. Tidak lama selepas itu pegawai perhubungan Inggeris menyertai kumpulan-kumpulan komunis lalu kumpulan tersebut disusun untuk bergiat menentang Jepun. Kuasa Inggeris melalui pegawai perhubungan ini tidak pernah sampai ke perkhemahan *MPAJA* di kawasan utara iaitu di Kedah, Perak Utara atau Kelantan.

Crystal dan Creer terus tinggal di perkhemahan kami sehingga kesihatan mereka pulih. Mereka kemudiannya berhijrah ke Batu Melintang di Kelantan bersama-sama operator radio yang bernama Imran dan sepasukan kecil *AMS*. Pihak Markas telah

menguruskan supaya mereka diambil oleh kapal selam tidak jauh dari Besut di pantai timur tetapi rancangan itu tidak berjaya. Crystal kembali menemui kami semula lama selepas itu di Belum. Creer dan Imran, operator radio, dan sekumpulan kecil AMS menetap di Kelantan dan atas arahan dari Colombo, mereka menubuhkan kumpulan yang berasingan, yang diberi nama Venus. Pasukan kami (*Hebrides*) tidak mempunyai maklumat yang lebih lanjut tentang operasi mereka. Sementara itu Mohd. Zaini telah menyertai kami sebagai operator radio. Dia sungguh hebat orangnya.

MANDUR SALLEH DENGAN GAJAH

Di hutan menjaga dan memberi makan pasukan gerila yang kecil pun merupakan satu kerja yang sangat sukar. Bekalan makanan terpaksa diambil daripada agen di pekan dan kampung lalu dikumpulkan di tempat-tempat yang sesuai di pinggir hutan. Dari situ barang-barang itu terpaksa dipikul oleh orang kami sejauh 20 batu ke kem. Ulang-alik mereka terpaksa berjalan 40 batu. Semasa dalam perjalanan mereka terpaksa mengisi perut mereka. Sudah pasti bekalan yang dipikul oleh orang Asli akan tinggal setengah kerana mereka tentu mengambil separuh dan memberi makanan kepada keluarga mereka juga.

Sekarang biar aku ceritakan tentang Mandur Salleh yang aku pernah sebut sebelum ini. Dia bekerja dengan Tojosan, (kontraktor Jepun, yang ditugaskan membina jalan yang dirancang dari Gerik ke Kota Bharu, Kelantan). Sebagai penyelia dia juga diberi tugas untuk menjaga tiga ekor gajah. Dia telah menawarkan khidmatnya untuk membantu kami

mendapatkan bekalan makanan kerana katanya dia juga terpaksa membeli bekalan makanan untuk para pekerjaanya. Tambahan pula hari Jumaat adalah hari keleapasan dan gajah tidak diperlukan pada hari itu, jadi senanglah gajah-gajah itu membawa bekalan kami. Katanya lagi "pada hari Jumaat Tojosan tidak pernah menengok gajah-gajahnya." Rancangan itu nampak sangat baik. Minggu pun bertukar ganti. Pada suatu malam Sabtu kami pun menerima bekalan kami dan gajah pun diikat pada batang buluh sebesar 5 inci dan 50 kaki tinggi. Gajah tadi sedang melibas-libas batang buluh untuk mendapatkan pucuknya. Pengemudi gajah sedang duduk menghadapi sarapan dan berbual-bual sebelum masuk tidur apabila seorang penduduk Kampung Bersia datang berlari tercungap-cungap membawa berita. "Tojosan sudah tahu! Dia datang untuk melihat gajahnya!" Terpaksalah pengemudi gajah bersama-sama gajah-gajah sekali menyertai pasukan kami. Gajah itu terdiri daripada dua gajah betina yang jinak dan seekor gajah jantan yang selalu bengis pada waktu pagi dan pernah membunuh seorang pengemudi.

Berakhirilah urusan baik yang kami atur bersama-sama Mandur Salleh dan gajah-gajahnya, iaitu Mandur Salleh akan membeli bekalan makanan di Gerik konon-kononna untuk pekerjaanya yang sedang membina jalan baharu. Pada waktu itu garisan tinjauan meliputi kira-kira 20 batu dari Gerik, yakni di sebelah barat sungai Perak. Kini kontraktor Jepun itu sudah

kehilangan gajahnya manakala Projek Lebuh Raya pula terhenti. Kontraktor Jepun tadi telah membayar upah pengangkutan bekalan kami dari Gerik berminggu-minggu lamanya.

Askar Jepun naik berang. Kami pula tidak senang hati. Kami tidak lagi dapat membeli beras, sagu dan barang lain daripada pedagang di Gerik dan membawanya ke kem kami. Gajah pun tidak dapat lagi digunakan untuk mengangkut bekalan yang sudah disediakan oleh penduduk Kampung Bersia atau tempat-tempat lain. Berita tentang pengambilan bekalan itu akan sampai ke pengetahuan askar Jepun maka celakalah kampung tersebut.

Oleh yang demikian, kami terpaksa menggunakan tenaga manusia untuk membawa buntul makanan, beras, keledek dan ubi kayu, kebanyakannya ubi kayu. Malangnya ubi kayu bukanlah makanan yang baik untuk dijadikan makanan utama. Lama-kelamaan ia akan menyebabkan kekurangan vitamin B dan penyakit beri-beri. Dalam kes kami pula, kaki kami menjadi tegang dan bengkok manakala kulit kami menjadi lembut seperti tepung yang diuli. Apabila kulit kami ditekan ia meninggalkan bekas.

ZON PENGGUGURAN (DZ) YANG BAHARU

Aku telah menceritakan kesukaran yang kami hadapi untuk mendapatkan bekalan dan kakitangan di *DZ* asal kami di Padang Chermin. Kini adalah mustahak kami membina *DZ* yang baharu yang berhampiran dengan perkhemahan memandangkan bertambahnya pengguguran. Oleh itu kami pun membersihkan sebahagian kawasan di lereng bukit. Pada masa sekarang gergaji rantai digunakan. Sebelum perang, alat yang digunakan sangatlah primitif tetapi apabila digunakan dengan bijaksana, kerja dapat dilaksanakan dengan cepat dan berkesan. Alat itu ialah beliung. Ia merupakan kapak bermata besi yang kecil yang diikat pada tangkai rotan yang dililit rotan. Mata kapak ini dapat dipusingkan 90°, jadi ia dapat digunakan sebagai kapak atau beliung. Kapak ini boleh digunakan untuk menakuk memandangkan ia ringan dan dapat diubahsuai.

Tukang tebang pokok telah memilih seponon pokok yang tinggi lagi besar di puncak lereng bukit.

Inilah pokok Rajah. Pokok ini belum pernah diusik lagi. Kemudian mereka terus menebang pokok-pokok lain dari bahagian atas hingga ke kaki bukit. Akhir sekali mereka menebang pokok Rajah tadi. Kesemuanya rebah bak domino yang rebah. Dalam masa 10 hari batang-batang pokok bertindan-tindan menjadi kering di bawah pancaran mentari lalu dibakar. Tunggu kayu yang pecah dan batang pokok yang hangus bersepah di kawasan itu. Dalam keadaan aman kawasan seperti ini ditanam dengan ubi kayu tetapi pada masa itu ia merupakan tempat yang sesuai untuk pengguguran bekalan.

Pada suatu hari penghulu Kampung Bersia datang melawat kami. Dari awal-awal lagi dialah salah seorang penyokong kami. Dia datang membawa pesan daripada Pejabat Daerah, Gerik untuk bertemu dan berbincang tentang rancangan dan kerjasama yang dapat dilaksanakan. Aku memang mengalu-alukan pertolongan dan kerjasama daripada pegawai daerah lalu aku membuat rancangan untuk menemuinya di rumah Abdul Razak selepas senja beberapa hari lagi. Rumah Abdul Razak terletak di atas anak bukit di pinggir hutan yang menghadap ke arah sawah padi. Pegawai daerah tersebut, Mohamed Salleh, adalah penyokong kuat kami tetapi dia tinggal di Gerik di tengah-tengah batalion askar Jepun yang berpangkalan di situ. Dia berada dalam keadaan yang membahayakan kerana tiap-tiap hari dia berkomunikasi dengan komander dan kakitangan pihak musuh. Pada senja

kala kami menjenguk keluar dari rumah kawan kami dengan penuh bimbang. Kami berada dekat dengan pekan dan wujud kemungkinan berlakunya pembelotan. Sejurus kami ternampak satu kumpulan kecil yang membawa andang menuju ke arah kami mengikut batas bendang. Kami menjamu selera dengan gembiranya bersama-sama lalu berbincang tentang rancangan dan masalah kami hingga ke larut malam.

Aku menceritakan pertemuan pertama kami di rumah Abdul Razak ini kerana tempat ini akan disebut lagi kemudian dalam keadaan yang lebih menakutkan.

Keadaan kami sekarang sudah cukup mantap. Tugas utama kami pada awalnya adalah untuk mengumpul segala maklumat yang dirisik. Seperti yang pernah saya katakan dunia luar tidak tahu menahu tentang perkembangan di Tanah Melayu di bawah pemerintahan Jepun sebelum kami berjaya menyeludup masuk ke negeri ini. Pada masa itu setiap berita yang diperoleh adalah mustahak. Kemudian semasa rangkaian agen kami ditubuhkan, mencurahkan pula maklumat risik yang terperinci lagi penting untuk tujuan militari. Kami mendapat maklumat lengkap tentang kelengkapan militari yang ditubuhkan di pekan-pekan Perak. Kami mengetahui juga tentang kedudukan markas utama militari Jepun di Taiping, Ipoh dan Kuala Kangsar, begitu juga dengan kedudukan perkhemahan pasukan kavalri dan artileri, dan tempat terdapatnya meriam pembina pesawat udara yang

mengawal tempat-tempat penting seperti jambatan Iskandar yang merintang Sungai Perak. Tidak kurang juga, kami mengetahui operasi polis militari Jepun, Kempetai dan kaedah pengurusan Kerajaan Awam Jepun dan beberapa banyak perkara lagi.

Di kem kami yang baharu, kami mempunyai penjana stim untuk mengecas bateri W/T. Kami terpaksa meminta lebih banyak 'skeds' untuk menguruskan maklumat yang mencurah-curah masuk. Markas kami di Colombo menghubungi kami melalui radio dengan kata-kata, "Kami gembira menerima berita daripada kamu tetapi janganlah selalu hantar berita kerana itu akan membahayakan kedudukan kamu". Maklumat mencurah-curah masuk daripada agen kami. Semua isyarat yang dihantar keluar adalah dalam bahasa kod yang diambil dari buku kod khas, satu bentuk kod yang tidak dapat dipecah-pecahkan. Begitu juga halnya dengan isyarat yang masuk. Agak mustahil juga untuk menggunakan kaedah ini di Eropah atau negara-negara yang ramai penduduknya. Askar Jepun dan Kempetai memang sedar akan kehadiran kami, cuma mereka tidak tahu kedudukan kami yang sebenar. Malah mereka kenal namaku. Berita angin merebak ke sana sini. Kata mereka pesawat udara datang menggururkan askar dan senjata. Ada beratus-ratus askar di dalam hutan, kata mereka. Askar Jepun sedar memang ada pesawat yang datang dan membuat pengguguran. Dari udara *DZ* kami yang baharu itu kelihatan seperti mana-mana ladang yang

telah dibersihkan oleh penduduk setingan Cina atau orang Asli untuk menanam ubi kayu atau padi huma. Bangunan kem kami pun tidak kelihatan oleh pesawat Jepun yang terbang lalu di atas kerana bangunan kami tersorok kemas di bawah pokok. Kami pun meneruskan kerja tanpa menghiraukan hal itu. Pada waktu malam seseorang akan merekod isyarat yang diterima bercahayaakan lampu damar yang dipegang oleh seorang lain. Lampu ini mesti diawasi selalu supaya ia membakar dengan terang.

Askar Jepun dan Kempetai kini semakin aktif. Seorang guru dari Gerik yang bernama Mohamed telah ditangkap dan disoal siasat. Nasib baiklah dia dapat melepaskan diri. Kapten Salleh, seorang Pegawai Daerah pun turut disoal. Seorang guru lagi dari Kampung Bersia dekat Gerik disoal dan diseksa. Dia sudah berumur orangnya.

Pada bulan Mac 1945 latihan rekrut untuk tentera gerila Melayu kami berjalan lancar. Rekrut kami diberi latihan bersenjata dan cara-cara menembak oleh Hamzah, bekas pegawai tentera laut Tanah Melayu, yang datang untuk menyertai kami. Rekrut dibenarkan berlatih menembak menggunakan Karbin Amerika 300 sebanyak dua kali. Inilah senjata yang paling baik. Ia ringan, cuma 6½ paun beratnya dan mempunyai 16 peluru dalam satu magazin, satu tembakan atau berulang kali. Karbin ini memang tidak banyak dibekalkan maka ia tidak dapat diberikan kepada rekrut baharu. Rekrut baharu diberi senapang

jenis Sten, automatik, yang mempunyai 15 peluru setiap magazannya. Sesungguhnya senapan ini adalah 'kelengkapan perang', senjata yang mahal dan digunakan pula oleh askar muda yang belum cukup terlatih. Senapan ini mudah melepaskan tembakan jika terjatuh atau jika orang yang memegangnya tergelincir lalu jatuh. Ini memang kurang menyenangkan.

Salah satu masalah yang kami hadapi dalam mengambil rekrut baharu adalah jika seorang lelaki muncul untuk mendaftar, maka kami tidak dapat menolak hajatnya itu dan menyuruhnya balik ke kampung kerana dia akan membuat bising lalu ditangkap oleh Kempetai. Kami terpaksa mengambilnya. Apabila seorang pemuda bermata juling pula datang, kami terpaksa menerimanya juga. Terpaksalah kami melantik dia sebagai tukang masak kerana hendak disuruh menembak, tentunya akan membahayakan rakan-rakan lain. Kami masih menyuruhnya menjadi tukang masak sungguhpun rakan-rakannya mengatakan dia mempunyai kuasa luar biasa. Kami menerima banyak baju askar berwarna hijau dan seluar kain kapas dari India bersama-sama bekalan lain yang digurukan. Untuk kelengkapan lain seperti beg galas dan topi, kami membuatnya sendiri daripada kain payung terjun berwarna khaki dan daripada kain bungkus. Kami membuat 'sarung pacat' juga daripada kain payung terjun. Stoking biasa senang sahaja ditembusi pacat. Kaki yang tidak berlapak ibarat santapan istimewa bagi pacat. Stoking pacat menutup

seluruh kaki dan diikat di bahagian luar seluar di bawah lutut.

Pacat memang banyak terdapat terutamanya di laluan hutan yang sering digunakan pada masa dahulu, dan seperti yang telah disebut tadi, hanya baru-baru ini laluan ke Kampung Temengor tidak digunakan lagi sejak kampung tersebut dimusnahkan oleh penjahat. Orang yang berjalan di hutan tanpa menutup kakinya akan membawa kayu yang berhujung leper supaya dia dapat menguis pacat yang menggigit kakinya. Pada suatu ketika semasa aku menggunakan laluan ini ke Kampung Temengor aku terpaksa berhenti untuk menguis pacat yang degil itu. Aku terperanjat melihat beratus-ratus pacat datang ke arah aku dari setiap sudut. Pacat tersebut mungkin tertarik dengan bau aku atau getaran langkahku. Aku begitu terperanjat lalu aku cabut lari. Namun aku terpaksa berpatah balik untuk mengambil karbinku.

Pacat ialah binatang yang menggerunkan. Rupanya seperti tiub hitam berukuran 1½ inci panjang. Pacat mengengsot-engsot dan bergerak agak pantas. Pacat merayap pada kulit. Seseorang tidak terasa apa-apa apabila ia bergerak atau ketika ia menggigit dan mula menghisap darah. Sewaktu menggigit, pacat mencucuk sejenis enzim ke dalam darah yang membuat darah mengalir tanpa membeku. Setelah puas menghisap darah, barulah pacat ini jatuh dan pada ketika itu saiznya tidak ubah seperti sebiji anggur hitam. Hanya apabila pacat tersebut terperangkap masuk ke dalam

salah satu stoking atau ke dalam baju dan darah meleleh keluar, barulah seseorang itu sedar akan kehadiran pacat itu.

Askar Jepun dan Kempetai semakin giat menjalankan aktiviti mereka. Pasukan mereka di Gerik telah dipertingkatkan. Perisik mereka mendapatkan maklumat daripada kampung. Nasib baik apa yang mereka dapat hanya berita angin sahaja. "Ya, begitulah yang saya dengar. Kapal terbang datang dan mengugurkan orang dan senjata. Ada orang kata beratus-ratus banyaknya, ada pula yang kata beribu-ribu!" Askar Jepun sudah tahu tentang pesawat yang datang itu. Mereka mendengarnya pada waktu malam dan ternampak pesawat '*Liberators*' pada waktu siang. Bagi kami itu merupakan satu helah. Sebenarnya kami melatih askar kami dalam menghadapi perang di hutan dan bersedia untuk memainkan peranan kami apabila pihak British menakluk semula.

Sekarang ini aku terpaksa membuat rancangan di luar jangka sebagai usaha berjaga-jaga menghadapi serangan askar Jepun yang kami pasti akan berlaku. Kami berharap mendapat berita daripada penduduk kampung tentang sebarang tindakan Jepun terhadap kami. Untuk tujuan ini kami telah menghantar dua orang kami untuk tinggal dekat Kampung Bersia supaya mereka dapat membawa berita tentang sebarang tindakan Jepun. Dua orang askar kami sentiasa berada di perkhemahan lama kami yang terletak dua batu dari sini. Kami telah mengambil langkah berjaga-jaga ini.

Selain itu kami juga membuat rancangan untuk menghadapi kecemasan yang mungkin timbul.

1. Aku bercadang untuk mendirikan sebuah stesen radio dan perkhemahan baharu di hulu Sungai Perak di sebuah kawasan yang sesuai.
2. Jika kami terpaksa berundur, kami akan berundur ke Kampung Belum dan berkumpul semula. Belum terletak berhampiran sempadan negeri Thai, iaitu 75 batu di hulu sungai. Tempat itu jauh di pedalaman dan memang sukar untuk diserang musuh.
3. Aku menghantar berita ke Colombo bahawa kami sedang menunggu serangan daripada tentera Jepun dan menyuruh mereka menggugurkan bekalan dan alat radio di Belum dalam masa tiga minggu sekiranya hubungan kami terputus.

Sebenarnya rancangan kecemasan kami tadi terpaksa dilaksanakan lebih awal daripada yang dijangkakan.

ASKAR KAMI BERTEMPUR

Dua hari kemudian sebilangan penduduk Kampung Bersia datang menemui kami dalam keadaan yang cemas. "Tolonglah kami, tuan. Askar-askar Jepun menggeledah tempat kami dan mengambil semua bekalan beras kami. Tolonglah kami!" Apalah yang dapat aku katakan. Selama ini mereka telah membantu dan menyokong kami. Kamilah askar penyelamat mereka. Terpaksalah kami membantu mereka. Dan aku sedar bahawa itu satu perkara yang agak mustahil. Budak-budak kampung tidak terdaya melawan askar Jepun. Keadaan mereka tidak ubahlah seperti budak kecil dengan senapan Tuhan askar Jepun itu telah beredar pergi setibanya kami di situ nanti. Walau bagaimanapun, sebarang keganasan akan menaikkan semangat budak-budak kami.

Menjelang tengah hari itu, lengkap dengan senjata, kami – seramai 50 orang – telah bersiap sedia untuk pergi ke sana. Setelah menghadapi sedikit kesukaran

kami pun sampai di Kuala Temengor pada waktu malam. Kampung itu terletak di tebing barat Sungai Perak dan kami terpaksa menyeberanginya dengan rakit. Semasa dalam perjalanan satu tembakan telah terlepas apabila seorang daripada kami tergelincir jatuh yang menyebabkan senapan jenis stenna melepaskan tembakan. Tidak ada kecederaan yang berlaku.

Keesokan harinya kami pun pergi ke Kampung Bersia. Kami diberitahu oleh askar yang dihantar mendahului kami bahawa penduduk kampung dan askar Jepun telah meninggalkan kampung itu. Kebanyakan beras telah diambil oleh askar Jepun, maka askar kami pun mengambil apa-apa beras yang tinggal lalu menyimpannya di hutan. Aku dan John Clifford pergi ke hujung kampung kerana di sana terdapat jalan dari Gerik. Tiba-tiba seorang mandur berbangsa Tamil yang berpakaian kemas dan bertopi dari Jabatan Kerja Raya datang dengan menaiki basikal. Dia pun turun dari basikalnya, menanggalkan topinya, lantas mengucapkan selamat tengah hari kepada kami. Dia memberitahu kami bahawa askar Jepun telah pulang ke Gerik. Aku memintanya supaya jangan memberitahu sesiapa yang dia telah berjumpa dengan kami. Dia akan dipukul sekiranya dia membuka mulut. Dia berjanji. Tidak lama selepas itu aku mendengar khabar bahawa dia telah membuka mulutnya lantaran dibelasah oleh askar Jepun.

Kami bermalam di perkhemahan sementara di

pinggir hutan. Dari tempat ini kami dapat melihat rumah Abdul Razak, iaitu tempat kami berjumpa Kapten Salleh, Pegawai Daerah di situ untuk membincangkan rancangan masa depan.

Keesokan paginya aku bersama-sama sepuluh orangku kembali semula ke kem utama kami. Kami singgah bermalam di Kuala Temengor. Keesokan harinya Clifford tiba dengan orang kami yang selebihnya dari Bersia semasa kami sedang bersiap-siap untuk meneruskan perjalanan pulang. Clifford memberitahu kami bahawa askar Jepun datang ke kampung itu pada waktu subuh ketika mereka sedang berkemas-kemas untuk pulang. Tembak-menembak telah berlaku sebelum mereka meninggalkan tempat itu. Tidak tahulah kalau-kalau ada barang yang tertinggal. Kalau musuh mengekori mereka pun, Clifford tidak tahu.

Aku pun mengarahkan Clifford dan pasukannya pulang ke kem dan bersiap untuk meneruskan perjalanan. Aku bersama-sama sepuluh orang tadi menyusuri laluan mereka tadi untuk menyerang hendap musuh sekiranya mereka muncul. Walau bagaimanapun, tiada seorang pun askar Jepun yang muncul, oleh itu pada awal tengah hari tersebut kami kembali ke Kuala Temengor untuk bermalam di sana. Pada waktu paginya kami bertolak semula ke Kampung Bersia untuk meninjau keadaan di sana dan mengambil apa-apa jua alat yang tertinggal di kawasan perkhemahan sewaktu mereka tergesa-gesa pergi.

Menjelang tengah hari kami sudah pun berada

berhampiran Bersia. Aku pun menghantar dua orangku untuk meninjau kampung tersebut. Leftenan Nor Rani dan orangku yang lain menemani aku. Semasa kami menunggu, hujan turun renyai-renyai sungguhpun sinaran mentari masih kuat memancar di celah-celah dahan. Leftenan Rani pun berkata kepadaku, "Tuan hendak tahu apa mereka kata? *Hujan panas menyayu.*" (Hujan panas bermakna bahaya). Aku pun bertanya, "apakah maksudnya." Dia sendiri tidak tahu, cuma katanya itu pepatah Melayu tuan. Dua orang askar peninjau tadi pun kembali. Mereka melaporkan, "Kampung Bersia lengang." Maka kami pun menghampiri kawasan perkhemahan lama. Ada beberapa peralatan yang terbiar di atas tanah dan lalat berterbangan mengelilingi sekeping daging yang tergantung pada dahan kering. Kami berada 100 ela dari rumah rakan kami, Mohamed Razak, yang dibina di atas anak bukit, membelakangi hutan dan menghadap sawah padi. Sebatang anak sungai mengalir berdekatan rumah tersebut dan terus ke kawasan kami. Di rumah itulah kami telah menunggu kedatangan Kapten Mohamed Salleh, Pegawai Daerah dari Gerik untuk berbincang kira-kira dua bulan yang lalu. Aku dapat melihat bumbung dan hujung rumah tersebut melalui celah-celah pokok di situ.

Pada masa itu tembakan mesingan dilepaskan ke arah kami dari rumah tersebut. Kami semua menyerpa ke dalam semak untuk berlindung. Kemudian aku sedar bahawa karbinku tertinggal tersandar pada

sebatang pokok 10 cila jauhnya dari tempat aku berada. Aku terpaksa meyakinkan diriku tentang betapa perlunya aku harus pergi mendapatkan senjata aku itu! Semasa aku bangun, aku ternampak askar Jepun bertempiran keluar dari rumah itu lalu berlari menuruni anak bukit. Kami melepaskan tembakan ke arah askar Jepun tadi dan aku berteriak kepada orangku supaya mendapatkan perlindungan di bukit seberang sana sungai. Kemudian terlintas sesuatu dalam fikiranku. "Adakah orangku terkena tembak?" Aku pun menoleh ke belakang. Terdapat beberapa pokok besar di sepanjang anak sungai tetapi tiada semak samun. Ketua mereka yang aku kenali sebagai Sarjan Watanabe kemudiannya menyelinap di belakang pokok semasa aku melintas seponon pokok besar. Aku pun berpusing dan melepaskan tembakan ke arahnya dengan karbinku di paras pinggang. Dia membalas tembakan dengan pistolnya. Kakiku terasa sakit. Aku jatuh tersungkur, lantas aku merangkak memanjat pagar lalu hilang daripada pandangan. Aku mengelilingi belakang rumah. Pada pendapat aku sekiranya aku dapat melihat laluan dari sawah padi yang menghala ke kampung, dapatlah aku melihat sama ada mereka ada orang tawanan atau tidak. Sawah padi itu berpagarkan anyaman buluh yang kelihatannya seperti pagar sasak. Laluan dari kampung adalah melalui batas yang melintasi sawah padi yang belum disemai dan seterusnya menerusi lubang pada pagar tersebut. Aku menyeberangi anak sungai,

kemudian merangkak melalui rumput-rumput di belakang pagar sehingga aku ternampak seorang askar Jepun berdiri di lubang pagar. Dalam keadaan berbaring di belakang pagar aku mendapati bahawa aku dapat melihat kawasan sawah padi dengan baiknya sekiranya aku menolak kepingan buluh yang pecah pada pagar. Lubang itu pun cukup besar untuk aku menggunakan karbinku. Sejurus terdengar suara askar Jepun bercakap-cakap dan beberapa orang askar keluar menerusi lubang pagar lalu melintasi sawah padi. Ini disusuli pula oleh dua orang awam Jepun yang berpakaian serba putih, salah seorangnya lelaki yang sangat gemuk (aku diberitahu kemudiannya bahawa dialah ketua Kempetai). Tidak ada orang tawanan. Aku menembak lelaki gemuk itu, kemudian seorang askar. Dua das tembakan aku terthadap seorang lelaki yang bertempiaran lari ternyata sia-sia sahaja. Mereka lesap dalam sekelip mata di belakang batas sawah. Aku menembak lelaki gemuk tadi sekali lagi. Dia tidak bergerak. Sekilas aku mendapati aku kehabisan peluru. Aku menyelinap pergi menyeberangi anak sungai dan terus lari ke dalam hutan. Kakiku mula berasa kebas. Tidak ada kesan darah. Aku pernah dengar bahawa adrenalin menghentikan pendarahan. Jadi yang kelihatan hanya dua luka di kedua-dua belah betis. Pastinya peluru tadi telah menembusi urat tendon *achilles*. Nasibku baik. Pada malam itu aku resah tidur dalam semak samun, aku berasa aku berada jauh dari rumah dan rakan semua.

Pada waktu subuh aku berangkat ke Kuala Temengor dalam keadaan sakit. Gembiraku tidak terkira apabila aku berjumpa semula dengan pasukanku sebatu jauhnya dari situ — semuanya ada dan tidak seorang pun yang cedera. Kami tiba di Kuala Temengor pada waktu senja. Clifford telah datang dengan tenaga bantuan dan seekor gajah setelah mendapat berita yang kami bertempur dengan askar Jepun.

Keesokan paginya aku kembali ke kem dengan menaiki gajah. Clifford juga ikut serta dengan dua sekshyen (20 orang). Sekshyen yang berada di Kuala Temengor diarahkan supaya meninjau-ninjau kawasan yang menghala ke Kampung Bersia dan menghantar sebarang isyarat tentang kemaraan askar Jepun. Mereka diarah untuk kembali ke kem selepas dua hari.

Kedua-dua orang kami yang dihantar ke Kampung Bersia kembali ke kem. Mereka kembali untuk membuat laporan memikirkan itulah langkah yang sebaik-baiknya setelah mereka mendengar ada tembakan menembak di Kampung Bersia dan memutuskan pasti itu serangan askar Jepun. Semua penduduk Kampung Bersia telah cabut lari, begitu juga dengan kedua-dua askar peninjau kami. Tidak siapa yang akan memberitahu kami tentang sebarang serangan askar Jepun dari Gerik hinggalah ke Kuala Temengor.

Kami terpaksa melaksanakan rancangan kecemasan kami dengan serta-merta.

1. Kami menghantar isyarat ke Colombo untuk membatalkan sebarang pengguguran bekalan makanan atau askar sehingga kami mendapat tempat baharu untuk membuat hubungan semula. Sekiranya pihak Colombo tidak menerima apa-apa berita daripada kami dalam masa tiga minggu, mereka hendaklah menggugurkan radio dan bekalan di Belun.
2. Clifford diarah untuk segera mencari satu kawasan baharu untuk mendirikan perkhemahan dan stesen W/T di Padang Buluh, iaitu kawasan belukar yang datar kira-kira 10 batu di hulu sungai. Mereka hendaklah mengambil laluan terus yang menyeberangi bukit-bukau untuk sampai di Padang Chermin sebelum menyusur anak sungai.
3. Tiga ekor gajah hendaklah dilengkapi dengan peralatan W/T dan juga bekalan untuk stesen W/T dan perkhemahan baharu yang akan didirikan di Padang Buluh.
4. Operator radio, Mohamad Zain dan seorang lagi akan mendirikan stesen W/T sementara di hilir anak sungai yang airnya mengalir turun dari bukit tidak jauh dari kem kami.
5. Akhir sekali aku menghantar seorang daripada orangku untuk menanam beberapa tin beras dan makanan kira-kira 300 ela dari bangunan markas. Tempat persembunyian itu yang terletak di sebalik akar pokok hutan yang tumbang akan ditutup dengan buluh dan daun atap. Nasib baiklah aku

terjumpa pokok ini ketika aku terengsot-engsot berjalan kerana kakiku luka dan terlalu sakit.

Clifford dan pasukannya segera bertolak untuk meninjau satu kawasan baharu serta menunggu kedatangan gajah dan bekalan. Barang-barang pun dimuatkan di atas gajah dan mereka memulakan perjalanan setelah Clifford dan pasukannya berlepas. Gembala gajah diarah supaya mengikuti laluan yang sama yang diambil oleh pasukan Clifford untuk pergi ke Padang Chermin, iaitu mendaki dan kemudian menghala ke hulu Sungai Perak hinggalah sampai di kawasan perkhemahan baharu di Padang Buluh yang terletak sepuluh batu lagi. Aku mengingatkan mereka supaya jangan sekali-kali, menyusuri Sungai Menora. Sungai ini mengalir dari kem kami dan bertemu dengan Sungai Perak kira-kira tiga batu ke selatan. Dan dari situlah kami menjangka serangan itu akan dibuat.

Bersyukurilah kami telah melancarkan rancangan keceemasan kami itu. Seksyen peninjau yang sepatutnya telah balik masih juga belum balik dari Kuala Temengor lagi.

Penghulu dari Belum yang baru tiba dijangka akan bermalam di sini. Aku sedang duduk dengan selesa merehatkan kakiku yang luka. Aku hanya berpakaian kemeja dan seluar pendek semasa dia menceritakan peristiwa yang berlaku di utara. Seorang rekrut baharu baru sahaja tiba.

Tiba-tiba terdengar tembakan senapang jenis Sten datang dari arah kem utama kami, ini disusuli pula dengan tembakan yang bertalu-talu. Kami berempat yang berada di situ melompat mendapatkan senjata. Salah seorang askar kami bergegas mendapatkan kami sambil berteriak, "Askar Jepun datang!"

Aku ada mencatat senarai nama agen kami dalam sebuah buku nota kecil dan juga nama kod yang digunakan untuk mengekod isyarat. Aku khawatir sekiranya aku terbunuh dalam pertempuran ini buku tersebut akan jatuh ke tangan askar Jepun dan teraniayalah rakan-rakan kami. Oleh itu aku pun menanam buku itu di bawah timbunan kayu api di pinggir kawasan kem. Kami pun mendaki bukit lalu masuk ke hutan. Bersama-samaku kubawa karbin, selaras senapang jenis Sten dan rekrut baharu kami. Kasihan dia, dia hanya memakai kemeja dan sarung, pakaian yang tidak sesuai untuk berperang di hutan. Aku pun cepat-cepat mengajar dia cara mengisi peluru senapang jenis Sten dan cara menggunakannya lalu aku menyuruh dia pergi ke Belum.

Malam pun tiba. Tiada apa-apa lagi yang dapat kami lakukan sehingga pagi. Clifford dan pasukannya sudah tentu sampai di hulu sungai bersama-sama gajah dan mereka sedang mendirikan kem baharu dan stesen W/T. Sungguhpun kakiku sakit aku masih boleh bergerak. Tempat persembunyian bekalan makananku hanya 100 ela sahaja jauhnya. Aku mengambil keputusan untuk menunggu dahulu di situ

dan mengumpulkan sesiapa yang datang sebelum aku pergi ke Belum. Sementara itu aku akan berusaha untuk menyukarkan keadaan agar askar Jepun berundur dari situ.

Keesokan harinya aku menemui semula tempat persembunyian makanan dan bekalan termasuk beberapa beg galas yang tersembunyi di belakang akar pokok kayu besar yang tumbang yang berlantaikan kepingan buluh dan beratapkan rumbia. Agak senang bagiku untuk bergerak di kawasan itu oleh sebab kawasan hutan tidak terlalu tebal dan tebing bukitnya tidak curam. Aku mendapati bahawa markas dan kem utama kami yang berhampiran dengan *DZ* (zon pengguguran) telah diduduki oleh askar Jepun.

Pada sebelah tengah hari aku kembali ke tempat persembunyian makanan kami. Seperti yang telah kukatakan tempat itu terletak kira-kira 300 ela dari markas kami tetapi di seberang sana anak sungai yang mengalir turun ke lembah. Dari sungai itulah kami mendapat bekalan air dan kami pergi ke sana melalui laluan yang curam dan jaraknya tidak jauh. Apabila malam tiba aku pun duduk dan menunggu betul-betul di hadapan laluan ini. Sejurus kemudian seorang askar Jepun datang terhuyung-hayang membawa seabaldi air. Senang sekali hendak menembak dia. Tiba tiba tembakan daripada senjata automatik dilepaskan dari arah markas kami tetapi mereka menembak secara membabi buta sahaja ke arah hutan yang berhampiran. Aku pun kembali ke tempatku lalu tidur.

Subuh-subuh lagi keesokan harinya aku sudah terjaga. Fikiranku sedang merancang serangan yang berikutnya. Laluan dari kem utama ke kem markas hanya beberapa ratus ela jauhnya. Laluan itu melewati tanjung tinggi yang curam yang ditumbuhi pokok tetapi tidak banyak semak samun. Anak sungai pun tidak jauh di seberang sana. Laluan itu mendaki bukit sekali lagi. Pada peringkat ini kawasan lembah adalah sempit. Aku pun memutuskan bahawa kawasan di tanjung tinggi tadi yang darinya aku dapat memerhatikan laluan di bawah merupakan tempat yang baik untuk aku menembak. Aku pun memanjat dan menjumpai tempat yang sesuai yang dilindungi batang kayu yang agak besar. Dari sini aku dapat melihat laluan dari jarak yang dekat hingga laluan itu menghampiri tanjung tinggi. Aku pun duduk di situ dan menunggu. Tidak lama selepas itu aku mendengar satu kumpulan askar mara ke arah situ. Mereka berbahasa Jepun. Bahasanya kedengaran kasar dan tidak sedap didengar. Kemudian muncul pula dua orang askar Jepun dan tanpa kuduga kedua-duanya keluar dari laluan lalu memanjat tanjung tinggi tempat aku berada. Salah seorang yang memanjat di sebelah kiri aku duduk berehat, manakala yang seorang lagi memanjat tinggi lalu duduk berehat di sebelah kanan. Terdapat dua askar pengintip. Sejurus askar-askar lain dalam platun itu pun menyusuri laluan itu. Mereka berbual dengan rancak sekali. Aku mula merasa tidak selamat. Semua ini di luar jangkaan aku. Kedua-dua askar pengintip

sedang memerhatikan rakan mereka berlalu. Aku pun mengambil keputusan untuk senyap-senyap meninggalkan tempat itu lantaran itu aku pun berundur perlahan-lahan ke atas bukit.

Aku pun terpaksa berjalan-jalan mengelilingi kawasan kem markas kami yang telah dibakar oleh askar Jepun lalu menuruni bukit yang jauh dari kem utara kami yang mengarah ke *DZ*. Aku dapat melihat cahaya mentari yang terang-benderang dari semak samun semasa aku menghampiri kawasan lapang. Kawasan pengguguran itu kini penuh dengan askar Jepun. Mereka telah mendirikan perkhemahan dan pondok sementara antara batang-batang pokok yang tumbang dan separuh terbakar di *DZ*. Kawasan di situ menerun ke sungai yang mengalir di bawah sedikit. Seorang askar Jepun yang bermuka bulat sedang duduk di atas batang kayu berhampiran khemahnya, iaitu kira-kira seratus ela daripada tempat aku berada. Dia tidak berbaju dan sedang menjahit bajunya. Memang dia sasaran yang baik. Aku pun mengacukan senapangku dan menembak. Dia terkejut. Pastinya jariku terketar-ketar semasa memetik senapang. Memang lebih mudah menembak seseorang itu semasa berperang daripada dia sedang duduk di situ menjahit baju. Aku melarikan diri ke dalam hutan. Nampaknya, tindak tandukku semuanya tidak kena.

Aku berasa letih dan semangatku hilang. Kini aku terpaksa mengelilingi bukit untuk sampai semula ke tempat rahsia aku, menyimpan makanan. Kemudian

terlintas di pikiranku bahawa askar Jepun telah pun memusnahkan markas kami dan beredar dari situ. Oleh yang demikian adalah selamat sekiranya aku menggunakan laluan yang menghubungkan kedua-dua perkhemahan kami. Dengan mengikuti laluan itu sejauh 200 cila, kemudian melintasi bonggol, iaitu tempat aku gagal membuat serangan pagi itu, aku akan sampai semula di kawasan pokok di seberang sana dan seterusnya ke tempat simpanan makanan kami yang penuh rahsia itu. Cara ini lebih mudah.

Lalu aku pun menuruni bukit untuk sampai ke laluan. Laluan itu lecah dan penuh dengan kesan tapak kasut askar Jepun. Air masih mengalir ke dalam lekuk kesan kasut itu. Semua kesan kasut but askar Jepun mempunyai ciri yang sama. Semuanya mengarah ke markas. Aku pun mara dengan berhati-hati, jariku sedia pada pemetik karbin. Aku ternampak bonggol, anak sungai di sebelah kananku. Langkahku mula terasa berat seolah-olah aku berjalan menentang arus. Tanpa kemahuanku, aku terhuyung ke tepi lalu rebah ke dalam anak sungai. Terdengar suatu bunyi nyaring, benda yang direntap dan mukaku terkena percikan pasir. Sejelurus kemudian beberapa tembakan serentak dilepaskan. Aku menyusup ke hilir sungai seperti binatang buruan. Aku telah terkena perangkap yang aku pasang sendiri pada pagi itu.

Buat beberapa ketika aku berasa selamat berada di tengah-tengah hutan rimba. Lama juga aku mengambil masa untuk menenangkan fikiranku. Selepas itu

barulah aku dapat mencari jalan merentas lereng bukit untuk sampai ke kawasan markas kami dan kemudian turun ke anak sungai semula. Langkahku terhenti buat beberapa ketika semasa aku baru hendak menyeberangi anak sungai. Pada ketika itu matakmu ternampak sesuatu yang bergerak-gerak di dalam semak samun di sebelah kananku. Aku terperanjat melihat sekumpulan orang muncul di depanku. Mereka terdiri daripada pembantu rumah kontraktor Jepun bersama-sama anak lelakinya yang berumur lapan tahun. Anak ini ialah anak bongsunya daripada 15 orang anak. Di samping itu terdapat seorang lagi budak lelaki Cina, seorang kuli Cina, guru yang telah berusia dari Bersia, kerani berbangsa Tamil dan tiga orang askar Melayu aku. Sudah lima hari mereka tidak makan dan kerana terlalu lapar mereka sanggup berpatah balik walaupun askar Jepun menyekat jalan mereka. Aku pun membawa mereka ke depot rahsia kami dan kami pun makan sekenyang-kenyangnya. Lantai buluh tempat simpanan bekalan itu berukuran 6 kaki \times 6 kaki. Kami tidur berhimpit-himpit pada malam itu. Oleh sebab aku yang paling tinggi di kalangan mereka aku terpaksa tidur melintang di hujung bilik supaya yang lain dapat tidur sebelah-menyebelah.

Keesokan paginya kami pun mengemas lebihan bekalan yang ada lalu kami pun meredah bukit untuk sampai di Sungai Perak. Sebelum itu kami meninjau dahulu kem markas kami yang telah musnah. Yang pastinya ialah askar Jepun telah membakar tempat itu

setelah bermalam di sana selama dua hari. Mereka telah membina kubu yang kukuh lalu meletakkan mesingan di sekeliling. Hatiku berderau tatkala aku memandang longgokan kayu api tempat aku menyorok buku nota aku dahulu telah dialih untuk dijadikan tempat meletak mesingan. Lantas aku pun mengorek tanah di bawah bekas longgokan kayu itu dan menjumpai buku aku itu. Maka aku pun musnahkannya. Syukurlah. Kami ada menyimpan setin serbuk sulfanamida bersama-sama bekalan kami yang lain. Nampaknya askar Jepun tidak tahu apa bendanya itu lalu mereka telah mencurahkanya ke tanah. Aku pun mengambil semula lebih kurang sepaun bahan tersebut lalu membungkusnya dalam sehelai kain. Itulah satu-satunya antibiotik yang ada pada kami dan kami sangat-sangat menghargainya. Aku juga mengambil semula kepingan emas tola dan syiling emas yang telah aku tanam di bawah sebatang pokok yang berhampiran. Pakaian yang ada pada aku hanyalah sepasang seluar khaki dan sehelai kemeja. Askar Jepun telah tiba lebih awal daripada yang dijangkakan.

Markas kami memang dibina jauh agar tidak bertembung dengan askar Jepun dan harapan kami adalah mereka telah keluar dari kawasan itu. Kami merentas bukit untuk segera sampai di Sungai Perak dan kami tiba di satu tempat, kira-kira sebatu jauhnya dari Padang Chermin dalam masa lebih kurang empat jam. Nasib baiklah ada rakit untuk kami menyeberangi sungai. Jalan ke Kuala Temengor di selatan atau jalan

ke Belum di utara adalah di tebing barat Sungai Perak.

Pada pendapatku lebih baik aku meninjau kawasan ke hulu sungai yang menghala ke Kuala Temengor. Aku berharap sekiranya askar Jepun telah beredar, kami akan dapat berita daripada penduduk kampung di situ dan juga ubi kayu untuk menampung bekalan beras kami yang tinggal sedikit sahaja supaya kami dapat meneruskan perjalanan kami ke Belum jika keadaan mendesak. Bekalan beras kami hanya tinggal segantang sahaja dan ini hanya dapat menampung makanan kami untuk dua hari sahaja. Perjalanan ke Belum akan mengambil masa tujuh hari.

Setelah makanan dan segala bungkusan kami disembunyikan baik-baik dengan dedaun, kami pun berjalan ke hilir sungai dengan mengayun hanya senjata dan peluru menuju ke laluan yang mengarah ke Kuala Temengor. Kerani berbangsa Tamil tadi serta Assam bersama-sama anak lelakinya mengekori rapat. Guru sekolah dari Bersia pula meninggalkan kami untuk mencari jalan pulangnye sendirian.

Kami menyusur laluan itu selama lebih kurang sejam. Tanpa diduga kami terserempak dengan sekumpulan askar Jepun yang sedang duduk berehat di kawasan lapang di laluan itu setelah kami merempuh beberapa dahan kayu. Tembak-menembak berlaku dan kami pun berundur. Di situlah kami kehilangan Assam dan anak lelakinya dan juga kerani Tamil tadi. Mereka telah bertempiaran lari ke dalam semak untuk bersembunyi. Aku tidak berjumpa mereka lagi se-

hinggalah perang tamat.

Kami kembali semula ke tempat kami menyorok barang-barang kami dan setibanya di sana kami mendapati tempat itu telah diselongkar. Begalasku dibuka. Tin yang aku isi dengan kepingan emas tola sudah hilang. Nasib baiklah tin rokok yang mengandungi syiling emas masih ada. Kami pun mengemas barang kami dan meneruskan perjalanan ke Belum.

Kami masih belum mendapat apa-apa berita. Setelah berjalan beberapa batu kami pun bertemu dengan orang kampung dari Kampung Bersia dan Kuala Temengor yang sedang menuju ke utara. Kami juga menemui Abdullah Bima (Abdullah bin Taami) yang baru sahaja menyertai kumpulan kami. Namanya menunjukkan yang dia orang Indonesia. Dia datang dari Pulau Bima, Indonesia yang terletak di bahagian selatan kepulauan Jawa. Dia juga merupakan salah seorang rekrut lama kami di Jeddah. Dialah yang memberitahu aku apa-apa berita terkini. Sudah enam hari aku tidak mendapat berita. Kini kumpulan kami terdiri daripada enam orang; aku, dua orang Cina dan tiga orang askar Melayu.

Clifford bersama-sama kumpulannya telah bertolak ke satu tempat kira-kira lapan atau sembilan batu ke hulu sungai untuk mendirikan kem baharu dan stesen radio. Mereka sampai di sana dengan selamatnya. Walau bagaimanapun, uga ekor gajah yang membawa bekalan dan peralatan W/T tidak sampai.

APA YANG BERLAKU PADA GAJAH

Tidak lama kemudian timbullah kisah itu. Clifford dan rombongannya pun memulakan perjalanannya. Mereka disusuli oleh tiga ekor gajah yang membawa bekalan. Arahan yang diberi oleh mereka tepat dan jelas.

“Askar Jepun akan mara ke hulu sungai bila-bila masa sahaja dan menyerang. Oleh yang demikian ikut laluan ke utara melintasi bukit-bukau hingga sampai ke sungai dan kemudian ke kawasan baharu. Jangan ikut laluan selatan melalui Sungai Menora untuk ke Sungai Perak. Awak mungkin bertembung dengan askar Jepun.”

Gajah pun bertolak. “Baik tuan, baik tuan!” Tetapi gembala gajah dan gajahnya bukanlah seperti orang lain. Mereka lebih tahu tentang gajah. Memang sukar bagi gajah yang dibebani barang untuk mendaki dan menuruni bukit. Mereka lebih senang berjalan di tanah rata yang menyusur sungai. Karutlah cerita tuan tentang askar Jepun itu, sungguh mereka. Kita ikut jalan yang senang dan sampai di sana pada masa yang sama

juga. Lalu mereka pun mengikuti jalan ke Sungai Menora dan dua jam kemudian mereka bertembung dengan askar Jepun. Gembala gajah itu bergegas turun dari gajah mereka lalu melarikan diri ke dalam hutan. Askar Jepun mengambil barang yang ada pada gajah lalu melepaskan binatang tersebut.

11 Sekarang tahulah kami apa yang berlaku pada gajah tadi. Tetapi apa pula yang telah terjadi kepada 10 orang kami yang telah dihantar untuk meninjau-ninjau jalan ke Kampung Bersia serta meninjau sebarang serangan dari Gerik?

12 Kampung Bersia didapati sunyi sepi, tiada berpenghuni apabila seksyen itu tiba di sana. Tiada apa-apa yang bergerak sepanjang jalan ke Gerik. Mereka pun kembali semula ke Kuala Temengor lalu bermalam di sana.

13 Keesokan paginya mereka meneruskan perjalanan ke kem. Mereka sampai ke lintasan sungai dan nasib baik terdapat rakit di bawah jeti tidak jauh dari situ. Dua orang telah pergi ke sana untuk membawa rakit itu balik tetapi malangnya ketika mereka sedang memusingnya, tali rakit itu terputus lalu rakit tersebut pun hanyut dibawa arus. Terpaksalah mereka membuat sebuah lagi rakit dengan memotong buluh dan rotan. Geram juga dibuatnya kerana kerja membuat rakit itu mengambil masa sejam atau lebih. Mereka pun pergi mendapatkan buluh lalu terus membuat rakit. Tatkala mereka memandang ke seberang sungai, mereka terkejut melihat sebilangan askar Jepun sedang

menggunakan laluan yang hampir sangat dengan sungai. (Aku ada menyebut tentang laluan ini sebelum ini. Inilah jalan yang dirancang oleh pihak Jepun dari Perak ke Kelantan. Ia merupakan laluan yang merentas hutan yang menyusuri tebing timur Sungai Perak). Dari tempat ini Sungai Perak mengalir ke arah selatan sebelum membelok ke utara menghala ke Gerik dan seterusnya ke kawasan desa yang terbentang luas.

Seksyen tadi memang terpisah langsung daripada kami. Mereka tidak dapat kembali untuk memberi amaran. Mereka memang tidak dapat menyeberangi sungai walaupun betapa cepat mereka berlari memanjat tebing Barat.

Nampaknya Belum sahajalah tempat yang tinggal lagi bagi kami untuk berkumpul dan membuat persiapan semula memandangkan gajah, peralatan radio, dan bekalan kami telah tiada. Perjalanan ke Belum mengambil masa seminggu ke arah hulu sungai. Laluannya mengikut hala Sungai Perak yang menuju ke utara. Laluannya banyak mengikuti jalan rata tetapi terpaksa menyeberangi sungai beberapa kali. Sungai Perak memang mengalir deras dan tidak boleh diharung. Rakyat terpaksa dibuat setiap kali kami hendak menyeberang sungai itu.

BELUM SEBELUM PERANG

Semasa perang Pegawai Daerah Gerik akan melawat Belum setahun sekali. Daerah Gerik agak penting dan terdapat beberapa perkampungan desa sepanjang lembah sungai sejauh lebih kurang tujuh batu. Sawah padi luas terbentang. Terdapat banyak kerbau untuk membajak tanah. Ada juga beberapa ekor gajah. Sebelum perang perjalanan ke Belum memang menyeronokkan. Ada gajah untuk membawa orang dan barang dan tidak ada masalah untuk menyeberangi sungai. Perkampungan orang Asli boleh dilawati dalam perjalanan ke Belum.

Pada masa itu laluan begini sering digunakan. Sejak perang meletus dan terdapat perompak yang menghendap kampung-kampung di Selatan Thai dan Belum, maka laluan itu tidak digunakan lagi. Pacat yang memang menjadi masalah semakin meliar kerana kekurangan 'makanan'. Pacat ini memang menyusahkan dan membahayakan terutamanya di laluan yang jarang-jarang sekali digunakan. Eloklah

seseorang itu membawa kayu yang hujungnya leper apabila berseluar pendek atau berkaki ayam. Cubalah tangkap pacat ini atau kuiskan dengan kayu tadi sebelum pacat itu menghisap darah. Gigitan yang berterusan akan membuat kaki kita bengkok dan bermanah selain kehilangan darah. Selepas serangan mengejut terhadap kem kami, tidak seorang pun daripada kami yang ada 'sarung pacat' iaitu stoking pacat yang kami buat daripada kain payung terjun. Terpaksalah kami menderita.

PERJALANAN KE BELUM

Perjalanan kami ke Belum jarang-jarang tiada berteman. Kumpulan-kumpulan kecil yang lain dari Kampung Kuala Temengor dan Kampung Bersia, yang telah diusir keluar oleh askar Jepun, menggunakan jalan yang sama juga. Kami sekadar bertegur sapa dan bertanya khabar tetapi kami tidak dapat memberi pertolongan mahupun menghulurkan bantuan.

Terdapat sebuah keluarga kecil dari Kuala Temengor yang terdiri daripada sepasang suami isteri dan seorang anak lelaki yang berusia sekitar 10 atau 11 tahun. Mereka sangat miskin dan tidak cukup makan semasa kami mula-mula berkenalan dengan mereka di Kuala Temengor. Kaki si isteri penuh berkulid. Kami memberinya ubat sulfur. Si suami pula kurus longlai. Si anak pula berbibir sumbing. Si isteri tidak dapat berjalan lalu si suami mendukungnya di belakang sepanjang jalan. Mereka berjalan terkial-kial di belakang kami, adakalanya mereka hampir di belakang dan adakalanya pula mereka jauh ketinggalan.

Kami terpaksa menyukat bekal beras kami untuk 14 kali makan. Sedikit bubur nasi untuk sarapan pagi dan hidangan petang buat seminggu. Kami juga mendapat makanan tambahan. Dari semasa ke semasa laluan itu menyusuri betul-betul di tebing sungai. Terdapat sejenis pakis yang tumbuh di tebing ini. Pucuknya melingkar naik. Pakis ini boleh dimakan sama seperti saderi. Orang Melayu menamainya pucuk paku. Pucuk paku ini boleh dipetik semasa sedang berjalan. Tujuannya adalah untuk dimasak bersama-sama nasi untuk dimakan petang itu. Malah, banyak juga pucuk paku itu yang kami makan mentah semasa berjalan. Langkah kami sudah tidak bermaya memandangkan kami kekurangan makanan dan kekurangan darah kerana digigit pacat. Setiap kali kami baring untuk berehat, berat rasanya untuk bangun semula. Bima, seorang budak Melayu Indonesia yang tahan lasak, yang datang dari pulau Bima, akan berteriak menyuruh kami bangun. "Ayuh! Takkan nak lepak di sini saja!" Sekiranya kami terpaksa mengikuti laluan di seberang sana sungai, terpaksa lah kami memotong buluh dan rotan untuk membuat rakit yang dapat membawa dua atau tiga orang setiap kali menyeberang.

Hujan turun setiap petang. Menjelang senja kami akan mencari tempat yang berpasir di tepi sungai lalu mendirikan pondok yang beratap daun halia hutan. Kami pun memasak api, memasak makanan dan mengeringkan pakaian kami.

Dua hari kemudian kami sampai di persimpangan sungai; satu simpang nampaknya menghala ke utara manakala yang satu lagi membelok lebih ke arah timur. Badan kami semakin letih dan lemah dan perimbangan kami pun sudah tidak berapa betul. Kami terus berjalan ke arah utara. Kami mengharungi air sungai kerana dasarnya datar dan berpasir. Lebih mudah begitu kerana tidak ada pacat. Kami terus berjalan selama dua jam sebelum kami berhenti berehat. Sejurus kemudian kami saling bertukar pandangan. Seseorang berteriak, "Kita ni dah gila agaknya! Ini bukan Sungai Perak! Kita kena patah balik." Maka kami pun patah balik. Pada ketika itu lelaki kecil yang mendukung isterinya di belakang pun tiba bersama-sama anak lelaki mereka. Aku mendengar perempuan itu berteriak, "Ya Allah, kita dah salah jalan?" Kami pun patah balik diikuti oleh mereka. Setengah hari terbuang begitu sahaja.

Rezeki terpijak. Kami menemui pokok kelapa hutan yang tumbang. Kami pun mengambil umbutnya, membahagi-bahagikannya antara kami lalu memakannya mentah. Bima merungut bahawa bahagiannya keras. Kuli Cina itu mengalami keracunan makanan kerana memakan buah hutan tetapi nasib baiklah dia sembuh. Dia nampak macam orang bodoh dan tahu berbahasa Cina sahaja. Dia murung sahaja.

Kini, kami perlu berjalan dua atau tiga hari lagi sebelum sampai di Belum. Kami mula menemui orang lain di perjalanan, iaitu beberapa orang kampung

dan beberapa orang kami, Nor Rani, leftenanku juga menyertai kumpulan kami. Dia membawa seketul daging rusa. Ada kumpulan yang telah menembak seekor rusa. Daging rusa memang enak dimasak dengan bubur nasi yang dicampur juga dengan pucuk paku untuk hidangan petang kami. Dia memberitahu aku kemudiannya bahawa bahagian tengah daging itu agak busuk tetapi dia terfikir pula, "Tak kisahlah!" lalu memasukkan semuanya ke dalam bubur tadi.

Kami pun sampai di suatu kawasan hutan yang sudah ditebus dan ditanam dengan pokok ubi kayu. Sungguhpun pokoknya sudah tinggi ke paras kepala namun pokok itu masih belum cukup tua. Kata Rani, "Nampaknya ada pondok nun di sana tu. Biar saya pergi dan tengok kalau-kalau ada orang." Dia pun pergi. Yang lainnya duduk menunggu.

"Orang Asli, Tuan," katanya ketika dia kembali. "Periuk mereka terjering. Ada beberapa ketul kecil ubi muda di dalam periuk itu. Mereka telah lari dari tempat asal mereka. Saya berasa bersalah, Tuan. Saya tersangat lapar lalu saya mengambil ubi itu dan memakannya. Saya terlalu lapar tetapi mereka pun kebuluran. Saya malu dengan perbuatan saya, Tuan!" Rani memang selalu lapar tetapi dia baik orangnya.

Dua hari kemudian kami pun sampai di Belum pada sebelah petang. John Clifford dan sebilangan besar orangku telah pun berada di situ. Tiada seorang pun yang nampak gembira. "Bagaimana dengan makanan kamu?" aku bertanya.

“Kelapa,” jawabnya. “Kelapa sahaja dan itu pun sudah nak habis.”

Walau bagaimanapun, mereka telah meletakkan tanda *DZ* di sawah padi dengan menggunakan beberapa keping atap zink yang diambil dari sebuah rumah. Sekiranya rancangan keemasan yang dibuat dengan pihak Colombo berjalan lancar, maka pengguguran bekalan akan dibuat pada keesokan harinya.

Pengguguran dibuat tepat pada masanya. Beras, bekalan, perubatan, pemancar radio dan set mengecas digugurkan. Kami menerima juga duit kertas Thai yang baru dikeluarkan. Semua orangku bersemangat semula. Mereka berkata, “Kami tahu semuanya akan pulih sebaik-baik sahaja Tuan sampai!”

BELUM

Aku pernah membayangkan pekan Belum semasa keadaannya masih aman sebelum perang. Itulah Belum yang kumimpikan. Malangnya apabila kami tiba di sana kami dapati penduduknya sudah tinggal sepertiga sahaja daripada jumlah sebenar. Kehidupan mereka melarat dan mereka hampir kebuluran. Semua kerbau habis dibunuh, hanya tinggal seekor gajah sahaja lagi dan itu pun kakinya tempang kerana tertembak. Penduduknya dalam ketakutan akan serangan penyamun 'Cina' yang menyebabkan semua kemunahan itu. Mungkin inilah yang dimaksudkan oleh Hong Chee apabila dia menyebut tentang 'askarnya' sedang 'berperang' di Selatan Thai. Kumpulan penyamun Cina ini kini bergelar *Kuomintang*. Penindasan dan keganasan yang teruk terhadap penduduk kampung telah dapat dihentikan. Sungguhpun begitu mereka masih mengutip yuran atau duit perlindungan daripada penduduk setingan Cina di situ. Mereka masih mengenakan cukai terhadap penduduk kampung yang

menggunakan Sungai Kelantan untuk turun ke pekan membawa barang untuk dijual. Di satu tempat mereka mengenakan bayaran RM1 untuk seban pisang. Walaupun begitu, penyesnaan dan penindasan yang melampaui batas sudah tidak wujud lagi.

Sehari selepas kami tiba di situ, keluarga malang yang si suami mendukung isterinya itu pun tiba.

Kebanyakan daripada kami kurang sihat akibat kelaparan dan serangan pacat yang menyebabkan kaki kami bengkak dan memudaratkan. Pemakanan yang sempurna akan menyembuhkan kami. Bekalan kecemasan telah selamat digugurkan untuk menampung makanan kami buat seminggu dua. Takkanlah kami hendak bergantung semata-mata pada "makanan dari udara". Kumpulan kecil kami yang terdiri daripada Askar Melayu Setia (AMS) terpaksa sah berdikari yakni mencari makanan sendiri. Kami mampu menghantar orang menyeberangi bukit ke negeri Thai untuk membeli bekalan. Perjalanan ke sana mengambil masa hanya dua hari. Bahagian Selatan Thai, iaitu negeri Patani, adalah sebuah negeri Melayu di bawah pemerintahan negeri Thai. Tengku Putera merupakan raja pada namanya sahaja. Tiada masalah sekiranya hendak membeli beras dan lembu. Pada masa itu negeri Thai berada di bawah kuasa Jepun tetapi pada peringkat peperangan itu, perkara ini tidak menimbulkan sebarang masalah.

Kami berasa sungguh seronok apabila kami nampak konvoi pertama yang terdiri daripada empat

ekor gajah yang membawa beras, terhuyung-hayang datang ke arah kami. Aku mengatakan terhuyung-hayang kerana itulah gambaran yang kudapat daripada gaya gajah itu berjalan. Beberapa hari kemudian datang pula sekumpulan kereta lembu. Malangnya kami tidak diberitahu tentang batu keramat yang tercegat di pintu masuk laluan dari hutan. Salah seekor lembu tadi tumbang lalu mati di situ. Sekiranya kami memberi persembahan pastinya tragedi ini dapat dielakkan. Nasib baik ada gembala yang bertindak cepat menyembelih binatang itu dengan doanya sekali yang membolehkan daging itu dapat dimakan. Terdapat bermacam-macam semangat dan keajaiban di negeri ini. Aku diberitahu bahawa terdapat roh seorang wali di seberang sana sungai dan seseorang itu hendaklah membuat penyemahan sebelum membina rumah atau membuka dusun kerana dikhuatiri akan mengganggu tempat tinggalnya.

Sebelum ini, iaitu sebelum kami sampai di Belun, Penghulu Belun pernah bermalam di kem kami. Pada pagi itu sewaktu aku sedang memakai kasut but, aku terasa sesuatu dalam salah satu kasutku. Aku pun menghulurkan tanganku ke dalam kasut tersebut dan terus disengat lipan. Bisanya terus menular ke lengan lalu menangkap kelenjar di bawah ketiakku yang menyebabkan aku berasa amat sakit. Penghulu tadi menawarkan pertolongannya dengan menjampi. Memang pada masa itu aku mengalu-alukan apa-apa jua pertolongan. Dia pun menyelengkap

kepalanya dengan kain sarung lalu membaca jampi serapah dan pada waktu yang sama mencabut sesuatu dari bahagian yang sakit itu. Sakitnya semakin berkurangan. Aku berasa curiga sama ada jampi itu atau peredaran waktu yang telah menyebabkan sakit itu berkurangan.

Sekali lagi kami tidak lagi mengharapkan makanan. Operator W/T pertama kami, Imran, telah kembali dari Kelantan bersama-sama Bob Crystal dan Creer. John Clifford berminat untuk menubuhkan kumpulannya sendiri di Hulu Perak yang mempunyai jalan terus ke Betong melalui sempadan negeri Thai.

Terasa semacam ada perubahan. Ketika mula kami di Tanah Melayu, matlamat utama kegiatan kami adalah untuk mengumpul dan menghantar bahan risik. Kami telah menghantar beberapa banyak maklumat ke Colombo tentang kedudukan askar Jepun, persenjataan mereka, pentadbiran sivil mereka dan layanan mereka terhadap penduduk di situ. Kami telah merekrut orang dan melatih mereka untuk menyertai Askar Melayu Setia, iaitu askar gerila Melayu. Kami mendapat sokongan khususnya daripada orang Melayu dan ramai penduduk lain di negeri ini yang telah mengadai nyawa mereka dan kini menderita.

Kini tahulah kami bahawa tidak lama lagi Tanah Melayu akan diserang dan ditakluk semula. Pada masa itu nanti tugas kami adalah untuk menyerang pasukan Jepun dari belakang. Menyerang laluan mereka, menghalang mereka dengan menebang pokok

dan melakukan seberapa banyak kerosakan yang mungkin untuk mengalih perhatian musuh. Oleh itu tepaksalah kami menambah bekalan senjata, peluru, bahan peletup dan bekalan lain yang diperlukan seperti beras dan daging sehinggalah kami dapat memulakan perjalanan ke selatan untuk mendirikan perkhemahan baru berhampiran dengan tempat gerakan kami, iaitu dekat jalan antara Gerik dengan Kuala Kangsar, Taiping dengan Ipoh. Perjalanan ke selatan tidak menjadi masalah kerana Sungai Perak merupakan jalan utama kami dan kami akan ke selatan menaiki rakit.

Maka tepaksalah kami terus membeli beras dari negeri Thai dan membawanya masuk menggunakan gajah. Beras itu adalah untuk makanan pasukan kami dan untuk menampung bekalan kami ke selatan selama dua minggu. Memandangkan penduduk kampung juga kebuluran maka tepaksalah kami memberi seguni beras untuk membantu mereka. Lembu yang disembelih, dilapah lalu disalai. Satu hal yang sudah lazim bagi mereka.

Empat orang Melayu telah ditahan oleh sentri kami tiga minggu selepas kami sampai di Belum. Menurut mereka, pihak Jepun di Gerik telah menghantar mereka untuk merisik kedudukan pasukan 'komunis'. Melayu di Belum - pihak Jepun selalu menggunakan istilah 'komunis'. Kami gembira menerima mereka dalam pasukan kami.

Pada suatu hari Nor Rani datang menemuiku lalu

berkata, "Tuan, ada satu perkara kecil yang hendak saya bincang dengan tuan. Begini, saya ada satu cadangan. 'Budak-budak' kita tidak mempunyai pakaian yang sesuai atau pakaian seragam. Kita ada kain payung terjun berwarna hijau yang telah digunakan untuk menggurukan dua bekalan kita. Bolehlah kita buat pakaian yang kita perlukan."

"Bagus tu," jawabku. "Teruskan, teruskan!"

"Tuan ingat tak Aminah?" tanya Rani lagi.

"Ya," jawabku. "Bukankah dia perempuan muda yang bersuamikan orang tua yang meninggal di belakang pohon yang tumbang semasa askar Jepun menyerang Kuala Temengor?"

"Ya, dialah orangnya," kata Rani. "Dia tukang jahit yang bagus. Pada fikiran saya bolehlah kita beri beras kepadanya sebagai upah menjahit baju dan pakaian seragam orang kita."

Aku memandangnya tertanya-tanya. "Ya, boleh juga tu," jawabku. "Dia pun lawa orangnya. Ya, itu satu cadangan yang baik!"

Rani ini selalu 'dahaga' orangnya. Dia mempunyai isteri berbangsa Melayu yang tinggal di Sri Lanka.

Askar kami pun mula kelihatan segar. Penduduk kampung pula mula kelihatan memakai kemeja nilon berwarna putih oleh sebab warna putih tidak sesuai dipakai oleh askar. Hanya warna khaki yang sesuai. Warna putih lebih sesuai untuk pakaian orang kampung dan sebagai kain kapan.

Semuanya berjalan dengan lancar, terlalu lancar.

Keesokan harinya Zaini berkunjung ke rumah. Dia membawa dua penjana tangan. "Tuan," katanya, "Kita ada masalah."

Pada dasarnya penjana tangan ini sama dengan dinamo yang dipasang pada setiap kenderaan tetapi dalam kes tersebut tentulah penjana itu digerakkan oleh enjin dan baterinya dicas. Bateri yang kami gunakan untuk W/T adalah sama seperti bateri kereta, malah beratnya pun sama. Penjana ini mempunyai engkol yang diputar dan setiap putaran menghasilkan 10 putaran dinamo. Engkol itu harus diputar selama sejam untuk mengecas bateri tersebut. "Lihat, Tuan," Zaini meneruskan. "Gear engkol ini sudah tanggal. Gearnya bukan diperbuat daripada loyang, hanya sejenis plastik sahaja agaknya. Beberapa giginya dah haus lantak giginya lari. Bateri kita sudah tidak ada kuasa. Saya kkuatir belum sempat pun kita mengecas bateri itu, kedua-dua penjana ini tidak dapat digunakan lagi. Ini memang satu bala. Kami telah menggunakan penjana tangan selama berminggu-minggu tanpa sebarang masalah. Sekarang disebabkan mesin ini tidak elok maka jahanamlah kami. Nampaknya hubungan kami terputus sama sekali.

"Tuan," Zaini berkata. "Saya ada satu cadangan. Hanya di bahagian tertentu sahaja giginya haus. Rasanya saya dapat memotong keluar bahagian yang tidak rosak daripada kedua-dua gear dan mencantumkannya menjadi satu roda gear sahaja."

"Mana boleh, Zaini!" teriakku. "Mustahil. Semuanya

akan tanggal nanti.”

“Betul, Tuan,” jawab Zaini, “tetapi saya dapat mengubah gear itu supaya engkolnya dapat kita putar dengan cepat. Mungkin kita akan mengambil masa berjam-jam untuk mengecas baterai tetapi ini tidak membebankan gear itu.”

Memang cadangan itu tidak dapat diterima akal bunyinya tetapi itu sahajalah harapan kami. Aku pun menyuruhnya untuk meneruskan cadangannya itu. Satu pasukan telah dikerah untuk memutar engkol dengan cepat sekali pada penjana yang telah dibentuk semula. Setelah 20 jam, baterai pun dicas dan kami dapat berhubung dengan Colombo semula.

KEADAAN SEMAKIN MEMUNCAK

Kami tidak tahu bila penaklukan semula Tanah Melayu akan berlaku. Yang pastinya kami dapat merasakan bahawa persiapan sedang rancak berjalan. Bob Crystal dan Imran, operator W/T asal kami, telah pulang dari Kelantan. Dua orang doktor telah dihantar untuk membantu nanti. Malangnya bekas yang mengandungi bekalan ubatan mereka hilang dalam hutan. Anak kapal pesawat yang menggugurkan bekalan kali ini tidaklah semahir mereka pada hari-hari awal operasi kami. Adakalanya bekalan terjatuh jauh dari zon pengguguran hingga tidak dapat ditemui langsung. Doktor tadi pula tidak senang hati nampaknya. Salah seorang askar kami sedang menghidang makanan tengah hari, apabila doktor tersebut menegur, "Tengok tangan budak tu. Penuh dengan kudis buta." Lalu dia mengeluh. Aku pun menunjukkan seorang lagi askarku yang mempunyai kudis di muka dan di badannya. "Itu penyakit puru seakan-akan penyakit sifilis. Saya dapat mengubatinya dengan satu suntikan sahaja jika

ada bekalan ubat!" Bekalan ubat yang ada pada kami hanyalah kuinina atau atabrin untuk malaria (demam apa-apa pun disebut malaria) dan serbuk sulfonamida untuk luka-luka, kudis, ulser dan sebagainya. Seorang lagi operator radio telah dihantar dengan pesawat. Namanya Cyril, bekas pelombong dari Bolsover, Derbyshire. Nampaknya dia tidak begitu gembira kerana berada di tempat asing dan jauh dari negeri asal.

Kini kami mengatur rancangan untuk ke selatan dan bersiap sedia untuk bertindak apabila serangan bermula kelak. Dengan perasaan terkilan aku mengarahkan Zaini untuk menemui John Clifford dan operator W/T yang kedua ke kawasan baharunya di Keroh dan Betong di sempadan negeri Thai. Imran akan ke Kelantan manakala aku akan membawa operator W/T baharu kami yang berbangsa Inggeris itu, Cyril, dan Hussein Sidik bersama-sama pasukan utama kami apabila kami bertolak nanti. Bob Crystal akan menyertai pasukanku juga.

Apabila tiba masanya bertolaklah sekumpulan pembuat rakit. Perjalanan ke selatan, iaitu ke bahagian sungai yang mula-mula boleh dilalui, mengambil masa setengah hari. Mereka terpaksa membuat beberapa buah rakit.

Aku bercadang untuk berakit ke selatan sejauh yang mungkin. Ini bererti bahawa kami terpaksa mendarat sebelum sungai mengalir keluar kawasan hutan dan mengalir ke kawasan perkampungan yang

ada penghuni dan seterusnya melalui kawasan yang telah diusahakan. Gerila *KMT* mempunyai kem di hutan di sebelah timur Gerik. Aku telah mengatur rancangan untuk singgah ke kem mereka serta mendapatkan bekalan sebelum bertolak ke bahagian selatan yang berhampiran dengan Kuala Kangsar dan Taiping untuk menjalankan tugas kami apabila serangan itu bermula.

Mandor Sallehlah yang selalu menjadi orang perantara kami dan Gerila *KMT*. Dia seorang muallaf berbangsa Cina. Isterinya orang Melayu dan mereka mempunyai seorang anak perempuan. Dia telah ditahan kerana disyaki membuat hubungan dengan gerila Melayu yang diketuai oleh pihak British dan dia telah diseksa, iaitu dikenakan seksaan air.¹ Dialah orang hubungan kami sekarang dan dia telah mengatur rancangan dengan Hong Chee supaya di Gerik nanti kami akan turun dari rakit di hulu sungai dan meneruskan perjalanan kami bersama-sama beberapa orang pemandu ke kem *KMT*. Di sana nanti kami akan menerima bekalan makanan dan bahan letupan yang digugurkan — semua ini adalah

¹ Seksaan air' oleh pihak kempetai seperti yang diceritakan oleh Mandur Salleh.

"Mereka membawa sebuah tin yang mengandungi empat gelen air (tin yang standard untuk semua cecair yang dijual) lalu memaksaku meminum air itu sehingga perutku betul-betul kembung dibuatnya. Aku pun dibaringkan di atas lantai. Sekeping papan diletakkan di atas perutku lalu

untuk AMS. Pengguguran yang berikutnya adalah kelengkapan senjata untuk *KMT* bagi serangan yang bakal dilancarkan. Aku tidak senang hati memberi senjata kepada gerila *KMT*. Aku tidak percaya akan mereka. Mereka penyamun. Mereka mengganas dan menindas. Aku pasti mereka akan mengelak sebarang serangan tenus dengan askar Jepun. Mereka dilengkapi dengan rifel British yang diperolehi setelah pasukan British kalah pada tahun 1941/42. Kebanyakan mereka hanya bersenjatakan senapan patah. Peluru yang digunakan sama lama usianya tetapi telah terdedah kepada iklim yang lembap maka peluru tersebut tidaklah boleh diharapkan sangat. Panjang, Penolong Ketua mereka, bangga dengan senapan jenis Brennya, yang diperolehi daripada pihak British. Dia memberitahu aku bahawa bunyinya yang kuat membuat pihak musuh berasa sayu. "Mengegarkan jantung mereka," katanya. Lalu aku pun menanggukkan rancanganku untuk memberi senjata moden kepada mereka seberapa lama yang mungkin. Aku memberitahu mereka bahawa sebaik-baik sahaja AMS mempunyai senjata yang lengkap, mereka akan dilengkapi senjata yang digugurkan kelak. Nasib baiklah pengguguran itu tidak tiba.

mereka berdiri di atasnya. Air keluar dari setiap lubang, badanku sakitnya tak berkata."

Kemudian dia dibebaskan lalu bersama-sama isteri dan anak perempuannya meminta perlindungan daripada *KMT* di kem hutan. Dia meninggal dunia selepas Jepun menyerah kalah.

PERJALANAN KE SELATAN

Dalam masa dua hari lengkaplah flotila rakit kami. Buluh sepanjang kira-kira 30 kaki dan setebal tiga hingga empat inci telah digunakan untuk membuat rakit itu. Buluh itu diikat dengan rotan. Pelantar yang rendah, yakni kira-kira lapan kaki panjangnya dibina di tengah-tengah rakit sebagai tempat meletak bekalan, senjata dan sebagainya. Orang yang membina rakit itu memang mahir dalam kerja mereka. Sungai itu adalah 'lebu' raya' utama mereka dan rakit adalah kenderaan mereka. Mereka periang orangnya. Rakit itu dikemudi dengan menggunakan kayu buluh oleh dua orang, seorang di depan dan seorang lagi di belakang. Buluh itu bukannya untuk mengayuh rakit kerana pastinya sungai deras mengalir, tetapi untuk mengawal rakit daripada melanggar batu.

Kami pun memulakan perjalanan ke selatan. Genap sebulan yang lalu kami sampai di Belum dalam keadaan kelaparan dan kusut-masai serta kaki berkudis kerana digitigit pacat. Kini kami dalam keadaan sihat,

cukup makan dan berpakaian kemas. Kami mempunyai senjata dan sedikit makanan. Sungai yang akan kami layari sepanjang perjalanan kami akan melalui hutan rimba. Dapatlah kami berehat. Di kawasan ini memang tidak ada musuh yang akan menyerang. Jadi tidaklah kami berasa takut. Sekali pesawat udara Jepun melintas di udara. Kami dapat melihat mereka tetapi pemandu pesawat Jepun itu hanya dapat melihat sungai itu samar-samar sahaja dari atas atau sebagai satu pantulan cahaya sahaja. Buat masa itu bahaya yang akan timbul hanyalah daripada perjalanan itu sendiri. Pada suatu ketika semasa melalui laluan yang sukar jurumudi di bahagian depan tidak sempat mengelakkan rakit daripada melanggar batu lalu rakit pun terjungkit ke atas batu yang menyebabkan senjata dan bekalan tercampak ke dalam air. Kebanyakan senjata itu telah dapat diselamatkan oleh mereka yang cekap berenang dan menyelam. Di suatu peringkat lagi kami terpaksa melalui jeram yang tingginya kira-kira lima kaki. Rakit kami yang tiba-tiba menjunam menyebabkan buluhnya pecah. Sebuah rakit lagi hanya sempat sampai ke tebing sebelum ia tenggelam setelah ditolak dan didayung secepat yang mungkin. Rakit tersebut telah diperbaiki dengan mengambil buluh dari rimbunan yang berhampiran.

Di tempat lain pula sungai mengalir mendatar untuk beberap lama. Di tempat begini pula sungainya luas dan airnya dalam. Rakit kami belayar deras. Aku ternampak muncung binatang timbul di sebelah

rakitu. Salah seorang orangku membongkok lalu menarik seekor kepala ikan yang besar, mulutnya lebih kurang lima inci panjangnya. Bahagian dari sirip berhampiran kepalanya telah habis dimakan, mungkin dibaham oleh binatang lain. Tinggallah bahagian kepala yang masih 'nyawa-nyawa ikan', dan terapung-apung di permukaan air. Kepala ikan itu menjadi sajian tambahan yang enak untuk makan malam kami. Isi kepala ikan memang dianggap paling manis.

Keesokan paginya kami pun memulakan peringat akhir perjalanan kami. Setelah berakit ke hilir selama sejam, rakit pun ditarik ke tebing kanan sungai dan semua 'penumpang' dikerah supaya turun dan meneruskan perjalanan dengan berjalan kaki oleh sebab 'peringkat seterusnya berbahaya'. Aku juga menurut perintah lalu turun bersama-sama yang lain meninggalkan beberapa orang sahaja di setiap rakit. Kami berjalan kira-kira 300 ela ke hilir sungai. Semasa aku menoleh ke belakang aku ternampak 'bahaya' yang dimaksudkan itu. Air sungai tadi turun melandai ke paras baru, seperti air terjun atau jeram tetapi ia turun melandai pada kecerunan 30 darjah mengufuk setinggi 50 kaki dan tiada batu bata yang meningkah arus. Pada ketika itu rakit yang pertama berada di puncak lantais melandai turun. Jurumudi bertungkus-lumus mengawal rakit supaya ia bergerak lurus ke depan. Pada masa yang sama mereka semua bersorak. Terkilan rasanya aku tidak dapat bersama-

sama mereka untuk menikmati pengalaman yang luar biasa itu. Semua rakit selamat turun, lalu kami pun menaikinya semula untuk meneruskan peringkat akhir perjalanan kami. Dua jam kemudian kami mendarat di tebing sebelah timur. Pemandu kami sedang menunggu kami.

Tengah hari itu kami dibawa oleh pemandu kami meredah bukit yang berhutan. Seterusnya kami melalui kawasan yang pokoknya telah ditebang dan ditanam dengan ubi kayu oleh penduduk setingan berbangsa Cina di situ. Malah di suatu tempat kami mendapati ada sebuah kedai kopi. Pencerobohan ke atas hutan simpanan ini merupakan satu kesalahan semasa belum perang. Pada zaman yang kecuh begini kawasan setingan merupakan tirai yang melindungi perkhemahan penyamun dan inilah kelaziman penduduk setingan Cina untuk memberi amaran kepada penyamun akan serangan mengejut pihak keselamatan. Kami tiba di perkhemahan *KMT* sebelum waktu senja.

Kami mendapati Hong Chee, si komandar tempatan, dan Tai Man, Ketua Gerila Kelantan tinggal di situ. Kedatangan kami disambut dingin. Panjang dengan kumpulannya seramai 10 orang juga berada di situ. Aku lebih mesra dengan Panjang. Selalunya dia yang nampak lebih berani. Memang sukar sekali untuk melihat dia mengukir senyuman dan mukanya selalu masam sahaja.

Kami pun berhubung semula dengan Colombo lalu mengatur rancangan untuk penguguran bekalan.

Selang beberapa hari kami berada di kem *KMT* kami menerima kunjungan yang agak ganjil. Pada pukul 9:00 pagi seorang lelaki Melayu yang sudah berumur dan berpakaian baju Melayu kain sutera, yang hanya dipakai oleh kelas pemerintah, tiba di pintu masuk kem diiringi oleh seorang pembantu yang membawa beg baju. Salah seorang askar Melayu kami datang berlari dengan riangnya ke markas di mana aku, Bob Crystal, dan operator radio baru saja selesai bersarapan pagi sambil berteriak, "Kuptra, tuan. Kuptra datang." Kami pun pergi menyambutnya, entah siapa dia, kami pun tidak tahu. Hong Chee sudah pun berada di situ, handal orangnya, lalu dia berkata, "Awak siapa? Bagaimana awak sampai di sini? Macam mana awak boleh tahu jalan?" Kuptra cuma mengangkat tangannya lantas lalu sahaja di depannya. Bahasa yang digunakan oleh Kuptra tinggi, seperti bahasa orang istana. Aku sendiri tidak faham apa yang diperkatakannya dan terpaksa aku menyuruh orang suruhannya meminta Kuptra supaya berbicara dalam bahasa biasa yang dapat kufahami.

Jika nasib kami baik kami akan menghubungi Colombo dengan radio pada pagi itu. Inilah rutin 'sked' kami. 'Sked' diatur mengikut masa yang tertentu. Kami hanya membuat perhubungan apabila perlu. Sekiranya banyak maklumat risik yang perlu dihantar maka operator akan membuat 'sked' tambahan. Perlu diingati bahawa pihak musuh lebih senang untuk mengesan kedudukan kami sekiranya

pengantaran maklumat sering dilakukan dan pada jangka waktu yang lama. Kami pun cepat-cepat menghantar isyarat tentang tetamu kami. Askar kami begitu seronok nampaknya. Mereka kagum melihat Kuptra. Pada pendapat mereka dia mempunyai kuasa sakti. Dia kalis peluru. Dia dapat menangkap peluru yang ditembak ke arahnya dengan sebuah beg. Sememangnya orang Melayu kuat percaya akan kuasa sakti.

Sementara itu dapatlah aku berbual panjang dengan tetamu kami. Katanya dia berhasrat untuk membawa orangnya dari negeri Thai untuk sama menentang Jepun. Katanya dia dapat menyediakan 1000 orang askar. Selepas perang dia berharap agar negeri-negeri Melayu di Selatan negeri Thai diterima menganggotai Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Ini merupakan berita yang sangat menggembirakan kami lalu kami cepat-cepat menghantar maklumat.

Sehari kemudian kami menerima jawapan yang berbunyi;

“Tidak syak lagi tetamu kamu itu ialah Tengku Putera, raja Patani.” Seterusnya kami diberitahu bahawa; “Kami tidak dapat membuat apa-apa janji kerana Kerajaan British tidak akan menuntut hak atau mendapat apa-apa faedah daripada wilayah akibat peperangan.” Ini bukanlah kata-kata sebenar yang kami terima melalui isyarat. Aku pun sudah tidak ingat lagi setelah sekian lama. Memang perkara ini mengecewakan. Hatiku terlonjak-lonjak untuk memberi

kepastian kepada Tengku Putera dan memberi pengakuanku bahawa Kerajaan British akan melakukan apa-apa jua dalam bidang kuasanya untuk menurut kehendak Tengku Putera dan menjadikan negeri Patani salah sebuah negeri Bersekutu, tetapi nampaknya matlamat yang dipersetujui dalam peperangan antarabangsa ini adalah Kuasa Bersekutu akan menghalang Negeri-Negeri Melayu daripada bersatu. Aku hanya dapat memberitahu Tengku Putera bahawa permintaannya itu telah kusahaikan kepada markas Tentara British dan kerajaannya. Sebarang keputusan tertakluk kepada persetujuan antarabangsa berikutan penyerahan Jepun.

CATATAN BERSEJARAH

Rundingan tentang sempadan Tanah Melayu dengan negeri Thai telah diadakan sejak awal abad ke-19 lagi ketika semua negeri Melayu mempunyai pemerintahan sendiri. Keadaan beransur-ansur berubah dengan kedatangan negara Britain dan Belanda untuk berniaga. Beberapa persetujuan telah ditandatangani antara pihak British dengan raja-raja Melayu mula-mulanya untuk tujuan berniaga dan kemudiannya untuk membawa unsur-unsur pembangunan dan permodenan ke negara masing-masing. Pada mulanya tumpuan perniagaan adalah Pulau Pinang, Melaka dan Singapura. Tidak lama kemudian Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan bersetuju untuk bekerjasama sebagai negeri-negeri Persekutuan. Kemudian negeri Johor, Terengganu, Kelantan, Kedah dan Perlis menandatangani persetujuan dengan pihak British tetapi mereka kekal sebagai negara tidak bersekutu. Negeri-negeri Melayu Islam di utara Tanah Melayu masih bertuankan Kerajaan Buddha Thai sejak dahulu lagi dan secara

kebutulan sempadan antarabangsa itu ditetapkan seperti yang terdapat pada hari ini, iaitu negeri Melayu Patani terletak di bawah jajahan Kerajaan Thai.

Setelah Tengku Putera berangkat pulang kami pun meneruskan latihan kami. Sejurus kemudian kami menerima satu lagi bekalan senjata dan bahan letupan yang digugurkan.

Tidak lama selepas itu operator radio kami, Cyril, jatuh sakit. Demam malaria memang biasa di kawasan begini dan untuk mengubatnya kami ada kuinina, atabrin atau mekaprin tetapi dalam hal ini ubat tersebut tidak dapat mengubati operator kami. Dalam keadaannya yang sakit dia berusaha juga menghantar maklumat selama sehari dua tetapi akhirnya dia pun tumbang. Aku pun menyuruh Hussein, operator kedua kami, untuk mengambil alih dan menghubungi Colombo pada 'sked', yang berikutnya. Dia pun mencuba. Setelah beberapa percubaan dia berkata, "Saya tidak dapat melakukannya. Rupa-rupanya dia telah terlupa bagaimana hendak mengendalikan radio itu. Berbulan-bulan lamanya dia telah bekerja sebagai orang kedua kepada tiga orang operator kelas pertama. Dia cukup seronok menjadi orang suruhan; mengemas bateri dan membuat kerja-kerja rencam. Dia berasa lega kerana tidak dikenakan tugas menghantar maklumat, kerja yang agak sukar baginya. Seorang yang mudah di senangi, ringan tangan pula tetapi sudah tidak ingat bagaimana hendak mengendalikan radio.

Pada mulanya kami berasa sakit hati juga namun

fikir-fikirkan operator nombor satu kami akan pulih tidak lama lagi. Beberapa hari berlalu. Bob Crystal menumpukan masanya menjaga si pesakit. Namun operator kami tidak juga sembuh. Sungguhpun kami tidak dapat menghantar berita, kami masih dapat mendengar berita dunia. Kami pun mendengar berita tentang pengeboman Hiroshima dan Nagasaki. Kami juga mendengar berita bahawa Maharaja Jepun sedang bersiap sedia untuk menyerah kalah.

Lalu aku pun berkata, "Kalau begitu apa jadinya kita semua duduk di sini macam patung? Kita sepatutnya menghubungi askar Jepun yang ada di sini dan menyuruh mereka menyerah kalah."

Pasukan kami semuanya telah mendengar berita tersebut dan mereka berasa sungguh seronok. Pada fikiran mereka perang sudah tamat. Mereka wira. Hurray! Mereka memang sentiasa optimistik. Aku pun mengarahkan satu platun yang terdiri daripada 30 askar untuk bersiap sedia bertolak pada pagi berikut lengkap dengan senjata dan bekalan makanan.

Kemudian aku pergi menemui ketua kaum Cina, Hong Chee dan Tai Man. Mereka enggan menyertai kumpulan kami untuk menemui askar Jepun. Kata mereka, mereka hendak menunggu seminggu dua lagi untuk melihat perkembangan seterusnya. Betul juga kata mereka!

Tidak lama selepas itu gerila Cina nombor dua yang bernama Panjang datang menemuiku. Mukanya serius, tidak sedikit pun dia memperlihatkan senyuman

mahupun perasaan optimistik.

Katanya, "Tuan, saya akan membawa orang-orang saya untuk menyertai pasukan tuan esok." Dia mungkin seorang penyamun dan mempunyai perwatakan yang teruk tetapi dia 'istimewa' juga orangnya.

Keesokan paginya kami bertolak ke Gerik. 30 orang AMS (Askar Melayu Setia) dibahagikan kepada tiga seksyen; setiap seksyen terdiri daripada 10 orang, dan sepuluh orang Cina *KMT* yang diketuai oleh Panjang. AMS berpakaian baju berwarna hijau hutan dan topi yang diperbuat daripada kain payung terjun. Mereka bersenjatakan karbin atau senapan jenis Sten dan peralatan yang dibuat dengan tangan. Agak segar juga. Pasukan Cina *KMT* pula masih memakai pakaian seragam mereka yang diperbuat daripada kain *felt* yang dipakai oleh orang awam dan lengan bulat yang mempunyai nombor yang dicat. Kemeja mereka menyerupai kemeja yang dipakai oleh orang awam, seluarnya jenis kain kapas berwarna biru manakala kain pembalut kaki dan kasut berwarna kelabu. Mereka pula membawa rifel jenis Lee-Enfield, selempang peluru dan senapan jenis Bren.

Selepas rembang kami pun tiba di satu kawasan ladang di lereng bukit yang di bawahnya mengalir Sungai Perak. Ladang itu telah ditanam dengan jagung dan ubi kayu. Orang Melayu di situ telah mendirikan pondok-pondok kecil yang diperbuat daripada buluh dan atap rumbia sebagai tempat tinggal mereka. Di situ lah mereka tinggal dan menjaga

tanaman mereka. Sesetengah penduduknya datang dari Kuala Temengor dan mereka merupakan sahabat lama kami. Apabila mereka mendengar rancanganku, cepat-cepat seorang daripada mereka menawarkan diri untuk menghantar suratku kepada Komander Jepun. Lalu aku pun mencatat dengan pensel dalam buku catatanku yang telah kusalin semula dan mengamatkan surat tersebut kepada Komander pasukan Jepun di Gerik dengan kata-kata, "Setelah mendengar berita bahawa Maharaja Jepun sedang membuat persiapan untuk menyerah kalah, maka eloklah rasanya tuan datang berjumpa saya dan berbincang."

Pada petang itu kawan kami tadi pun kembali. Dia kembali dengan catatanku dan kata-kata ini telah ditulis merentangi kata-kataku tadi:

"Jikalau orang putih mahu jumpa dengan kita, dia boleh datang ke sini."

Satu mesej yang agak garang bunyinya. Nampak gayanya orangnya tidak menyenangkan.

Lalu aku pun mengarahkan agar bot disediakan untuk membawa pasukan kami menyeberangi sungai pada keesokan paginya. Di seberang sungai terdapat sebuah tempat yang bernama Kuala Kenderong yang terdapat sebuah bangunan dua tingkat yang besar. Di sinilah tempat tinggal pasukan Jepun. Dari situ terdapat jalan yang mengarah ke Gerik kira-kira sebatu jauhnya.

Keesokan paginya kami pun menyeberangi sungai,

kemudian berbaris di jalan seperti yang berikut: 1. Seksyen AMS 2. AMS 3. Cina *KMT* 4. AMS. Aku pun berjalan antara baris 1 dan 2 manakala Nor Rani mengambil gambar dengan kamera Leica yang digugurkan kepada kami beberapa minggu sebelum itu. Selepas itu kami pun memulakan perjalanan ke Gerik. Pada mulanya keadaan selengkap-lengkap, tiada seorang manusia pun yang kami temui tetapi tidak lama selepas itu keadaan mulai berubah. Sejurus kemudian kami diiringi oleh ramai orang, baik orang Melayu, India mahupun Cina yang mengikut serta atau berdiri di tepi jalan sambil melambai-lambai. Perarakan kami pun berhenti. Keadaan senyap buat seketika disusuli dengan semacam bunyi orang berbisik-bisik. Hairan juga mengapa orang ramai yang bersorak gembira tadi tiba-tiba bersurai lalu menghilangkan diri. Salah seorang askar Melayu berlari sambil berteriak, "Askar Jepun sudah datang." Dia nampaknya terkejut. Aku pun mara ke depan. Memang betul askar Jepun sudah pun datang. Di kiri kanan jalan terdapat mesingan yang dikendalikan oleh askar Jepun. Jalan itu penuh dengan askar Jepun. Seorang pegawai Jepun berdiri di depan. "Saya datang hendak berjumpa Komander awak," aku menyapa.

"Kalau begitu sila teruskan perjalanan ke pekan. Kami turuti dari belakang," jawab pegawai Jepun itu.

Rakan Cina *KMT* kami telah bersiap sedia dengan senapang Bren mereka di dalam parit tepi jalan. Aku pasti mereka tidak gembira dengan cadangan pegawai

Jepun tadi. Begitu juga aku.

Aku pun berkata kepada pegawai/jurubahasa Jepun itu, "Lebih baik kalau kamu yang mendahului."

Setelah berfikir sejenak dia pun mengesyorkan, "Beginilah. Askar awak berjalan di sebelah kiri manakala askar kami di sebelah kanan." Jadi, itulah yang kami lakukan. Orang ramai yang datang tadi kembali semula tetapi mereka mengikuti kami dengan penuh tertib.

Gerik adalah sebuah pekan kecil yang indah. Terdapat barisan rumah kedai yang menjual pelbagai barang keperluan, juga kedai kopi dan kedai makan. Pejabat posnya, balai polis dan pejabat kerajaan terletak di sebuah kawasan luas yang indah seperti taman. Tangsi pun ada dan beberapa pasukan sedang berkawat.

Kami pun berhenti dan aku dipelawa untuk menemui Pegawai Pemerintah. Aku mengarah orangku supaya beratur dengan kemas dan menunggu sehingga kami kembali. Aku dan Nor Rani berjalan mengiringi pegawai tadi menuju ke pejabat batalion. Komander yang hendak kami temui itu sedang duduk di meja yang besar, tangannya terletak di hujung pedang. Rupanya sangat garang dan ini mengingatkan aku akan gambar Jeneral Tojo sedang menerima penyerahan kalah Jeneral British di Singapura. Jurubahasa pun memperkenalkan, "Ini Kolonel Fujiyama."

Aku pun membalas, "Setelah mendengar berita bahawa Maharaja Jepun sedang membuat persiapan

untuk menyerah kalah, maka saya sebagai Pegawai British yang terdekat yang memerintah pasukan tempatan, berasa wajar saya menemui Komander Tentera Jepun yang berhampiran untuk berbincang tentang syarat-syarat menyerah kalah.”

“Saya belum menerima apa-apa arahan daripada Maharaja untuk menyerah kalah,” dia menjawab. “Sekiranya Maharaja memberi arahan untuk terus berjuang, kami akan teruskan.”

Keadaan sepi penuh bermakna buat seketika. Masing-masing sedang berfikir. Sejurus dia berkata, “Saya mesti tunggu arahan. Saya akan mengarahkan askar-askar saya supaya keluar dari bangunan di tepi sungai. (Dia merujuk bangunan di Kuala Kenderong yang disebut awal tadi). Bolehkah askar-askar awak mengambil alih tempat itu. Kita akan berbincang apabila saya menerima arahan selanjutnya.” Saya bersetuju.

Dengan hati yang lega kami pun kembali ke Kuala Kenderong lalu aku pun menghantar seorang utusan untuk menyuruh Hussein membawa radio pemancar dengan serta-merta. Bob Crystal, operator yang sakit itu dan yang lain-lainnya akan menyusul kemudian.

Aku juga menghantar utusan ke Pejabat Pos untuk meminta bantuan operator telegraf dalam urusan penghantaran isyarat kami. Pada masa itu Pejabat Pos mempunyai operator yang dapat menghantar mesej melalui telegraf dengan menggunakan kod Morse.

Operator berkenaan adalah seorang India. Dia telah menghantar isyarat kami ke Colombo melalui 'sked' yang pertama dengan cukup baik. Sekali isyarat aku berbunyi, "Tiba di Gerik hari ini. Menemui Komander Jepun Kolonel Fujiyama yang menunggu arahan Maharaja untuk menyerah kalah atau terus berjuang...." Dan seterusnya. Kami tidak menyedari bahawa selepas menghantar isyarat itu kami senyap sepi buat seminggu dua dan keadaan itu telah membuat markas di Colombo beranggapan yang kami telah ditawan. Operator India sambilan kami itu tidak datang-datang lagi, pastinya dia gentar akan askar Jepun.

Keesokan harinya operator W/T kami yang sakit itu tiba di Kuala Kenderong. Dia diusung di atas stretcher. Dia sedang bertengkar dengan tukang masak kami yang juling itu. Dia mengadu kepadaku, "Saya berasa sihat sedikit hari ini, Tuan, lalu saya meminta sedikit makanan daripadanya untuk makan. Dia beri saya kepala ikan ini!" (Tidak tahukah dia bahawa isi kepala ikanlah yang paling sedap!). Jelasnya dia beransur pulih. Dia diserang penyakit tifus, sengkent yang terdapat pada binatang liar, rusa dan sebagainya. Seorang temanku di Sri Lanka telah meninggal dunia akibat menghidap penyakit yang sama.

Dua hari kemudian kami menerima mesej yang ditujukan kepada semua agen *Force 136* yang berbunyi: "Perundingan menyerah kalah sedang berjalan dengan pihak Jepun. Semua ahli *Force 136* mesti berada di hutan. Jangan hubungi pasukan Jepun dalam kawasan

HUJAN PANAS BAWA BENCANA

kamu." Arahan itu ditandatangani oleh "Louis" dan salinan kepada Lord Louis Mountbatten.

Nampaknya kami telah bertindak mendahului mereka.

SELEPAS JEPUN MENYERAH

Selepas pertemuanku dengan Kolonel Fujiyama, askar Jepun nampaknya mula berundur dari Gerik. Jalan ke Kuala Kangsar tidak sunyi daripada lori yang membawa pasukan dan peralatan. Aku tidak berjumpa dengan Kolonel Fujiyama lagi selepas itu.

Pengeboman Hiroshima dan Nagasaki menyebabkan Jepun menyerah kalah dengan tiba-tiba dan dengan tidak disangka-sangka. Memanglah mustahil secara logistiknya bagi Pasukan British dan kerajaannya untuk menduduki semula negara ini dengan serta merta. Keputusan telah dibuat untuk meneruskan serangan mengikut rancangan asal dalam masa sebulan. Sementara itu Kerajaan Awam dalam negeri akan dihentikan.

Mata wang Jepun sudah tidak bernilai lagi. Bertahun-tahun lamanya mereka telah mencetak wang kertas dan kini ia tiada nilai pertukaran. Oleh itu penduduk tidak dapat berniaga atau berjual beli.

Aku rasa aku terpaksa melakukan sesuatu untuk

memperbaiki keadaan penduduk tempatan. Sebenarnya mereka telah banyak membantu kami. Aku pun menghubungi Colombo melalui radio untuk mendapatkan harga getah supaya peniaga getah dapat berurusan secepat mungkin. Yang anehnya mereka memberi harga yang salah. Mereka sama sekali tidak menduga soalan itu. Aku ada menyimpan beberapa ribu dolar Inggeris dalam dana perang kami. Setidak-tidaknya dapatlah aku menghulurkan bantuan kepada peniaga getah di Gerik itu supaya dia dapat memulakan perniagaannya.

Perutusan pun diterima daripada Raja Aziz, Sultan Perak Melalui Mejar Raja Lope, bekas askar Rejimen Melayu dan anak lelaki kepada sultan sebelum Raja Aziz. Perutusan itu berkata: "Baginda telah mendengar berita tentang rancangan pihak Komunis untuk mengambil alih kerajaan. Baginda meminta supaya pasukan AMS datang untuk menyekat rancangan mereka."

Aku pun membawa satu platun askarku ke Kuala Kangsar dengan menaiki lori sayur orang Cina. Secara kebetulan setibanya kami di Kuala Kangsar kami menemui D.Y.M.M. Sultan Aziz ketika baginda sedang meninggalkan masjid lalu kami dipelawa untuk tinggal di istana buat beberapa hari sehingga aku dapat mengatur tempat tinggal untuk pasukan kami di pekan. Selepas itu aku selalu menghubungi baginda sehinggalah keadaan pulih.

MPAJA bergiat cergas di sekitar kawasan Kuala

Kangsar dan Taipng. *MPAJA* merupakan sebuah pertubuhan pegganas yang beroperasi terlalu jauh di utara untuk dikawal oleh Pegawai Perhubungan British seperti yang berlaku di Selatan.

Aku pun menubuhkan sebuah pejabat Hal Ehwal Awam di bangunan pejabat kerajaan Kuala Kangsar untuk mengawal perjalanan hal ehwal awam di kawasan itu sedapat yang mungkin.

Aku meminta Komander askar Jepun di Kuala Kangsar supaya menyediakan lori berserta dengan pemandunya sekali untuk mengangkut beras dari stor tentera ke Gerik, Lenggong, Sungai Siput dan Kuala Kangsar supaya tempat-tempat ini mendapat sedikit bekalan beras melalui *Chinese Chamber of Commerce*.

Aku menerima arahan dari Colombo untuk menyenaraikan semua askar AMS yang bertugas dan semua askar *KMT* di bawah kawalanku kerana mereka akan dibayar gaji bulanan sehingga mereka diberhentikan dan kembali menjalani kehidupan seperti orang awam biasa.

Satu peristiwa yang menarik berlaku akibat daripada arahan ini. Pada suatu pagi seorang Cina yang baik tutur bahasanya datang ke pejabatku. Katanya dia menganggotai kumpulan bersenjata gerila Cina dan dia menyatakan hasratnya untuk menyertai rancangan kami. Aku pun mengatur persiapan untuk pergi memeriksa kumpulan tersebut pada keesokan harinya. Dia telah memandu kami ke kawasan pantai

iaitu sebuah perkampungan nelayan Cina yang terletak 25 batu jauhnya. Rumah di situ dibina di atas air, iaitu di bahagian pantai yang dilindungi oleh pokok bakau dan pulau-pulau luar pesisir. Semasa aku melalui salah sebuah rumah di situ aku temampak sebuah bot yang sederhana besarnya terikat pada tiang. Bendera China dikibarkan pada bot itu. Kedua-dua bahagian bot tersebut ditutup dengan tilam. Bot itu tentunya bekas bot Jabatan Kastam, aku mengagak. Pemanduku tadi menjelaskan bahawa kumpulannya melancarkan perang dengan pihak Komunis. Nampak gayanya mereka yang hendak mendaftar ini adalah sekumpulan lanun! Apa salahnya! Kami pun meneruskan perjalanan menyusir pantai dengan menaiki bot. Sejurus kami pun tiba di sebuah jeti batu yang pernah menjadi pusat kastam semasa sebelum perang lalu kami pun turun. Di jeti satu perbarisan yang terdiri daripada 20-30 orang daripada pelbagai bangsa sedang menunggu kami dan mereka berpakaian mengikut gaya *KMT* serta bersenjatakan senapang patah dan rifel. Aku pun memeriksa perbarisan, kemudian masuk ke dalam rumah kastam untuk menikmati hidangan Cina dan minuman samsu. Setelah itu aku pun mendaftar mereka. Kemudian mereka menerima gaji dan apabila tiba masanya mereka pun dibubarkan. Mereka ini adalah lanun yang beroperasi sebagai kastam persendirian pada zaman Jepun dan mengenakan cukai ke atas semua bot yang masuk. Mereka tidak lagi menimbulkan masalah setelah dibubarkan ber-

banding dengan beberapa kumpulan Cina yang "tidak menentu".

Kami mendapat berita bahawa pasukan British sudah pun mendarat di Pulau Pinang. Aku pun pergi menemui mereka. Pegawai Pemerintah telah meminta pertolonganku. Katanya ada satu pasukan Melayu menggelar diri mereka *Force 136*. Pegawai pemerintah memintaku menyiasat latar belakang mereka. Aku mendapati mereka satu kumpulan kecil yang aman bahagia. Rupa-rupanya mereka ialah pasukan Kapten Ibrahim yang telah ditawan semasa mereka mendarat di Kepulauan Perhentian dengan pesawat *Catalina*. Walau bagaimanapun, dengan tipu muslihat, mereka berjaya melepaskan diri selepas Jepun menyerah kalah. Dua orang operator W/T mereka adalah rekrut dari Jeddah yang telah kulatih beberapa bulan dahulu (Lihat buku Jeneral Ibrahim, "Sudahkah Kamu Ber-temu Mariam?")

Terdapat satu kem *MPAJA* yang masih aktif bergiat di kawasan bukit sebelah selatan Kuala Kangsar. Mereka masih terus menganas walaupun Jepun sudah bersetuju untuk menyerah kalah. Beberapa orang peniaga yang menyoal tentang pembayaran 'yuran' memandangkan perang sudah tamat telah diculik dan dibawa ke kem mereka serta ditunjukkan lubang yang mengandungi mayat mereka yang enggan membayar. Cepat-cepat mereka menukar fikiran mereka. Aku diberitahu oleh isteri Penguasa Polis bahawa suaminya telah diculik. Sungguhpun dia telah

berkhidmat dengan Jepun kami tidak menyimpan dendam. Lantas aku pun menghantar isyarat ke Colombo meminta mereka menghubungi segera Pegawai Perhubungan untuk memohon supaya Penguasa itu dibebaskan. Sesungguhnya kami kkuatir juga bahawa kami sudah terlambat. Walau bagaimanapun, tidak lama selepas itu aku mendapat mesej untuk mengambil Penguasa itu dan menghantarnya ke rumah. Dia pun masuk ke rumahnya lalu meninggalkan topinya. Isterinya muncul untuk menemui suaminya. "Halo Wong". Mungkin inilah yang dimaksudkan dengan "sifat dingin orang Cina".

Masa pun berlalu. Askar Jepun masih dengan pendirian perjuangan mereka, begitu juga dengan orang awam. Masing-masing menjaga hal masing-masing. Ketika aku sedang memandu ke pejabatku, para pegawai Jepun yang berada di tepi jalan berhenti, senyum dan tunduk. Kerani Melayu yang duduk di sebelahku berkata, "Tengok tu, orang yang berdiri di sana tu Tuan. Dia sungguh kejam, orangnya."

Kempetai mempunyai sebuah penjara wanita. Penjara itu rumah biasa sahaja yang memuatkan tahanan wanita yang suaminya disyaki telah menyertai *MPAJA* di hutan. Mereka dibiarkan lapar dan dimaki hamun dengan tujuan mematahkan semangat mereka. Kalau diberi makan pun mereka diberi hanya sepiring bubur nasi pada waktu pagi dan petang. Aku diberitahu bahawa seseorang itu dapat membiasakan dirinya dengan tidak makan tetapi jika dia disenda sedemikian,

dia akan jadi kemaruk. Mereka dipaksa bertelanjang, disuruh keluar dan mencangkung dalam satu barisan. Pengawal-pengawal akan memaki hamun mereka dan mengacu-acukan hujung kasut but mereka untuk 'mengusik-usik' bahagian sulit wanita tadi. Semua ini telah diberhentikan selepas Jepun menyerah kalah.

Beberapa minggu selepas Jepun menyerah kalah, aku mengunjungi Kampung Bersia semula. Aku ingin melihat keadaan penduduk kampung yang telah banyak menabur bakti kepada kami semasa perang. Kebanyakan mereka telah pulang ke rumah masing-masing. Agak ramai juga yang datang menemuiku. Mereka kelihatan riang. Aku gembira dapat menemui semula 'Assam' (pembantu rumah) kontraktor Jepun bersama-sama anak lelakinya yang telah hilang semasa kami bertempur dengan askar Jepun di hilir Sungai Perak beberapa bulan dahulu. Dia menyapaku dengan begitu riang sekali, "Tuan, pada masa itu saya lari dan bersembunyi dalam semak ketika mereka mula menembak. Anak lelaki saya menangis. Askar tadi datang dan menarik saya keluar dari semak. Mereka memukul saya. Saya memang tidak pandai berlari seperti Tuan!"

Mereka yang ada di situ ketawa riang. Memang benar kami menembak dan terus lari kerana kami tidak mahu bertempur dengan askar Jepun.

Serangan mula-mula dibuat di pantai Morib, iaitu sebuah kawasan di utara Port Dickson di Selat Melaka. Sebelum perang lagi aku sudah tahu akan

kawasan pantai itu. Kita boleh berkelah, mandi laut dan bersantai di situ. Jalan sepanjang pantai bertambak kerana kawasan di situ datar. Pasir pantainya halus. Lautnya cetek dan air surut jauh dari pantai. Perkara yang para perancang tidak tahu daripada maklumat yang mereka ada ialah pasir di situ mengandungi tanah liat. Jalan pantai bertar dan sesuai untuk ken-deraan ringan.

Aku diberitahu bahawa pelantar telah hancur musnah. Sebilangan besar kenderaan yang terpaksa lalu di atas pasir telah terbenam. Oleh sebab tiada asas yang kukuh, jalan pantai cepat pecah apabila dilalui kereta perisai dan kenderaan berat. Sekiranya pelantar itu masih ada seperti yang diharapkan pada asalnya, pastinya kemalangan teruk akan berlaku. Walau bagaimanapun, mereka dapat menyelesaikan perkara itu tepat pada masanya.

Penyusunan semula kerajaan memang satu perkara yang amat rumit. Pegawai British yang pernah berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Tanah Melayu sebelum perang tidak layak untuk kembali berkhidmat kerana mereka pernah menjadi tawanan perang di penjara Changi buat beberapa tahun, malah ramai yang mendapatinya mustahil untuk kembali berkhidmat. Sungguhpun mereka menyerah diri sebagai askar sukarela, keadaan mereka lebih teruk kerana mereka akan dihantar ke Burma untuk membina landasan kereta api. Semuanya termasuk pegawai bekerja sebagai buruh kasar. Mereka mati katak sahaja.

Pegawai perkhidmatan awam yang berkhidmat hanya di India atau Afrika terpaksa diambil untuk mengisi tempat yang kosong itu. Mereka ini tidak tahu langsung akan penduduk negeri itu, negara itu sendiri mahupun bahasanya. Satu prospek yang menggentarkan bagi mereka.

Mata wang Jepun yang digelar mata wang 'Pisang' sudah banyak terdapat dan sudah tidak bernilai lagi. Oleh itu apa-apa jua perniagaan tidak dapat dijalankan. Memandangkan hal ini, sebaik-baik sahaja para Pegawai Perhubungan Awam yang pertama tiba di Ipoh, aku pergi menemui mereka untuk menerangkan keadaan yang mendesak itu. Mereka bersetuju untuk menggalang sesiapa sahaja dengan bayaran hari untuk membersihkan semak samun di bahu jalan dan pinggir hutan supaya wang dapat beredar. Aku juga membawa balik sejumlah wang yang besar yang dapat aku pinjamkan kepada peniaga getah di pekan-pekan yang berhampiran supaya mereka dapat memulakan perniagaan membeli getah.

Setibanya di Kuala Kangsar, para peniaga getah pun dipanggil dan dalam masa sejam wang tadi telah habis dipinjamkan. Dua jam kemudian aku menerima panggilan daripada Pegawai Hal Ehwal Awam di Ipoh memberitahuku bahawa pinjaman kepada peniaga getah itu tidak dibenarkan. Nasib baiklah perkara itu telah kulaksanakan. Malahan beratus-ratus orang datang untuk membersihkan bahu jalan. Perniagaan mula berkembang semula.

Sementara itu pihak komunis berusaha sedaya upaya untuk menimbulkan huru-hara. Beberapa batu dari Ipoh terdapat sebuah pekan kecil yang bernama Sungai Siput yang merupakan kawasan perlombongan. Sebelum perang beribu-ribu orang Cina bekerja di situ. Kini perlombongan dihentikan dan para pekerja menghadapi kesenangan hidup. Pekerjanya menjalani hidup yang sederhana. Kebanyakan mereka hanya boleh berbahasa Cina, iaitu dialek Hailam atau Hokkien dari China Selatan. Senanglah pihak komunis hendak menghasut orang Cina ini. Pada waktu itu aku telah pun mempunyai sebilangan askar daripada *Force 136* di Kuala Kangsar untuk membantu aku. Ketika itu juga terdapat detasmen pasukan Tentera India.

Askar komunis ini telah mengumpan orang ramai dengan beras. Mereka akan pergi ke kawasan setinggi perlombongan dan mengarahkan semua penduduk di situ supaya berkumpul dan berarak ke Pejabat Kerajaan di Kuala Kangsar di mana mereka akan diberi beras.

Maka tidak lama selepas itu ramai orang yang berarak menuju Pejabat Kerajaan. Mereka berteriak dan mengancam sesiapa sahaja. Askar pun keluar untuk menyekat jalan. Semuanya dibuat mengikut peraturan. Cuma apa yang ditakuti ialah jika perusuh itu menolak dari belakang lalu merempuh pasukan yang menyekat jalan. Kemungkinan perusuh akan merampas rifel daripada askar di situ. Seorang ahli tembak telah dipanggil untuk bersiap sedia. Seorang

jurubahasa telah memberi amaran melalui mikrofon menyuruh mereka supaya bersurai dan pulang ke rumah masing-masing. Jika keadaan menjadi semakin genting dan mendesak tembakan dilepaskan, maka ia terpaksa dilakukan. Amaran akan dilaungkan sekali lagi dan selepas itu arahan akan diberi kepada ahli tembak; Ahli tembak, lepaskan tembakan pada lelaki yang bertopi merah itu (atau yang berjaket putih — atau apa-apa pun). Mujurlah kami tidak perlu melepaskan tembakan kali ini. Kami termampak penghasut memanjat kerusi supaya mereka dapat menghasut orang ramai. Para pegawainya pun merempuh di celah-celah orang ramai lalu mengheret keluar enam atau tujuh orang penghasut yang dibawa ke balai polis. Askar mara ke hadapan lalu orang ramai pun bersurai.

Masalah belum selesai lagi. Seminggu selepas kejadian itu aku menaiki kereta dalam perjalanan pulang dari Ipoh ke Kuala Kangsar. Waktu senja ketika itu. Setibanya di Sungai Siput aku mendapati jalan itu disekat oleh sekumpulan buruh Cina. Askar *MPAJA* yang berpakaian seragam pun ada di situ. Mereka membenarkan keretaku lalu dengan menolak orang ramai ke belakang. Keretaku pun masuk ke medan yang penuh sesak dengan manusia. Semasa keretaku bergerak, aku nampak mereka menukar tali yang dipasang untuk menyekat pintu masuk. Aku disuruh naik ke sebuah bangunan kayu yang mempunyai balkoni. Bangunan tersebut terletak di hujung kawasan medan. Beberapa askar Gurka berdiri di pintu. Aku

pun naik ke tingkat atas dan mendapati empat orang Kolonel Tentera British sedang duduk di situ. Mereka kebingungan melihat kedatanganku. Seperti aku mereka juga telah diperangkap. Dengan bijak mereka mengarah pengiring mereka naik ke atas dan mengawal balkoni. Aku pun memberi penjelasan kepada mereka yang tidak faham apa yang sedang berlaku. "Kita mungkin terpaksa menembak seseorang. Ini satu rancangan komunis". Satu tembakan dilepaskan setelah kami melaksanakan prosedur yang sewajarnya. Bunyi misil berhenti dalam beberapa saat sahaja. Ini diikuti dengan keadaan yang senyap, disusuli pula oleh suara bisikan lalu orang ramai yang berasak-asak tadi pun bersurai. Beberapa minit sahaja medan itu sudah pun kosong. Batu dan kayu bersepah-sepah di tanah. Orang yang kena tembak tadi terbaring, pahanya luka dan berdarah. Dia diangkat lalu dibawa ke hospital. Dia tidak henti-henti berkata dalam bahasa Cina, "Aku memang tidak mahu datang tadi." Kasihan dia.

Pasukan keselamatan yang berpangkalan di Kuala Kangsar terpaksa menyerang kem *MPAJA* di kawasan bukit di sebelah selatan pekan untuk mematahkan kegiatan mereka. Seorang askar telah terkorban dalam operasi itu.

Beginilah kegiatan penganas komunis sebelum 'Darurat' diisytiharkan yang mana Pasukan British diambil untuk menentang mereka buat beberapa tahun lamanya selepas Perang Dunia Kedua. Gerila komunis yang terakhir telah diberi pengampunan dan mereka

telah kembali ke pangkuan masyarakat di selatan negeri Thai pada tahun 1991.

Ada antara gerila *Kuomintang* yang gembira untuk kembali menjalani penghidupan baharu sebagai orang biasa. Yang degil pula mencuba kembali ke negeri Thai untuk meneruskan kegiatan haram mereka. Askar Melayu Setia di bawah kawalanku berasa seronok mendapat ganjaran mereka lalu mereka kembali memulakan kehidupan seperti orang awam. Ramai yang pulang ke kampung masing-masing. Ada juga yang menjawab jawatan tinggi setelah menjalani penghidupan awam.

Bagaimana pula dengan aku? Aku menyerahkan pentadbiran Kuala Kangsar kepada Pegawai Hal Ehwal Awam lalu aku pun kembali ke Kelantan untuk menjawab jawatan sebagai Pegawai Pertanian Negeri. Aku telah memutuskan bahawa aku tidak akan berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Tanah Melayu. Sementara itu aku akan berusaha untuk membantu penduduk negeri ini pulih semula seperti biasa.

Begitulah cerita pendekku. Getah merupakan tanaman kontan Tanah Melayu. Kebun getah terdapat di setiap kampung. Lalu aku pun mengesyorkan, "Kalau begitu, torehlah pokok getah kamu."

"Tidak boleh, Tuan," jawab mereka. "Kami tidak ada bekas untuk membekukan getah."

Bekas yang digunakan oleh mereka dahulu berupa dulang ayan yang berukuran 12 inci panjang, 8 inci lebar dan satu inci tinggi. Susu getah dicurahkan ke


dalam bekas ini, asid ditambah untuk membekukan susu tadi supaya menjadi satu ketul getah. Getah ini kemudiannya dimasukkan melalui mesin perah dan ia keluar menjadi kepingan getah. Keping-keping getah ini disalai lalu dijual kepada peniaga getah atau dijual begitu sahaja. Lama-kelamaan bekas ayan itu akan dimakan oleh asid yang digunakan untuk membekukan susu tadi. Selepas tiga tahun Jepun memerintah akhirnya bekas itu sudah tidak kelihatan lagi.


Aku pun menghubungi semua tukang ayan di Kota Bharu, Kelantan dan kampung-kampung yang berhampiran. Aku memberitahu mereka bahawa aku akan mencari kepingan besi tergalvani untuk mereka jadikan bekas membeku getah dan menjualnya kepada pekebun-pekebun kecil dengan harga yang telah dipersetujui. Kemudian aku mengarahkan semua Penolong Pegawai Pertanian dan Kakitangan Stesen Pertanian tempatan untuk mencari kepingan besi tergalvani itu. Orang Jepun telah membina sebuah kilang di pekan untuk mengeluarkan spirit motor daripada getah. Kegiatan ini dilakukan dalam sebuah gudang yang dibina daripada kepingan atap zink. Kami mengambil kepingan atap zink ini dari gudang tersebut lalu kami hantar ke tukang ayan. Beberapa minggu kemudian aku berasa seronok melihat tukang ayan berbangsa Cina mengetuk kepingan-kepingan ayan tadi untuk dijadikan bekas membekukan getah.

Dengar-dengarnya *Custodian Enemy Property* tersangatlah marah dengan tindakanku ini. Sungguhpun

begitu penduduk tempatan telah dapat menjalani kehidupan baharu yang lebih makmur.

Aku berasa lega sebaik-baik sahaja ada kakitangan yang kembali ke Jabatan Pertanian. Dapatlah aku pulang ke England dengan kapal yang akan di-berhentikan khidmatnya. Begitulah berakhirnya khidmatku dalam peperangan.





Mandur Salleh bersama-sama isteri dan anak perempuannya di Kem KMT berhampiran Gerik.



Anak perempuan Mandur Salleh di Kem Gerila KMT berhampiran Gerik.

SELEPAS JEPUN MENYERAH



Selepas Jepun menyerah diri, Zaini dan Kol, Peter Dohree menziarahi Kem Cliffords.

HUJAN PANAS BAWA BENCANA



Mohd. Zain (Zaini), operator w/t. Dia sungguh hebat.



Mengecas bateri. Penjana stim digantung di atas
unggun api.



Kol. Peter Dobre selepas Jepun menyerah diri.




Bob Crystal (memegang senapang karbin) suatu ketika dulu pengurus ladang, dan Cyril, operator w/l. Gambar diambil pada bulan terakhir peperangan tersebut.



Selepas Jepun menyerah diri, Major John Clifford dan Kol. Peter Dobree bergambar di Kem Clifford di Keroh, berhampiran sempadan negara Thai.



Selepas Jepun menyerah diri, Lawatan muhibah ke Kem Clifford oleh Ketua Polis Negeri Thai di Belong, negeri Thai, dan AMS kami di Gerik.



Setelah Jepun menyerah diri, 'Panjang' Komander Cina Gerila *Kuomintang* dan komradnya di Kuala Kenderong.



Kata-kata biadap oleh Komander Tentera Jepun di Gerik, "Jikalau Orang Putih mau jumpa sama kita, dia boleh mati sini." Kami mara dari Kuala Kenderong bersama-sama 30 Askar Melayu Setia dan 12 Gerila KMT.

HUJAN PANAS BAWA BENCAHA

Das telah diperoleh dan diserahkan kepada pihak-pihak yang bersangkutan dalam bentuk surat, dan akan segera diserahkan kepada pihak-pihak yang bersangkutan.

XXXXXXXXXXXXXXXXXXXX

Das telah diperoleh dan diserahkan kepada pihak-pihak yang bersangkutan dalam bentuk surat, dan akan segera diserahkan kepada pihak-pihak yang bersangkutan.

General Note: This agreement is to be concluded by the British Headquarters in Colombo on behalf of the British Headquarters, the Malayan Government, the Government of the Federation of Malaya, and the Government of the State of Sarawak.

The Government of the Federation of Malaya, the Government of the State of Sarawak, and the Government of the Federation of Malaya, and the Government of the State of Sarawak, have agreed to the following:

(1) Fighting between the Malayan Forces and the Government of the Federation of Malaya, the Government of the State of Sarawak, and the Government of the Federation of Malaya, shall be subject to the following conditions:

(2) The Government of the Federation of Malaya, the Government of the State of Sarawak, and the Government of the Federation of Malaya, shall be subject to the following conditions:

(3) It is clearly understood that the Malayan Forces, the Government of the Federation of Malaya, the Government of the State of Sarawak, and the Government of the Federation of Malaya, shall be subject to the following conditions:

(4) The Government of the Federation of Malaya, the Government of the State of Sarawak, and the Government of the Federation of Malaya, shall be subject to the following conditions:

Salinan asal 'Treaty Document' antara komander 'Advance Reconnaissance Forces' iaitu kumpulan Hebrides dan Gerila Kuomintang.

SELEPAS JEPUN MENYERAH

On 25.8.1945, the Japanese Government, by the Emperor, announced the unconditional surrender of the Japanese armed forces to the Allies. This was the first time in the history of the Japanese Empire that the Emperor had issued such a declaration. The Emperor's declaration was broadcasted to the Japanese people by the radio on 28.8.1945. The Emperor's declaration was also broadcasted to the Japanese people by the radio on 29.8.1945.

The Japanese Government, by the Emperor, announced the unconditional surrender of the Japanese armed forces to the Allies. This was the first time in the history of the Japanese Empire that the Emperor had issued such a declaration. The Emperor's declaration was broadcasted to the Japanese people by the radio on 28.8.1945. The Emperor's declaration was also broadcasted to the Japanese people by the radio on 29.8.1945.

The Japanese Government, by the Emperor, announced the unconditional surrender of the Japanese armed forces to the Allies. This was the first time in the history of the Japanese Empire that the Emperor had issued such a declaration. The Emperor's declaration was broadcasted to the Japanese people by the radio on 28.8.1945. The Emperor's declaration was also broadcasted to the Japanese people by the radio on 29.8.1945.

The Japanese Government, by the Emperor, announced the unconditional surrender of the Japanese armed forces to the Allies. This was the first time in the history of the Japanese Empire that the Emperor had issued such a declaration. The Emperor's declaration was broadcasted to the Japanese people by the radio on 28.8.1945. The Emperor's declaration was also broadcasted to the Japanese people by the radio on 29.8.1945.

1. *Wah Tai Nam*

Members of the Japanese Government, by the Emperor, announced the unconditional surrender of the Japanese armed forces to the Allies. This was the first time in the history of the Japanese Empire that the Emperor had issued such a declaration. The Emperor's declaration was broadcasted to the Japanese people by the radio on 28.8.1945. The Emperor's declaration was also broadcasted to the Japanese people by the radio on 29.8.1945.

2. *Wah Tai Nam*

3. *Wah Tai Nam*

4. *Wah Tai Nam*

5. *Wah Tai Nam*

6. *Wah Tai Nam*


7. *Wah Tai Nam*

8. *Wah Tai Nam*

9. *Wah Tai Nam*

10. *Wah Tai Nam*

此項名單係由
日本投降後
由盟軍司令部
所公佈之
名單中
選出之
名單
也




Askar Melayu Setia kami mara hingga ke Gerik. Di hadapan kami ialah sekatan jalan raya oleh sepasukan askar Jepun dengan dua mesingan.



Kami berunding dan bersetuju untuk terus mara untuk bertemu Komander Tentera Jepun di Gerki; Askar Jepun di kiri dan askar kami di sebelah kanan. Orang kampung berpusing di Gerki menyertai kami.

Gambar Kanan

Operasi di Hulu Perak. 1 Operasi *Hebrides* (Padang Chermin, DZ pertama, pada 17 Disember 1944). 2 Kem pertama. 3 Kem utama dan DZ kedua. 4 Kg. Kuala Temengor, kampung Melayu terdekat dari hutan. 5 Kg. Temengor lengang kerana diserang oleh Pengganas Cina. 6 Kg. Bersia, kampung yang ramai penduduk di pinggir hutan dengan sawah padi dan laluan terus ke Gerik. 7 Pekan Gerik, ada Pejabat Pos, Ibu Pejabat Polis, dan Askar Jepun. 8 Belum, kampung yang didiami ramai orang Melayu di mana Askar Melayu Setia berkumpul semula. 9 Kem *KMT* Cina. Kem persinggahan bagi Askar Melayu Setia dalam perjalanan ke selatan apabila perang tamat. 10 Major Clifford (*Minerva*) ke Keroh di Hulu Perak dekat Betong, di negeri Thai. 11 Kapten Creer (*Venus*), Kg. Jeli, dan Batu Melintang (Kelantan).





LAMPIRAN A
PEGAWAI EMPAYAR
BRITISH

MEJAR PETER GEORGE JAMES DOBREE
(11083) RIFEL GURKA

Pada bulan Desember 1944, keputusan telah diambil untuk membawa masuk secara rahasia seorang pegawai British bersama-sama satu pasukan kecil askar Melayu di Tanah Melayu dengan tujuan untuk menjalin hubungan mesra dengan penduduk-penduduk kampung dan membentuk (a) satu rangkaian perisik (b) satu pasukan penentang. Mejar Dobree telah dilantik untuk menangani tugas yang sukar lagi berbahaya ini di negara yang pengunduran adalah mustahil sehingga negara itu mencapai kemerdekaan. Pasukannya ialah yang pertama sekali mendarat dengan payung terjun di Tanah Melayu pada waktu siang pada 16 Disember 1944 setelah pendaratan pada waktu malam didapati gagal.

Setelah menghadapi kesukaran yang tidak terhitung, dia pun dapat menghubungi Sri Lanka melalui wayarles pada 21 Disember. Mejar Dobree telah memberi sedikit penjelasan lalu dia pun menghantar agen-agensya dan menjalin hubungan


yang baik dengan orang Melayu yang dipercayai tinggal di kawasan itu. Menjelang akhir bulan Mac 1945, Mejar Dobree telah merekrut, memberi kelengkapan senjata dan melatih 100 orang Melayu dan 80 orang Cina dan telah memulakan Pergerakan Penentang Melayu yang masih berkembang. Dia telah membentuk pasukan garison di utara Tanah Melayu dan dari sinilah laporan tentang maklumat penting pasukan musuh dan kedudukan mereka telah dihantar, malah terus dihantar. Dia juga telah mengatur pertemuan di Tanah Melayu antara empat pasukan lain di bawah pimpinan tentera British di samping membekalkan pemandu, orang penghubung dan kemudahan mengganggu barang kepada mereka yang menentukan kejayaan di kawasan lain.

Pada bulan April 1945 tentera Jepun telah menyerang hebat pangkalan hutannya. Mejar Dobree sendiri telah mengatur beberapa serangan hendap yang menyebabkan tentera Jepun berundur. Berikutan daripada itu, sekali lagi dia telah mengetuai pasukan penentang tempatan untuk menyerang pasukan musuh lalu menawan kampung yang digunakan oleh pihak musuh sebagai pangkalan mereka bersama-sama tiga ekor gajah Jepun yang digunakan oleh mereka sebagai alat pengangkutan. Antara askar Jepun yang terbunuh termasuklah ketua kempetai di kawasan itu. Mejar Dobree sendiri telah tertembak di kakinya. Sungguhpun begitu ini tidak menghalangnya daripada berkumpul semula dengan pasukannya dan mengatur

LAMPIRAN A

semula pengunduran mereka ke pangkalan yang baru dan yang lebih rahsia.

Sejak itu dia mengendalikan dan menguruskan pasukan penentang dan perisiknya. Kini pengaruhnya meliputi hingga ke utara Tanah Melayu dari pantai ke pantai dan dia mengendalikan lebih daripada 300 orang tentera dan tentera simpanan tidak bersenjata yang tidak terkira bilangannya yang hanya menunggu masa untuk mendapat senjata dan latihan. Mejar Dobree telah berada di Tanah Melayu selama tujuh bulan iaitu 1500 batu dari pangkalan bekalan British yang paling dekat. Dia telah memperlihatkan sifat kepimpinan, keazaman dan keberanian yang cemerlang di tengah-tengah kawasan musuh, malah di salah satu tempat yang paling sukar dan yang paling berpenyakit di dunia ketika itu.



LAMPIRAN B
RAHSIA PENTING
TW 1455
15 Ogos 1945

**PASUKAN MELAYU, KMT DAN 'PENYAMUN'
 PADA BULAN OGOS 1945**

1. OPERASI HEBRIDES:

a) Penyusunan:

Seksyen British	Kekuatan senjata	Lokasi	Pegawai yang bertugas
TRUMPET	AMS 61	Lenggong	Lt. Kol. P. G.
MINERVA	KMT 40 AMS Tiada	Gerik Kg. Habi	Dobree Mejar Clifford
VENUS	KMT 50 AMS 8	Kg. Jeli	Kapten Creer
	KMT 122	Batu Melintang Kelantan	

b) Pegawai British Kanan:

Lt. Kol. P. G. Dobree Rifel Gurkha Ketiga.

Bekas pegawai di Jabatan Pertanian, Negeri-negeri Selat dan Negeri Melayu Bersekutu. Orang yang pertama sekali mendarat dengan payung terjun di Tanah Melayu.

(c) Ketua:

Hong Chee : Ketua Kumpulan 'penyamun'. Orang Cina yang pertama yang menghubungi Lt. Kol. Dobree di Gerik.

Kini seorang insan yang sudah berubah sikap — buat sementara waktu.

Tai Man : Ketua *KMT* di Lenggong. Mempunyai ramai pengikut yang bersenjata di kawasan tersebut.

Lee Fong Sam: Ketua *KMT* di Kelantan dan di Selatan negeri Thai. Berasal dari Bentong, Pahang, telah diusir keluar oleh *AJUF*. Mempunyai banyak hubungan di selatan negeri Thai. Kini bersama-sama *Venus*.

Wong Shin: Penolong Lee Fong Sam. Kini bersama-sama *Venus*. Ah Wing: Ketua *KMT* dengan *Minerva*.

(d) Sejarah Ringkas:

Dobree bersama-sama satu pasukan kecil Askar Melayu telah berpayung terjun turun pada 17

LAMPIRAN B

Disember 1944. Sejak hari itu pasukan tersebut telah giat merekrut askar dan menjalin banyak hubungan. Pada bulan April 1945 kem Trumpet telah diserang oleh tentera Jepun. Seramai 12 orang askar Jepun telah cedera dan ketua Kempetai tempatan telah terbunuh. Sungguhpun Dobree tercedera, dia cepat-cepat mengumpul semula pasukannya lalu berundur ke pangkalan yang lebih selamat. Rangkaian perisiknya meliputi seluruh utara Tanah Melayu dan selatan negeri Thai.



LAMPIRAN C* UNIT GERILA MELAYU DAN PERGERAKAN PENENTANG

Memang telah menjadi sebahagian daripada rancangan *Force 136* di Tanah Melayu untuk menggalak orang Melayu dan membantu mereka dalam usaha menentang Jepun dan rancangan ini mendapat sokongan daripada Pejabat Penjajah dan Ketua Kakitangan. Pada mulanya orang Melayu bersikap tidak ambil kisah, malah mereka bersedia menerima hakikat itu sebagai sesuatu yang tidak dapat dielakkan dan terpaksa sah mereka menerima hakikat sebaik mungkin. Askar-askar Jepun pula melakukan apa-apa juga muslihat mereka untuk mengambil hati orang Melayu untuk dipergunakan seberapa mungkin dalam pentadbiran negeri. Belang mereka terserlah jua akhirnya apabila askar Jepun mula menampar, memukul, dan menyiksa orang Melayu. Rasa benci cepat bersemarak dalam hati

* Dipetik daripada "Memorandum of Head of Malayan Country Section, Force 136 on Resistance in Malaya", sebelum Jepun menyerah kalah.

orang Melayu namun perasaan takut pun masih ada.

Pasukan pertama yang mula-mula digugurkan dengan payung terjun di utara Perak pada bulan Disember 1944 untuk menemui orang Melayu diketuai oleh Lt. Col. (pada masa itu Mejar) Dobree. Dia mendapati orang-orang Melayu di kawasan itu sudah tidak sabar-sabar lagi untuk menentang dan melawan Jepun sehingga dia terpaksa menolak permohonan ramai orang Melayu yang ingin menyertai pasukannya. Dia pun memberi peralatan kepada seksyen-seksyen kecil dan melatih mereka. Seksyen ini diberi nama Askar Melayu Setia (AMS). Kini lebih kurang 100 orang di bawah pemerintahannya dan mereka diberi peralatan senjata. Seorang lagi pegawai British telah dihantar kemudiannya untuk membantu Dobree dan Dobree telah menghantarnya ke Kedah dengan beberapa orang AMS untuk memulakan usaha yang sama di sana. Usaha itu berjaya dan kini terdapat lebih kurang 90 AMS di bawah kuasa pemerintahan kita di sana.

Di negeri Pahang pula, Mejar J. D. Richardson telah berjaya menemui seorang Pegawai Daerah berbangsa Melayu dan dengan bantuan pegawai tersebut, mereka telah merancang untuk mengadakan satu skim melatih 500 orang Melayu dengan pegawai pegawai mereka sendiri dengan kuasa yang dipinjam dari Tuan Abu Bakar K.C.M.G. yakni Sultan Pahang. Malangnya skim ini baru hendak bermula.

Kursus latihan yang pertama sepatutnya bermula

pada 14 Ogos. Richardson begitu yakin dapat mengekalkan perhubungan dengan radio di Pahang dan menawan kawasan utamanya daripada garison Jepun yang kecil kecuailah askar-askar Jepun menghantar askarnya lagi. Dia kemudiannya melancarkan serangan demi serangan di semua jalan utama. Pasukan ini pastinya dapat menjadi asas yang baik untuk pasukan polis bersenjata atau pasukan sukarela pada masa penaklukan semula yang disertai rekod perjuangan yang membanggakan.

Akhir sekali terdapat banyak orang Melayu daripada pelbagai peringkat yang telah membantu dalam berbagai-bagai cara, menyebar berita angin di kalangan askar Jepun, mengumpul dan menghantar maklumat risik dan dalam senyap-senyap mengatur rancangan supaya pekerja-pekerja dan juru-juru teknik Melayu meninggalkan kem dan projek-projek Jepun apabila tiba masanya.

Tidak ada masalah politik yang berkaitan dengan pasukan penentang yang terdiri daripada orang Melayu. Sesungguhnya jika pasukan penentang ini lebih besar, penubuhannya lebih mantap dan sekiranya mereka telah bertindak menentang musuh, pastinya pasukan ini merupakan pasukan yang paling berguna, tidak tercemar dengan campur tangan Jepun, malah mereka pastinya dapat memberi sumbangan yang lebih untuk memastikan undang-undang ditegakkan apabila perlu. Mereka menyertai *levee* kami yang kecil kerana mereka ingin menentang askar Jepun dan membebaskan negara

HUJAN PANAS BAWA BENCANA

mereka daripada kehadiran mereka yang tidak diingini itu. Dari segi politik sukar juga ditentukan sama ada mereka mempunyai cita-cita yang lain selain harapan kembalinya pemerintahan Melayu dan British yang membawa keadilan dan kesejahteraan.

LAMPIRAN D
SENARAI ANGGOTA FORCE 136
HULU PERAK
(Disember 1944 hingga Disember 1945)

Bil.	Nama	Alamat Sekarang
1.	Lt. Kol. P.G.J.Dobree	Holcombe Court, Holcombe Rogus, Wellingtone, Somerset, United Kingdom.
2.	Mejar J.P.M.Clifford	Bersara,
3.	Lt. Md. Zain Husain	-sama- Meninggal Dunia
4.	Lt. Mohd. Noor b. Abd. Rani	-sama- Meninggal Dunia
5.	Haji Imran	-sama- Tidak dapat dihubungi
6.	Haji Bahari bin Ishak	-sama- Meninggal Dunia
7.	Haji Serpin	-sama- Meninggal Dunia
8.	Haji Husain Sidek	-sama- Tidak dapat dihubungi
9.	Haji Abdullah b. Taami (BIMA)	-sama- Meninggal Dunia
10.	Sjn. Sharif bin Husain	Kg. Masjid Rantau, Seremban N.S.
11.	Sjn. Ahmad Tajuddin bin Awang Embong	126A, Kg. Sekolah Perempuan, Lenggong
12.	Q.M. Husei bin Tahir	Meninggal Dunia
13.	Kpl. Lahamat bin Mat Piah	Meninggal Dunia
14.	Kpl. Mahmud bin Puteh	100, Felda, Bersia, Gerik
15.	Kpl. Md. Sharif bin Md. Salleh	Meninggal Dunia
16.	L/Kpl. Husain bin Anjang Ismail	Balai Polis Kuala Kangsar

HUJAN PANAS BAWA BENCANA

7. L/Kpl. Hasan bin Othman	Meninggal Dunia
8. L/Kpl. Wan Tek bin Wan Hasan	Meninggal Dunia
9. L/Kpl. Husain bin Shafie	Meninggal Dunia
10. L/Kpl. Wahab bin H. Md. Dom	Ayer Ganda, Gerik
11. L/Kpl. Hashim bin Ahmad	Bulai Polis Pekan, Pahang
12. L/Kpl. Kasim	
13. Pbt. Osman bin Md. Ali	FELDA, Bersia, Gerik
14. Pbt. Zainal bin Melan	Kampung Kerunai, Gerik
15. Pbt. Md. Piah bin Awang Embong	Sauk, K. Kangsar, Perak
16. Pbt. Ali bin Hj. Abd. Rahim	Meninggal Dunia
17. Pbt. Ismail bin Awang Embong	Meninggal Dunia
18. Pbt. Che' Wok bin Salleh	15, Kg. Padang Kunyit, Gerik
19. Pbt. Awang Mat bin Jusoh	Meninggal Dunia
20. Pbt. Abu Bakar bin Taif	Cht. Berangan, Lenggong, Perak.
21. Pbt. Mat Akhir bin Hj. Hasan	Kg. Padang Kunyit, Gerik
22. Pbt. Mithiddin bin Hj. Hassan	Kampung Bersia, Gerik
23. Pbt. Mat Diah bin Amin	Meninggal Dunia
24. Pbt. Md. Hasan bin Salim	Kg. Padang Kunyit, Gerik
25. Pbt. Md Piah bin Husain	Kg. Chain, Lenggong
26. Pbt. Abd. Manan bin Anjang Ahmad	Meninggal Dunia
27. Pbt. Mohamed bin Jamil	Pejabat Imigresen, Alor Setar
28. Pbt. Wan Senek bin Wan Im	Taman Toh Purba Lahamat
29. Pbt. Abd. Rashid bin Kari	Meninggal Dunia
30. Pbt. Yunus bin Shafie	Meninggal Dunia
31. Pbt. Zahidin bin Pdk Yaudin	Meninggal Dunia
32. Pbt. Kasim bin Daud	Kampung Kerunai, Gerik
33. Pbt. Wan Hasan bin Che' Ya	Kampung Kerunai,

LAMPIRAN D

44. Pbt. Wan Nik bin Wan Ngah
 45. Pbt. Johor bin Ibrahim
 46. Pbt. Makam Ibrahim bin Hj. Md. Yusuf
 47. Pbt. Wan Abdullah bin Wan Man
 48. Pbt. Ismail bin Ain
 49. Pbt. Mat Aris bin Rasul
 50. Pbt. Yazid bin Yahya
 51. Pbt. Yusof bin Othman
 52. Pbt. Ismail bin Lembut
 53. Pbt. Che' Tam bin Abd. Rahman
 54. Pbt. Harun bin Ahmad
 55. Pbt. Che' Man bin Abdullah
 56. Pbt. Rosdi bin Ishak
 57. Pbt. Jusoh bin Che' Man
 58. Pbt. Wan Mohamad bin Mat Ali
 59. Pbt. Hasan bin Che' Lah
 60. Pbt. Osman bin Che' Lah
 61. Pbt. Ariffin bin Tamin
 62. Pbt. Md. Ali bin Che' Lah
 63. Pbt. Md. Yusof bin Tamin
 64. Pbt. Awang Keehil bin Ahmad
 65. Pbt. Baharuddin bin Mat Saman
 66. Pbt. Awang Keechik bin Md Amin
 67. Pbt. Jawi bin Nawang
 68. Pbt. Yahya bin Ahmad
 69. Pbt. Nordin bin Ahmad
- FELDA, Berisa, Gerik
 Kg. Keramat, Bagam Serai, Perak
 Meninggal Dunia
 Meninggal Dunia
 Kg. Ulu Kenderong, Gerik
 Kg. Kubang Jambu, Lenggong
 Kampung Bersia, Gerik
 Kampung Bersia, Gerik
 Kampung Bersia, Gerik
 Tidak dapat dihubungi
 Meninggal Dunia
 Meninggal Dunia
 Meninggal Dunia
 Kampung Bersia, Gerik
 Kampung Kerunai, Gerik
 Kg. Padang Kunyit, Gerik
 Gerik
 Keroh, Perak
 Sungai Bakap, P.W.
 Keroh, Perak
 Sungai Bakap. P.W.
 Kg. Bongor, Gerik
 No. 1, Rumah Awam, Beruas, Perak.
 Kg. Ijok, Perak
 Tidak dapat dihubungi
 Bukit Chandan, Kuala Kangsar
 Bukit Chandan, Kuala

HUJAN PANAS BAWA BENCANA

3. Pbt. Jani	Kangsar Kampung Bersia, Gerik
4. Pbt. Che' Sa bin Che' Man	Kampung Bersia, Gerik
5. Pbt. Abdul Majid	Kampung Ijok, Perak
6. Pbt. Razali	Kampung Ijok, Perak
7. Pbt. Che' Teh bin Md. Diah	Wakaf Baru,
8. Pbt. Md. Isa bin Dahalan	K. Baharu
9. Pbt. Ibrahim bin Ahmad	Tidak dapat dihubungi
10. Pbt. Muhammad bin Latif	Kampung Bersia, Gerik
11. Pbt. Jusoh bin Sasu	Tidak dapat dihubungi
12. Pbt. Wan Chik	Tidak dapat dihubungi
13. Pbt. Wan Mohamad Wan Teh	Meninggal dunia
14. Pbt. Razali bin Ahmad	Tidak dapat dihubungi
15. Pbt. Hamid	Tidak dapat dihubungi
16. Pbt. Che' Mat bin Jusoh	Ayer Ganda, Gerik
17. Pbt. Arshad bin Md Akib	Kampung Padang, Gerik
18. Pbt. Ahmad bin Bidin	Kg. Padang Kuningit, Gerik
19. Pbt. Omar bin Hasan	Tidak dapat dihubungi
20. Pbt. Abdul Karim bin Zakaria	Parit Buntar, Perak
21. Pbt. Mat Deli bin Dahari	-
22. Pbt. Md. Sharif bin Hj. Abd. Rahman	Tidak dapat dihubungi
23. Bt. Bidin bin Yaakub	Kampung Bersia, Gerik
24. Pbt. Othman bin Kib Md. Yusof	Kampung Bersia, Gerik
25. Pbt. Ibrahim bin Omar	Tidak dapat dihubungi
26. Pbt. Wan Abd. Wahab bin Wan Md. Salleh	Meninggal Dunia
27. Pbt. Ramli bin Tabat	Kg. Padang Kuningit, Gerik
28. Pbt. Tuan Bujur bin Tuan Wok	Kg. Kerunai, Gerik
29. Pbt. Sareh bin Jambu	Meninggal Dunia

LAMPIRAN D

- | | |
|-----------------------------------|-------------------------------|
| 97. Pbt. Tach bin Abdullah | Kg. Kerunai, Gerik |
| 98. Pbt. Abdullah bin Perang | Kampung Bersia,
Gerik |
| 99. Pbt. Abdul Latif bin Senek | Tidak dapat dihubungi |
| 100. Pbt. Isa bin Awang Ngah | Tidak dapat dihubungi |
| 101. Pbt. Saari bin Jusoh | Tidak dapat dihubungi |
| 102. Pbt. Yusof bin Taib | Tidak dapat dihubungi |
| 103. Pbt. Yusof bin Ismail | Tidak dapat dihubungi |
| 104. Pbt. Abd. Wahab bin Chik | Betong (negeri Thai) |
| 105. Pbt. Awang | Keroh, Perak |
| 106. Pbt. Abd. Ghani bin Gulamali | Kampung Bersia, |
| 107. Pbt. Abdul Majid | Perak |
| 108. Pbt. Abdul Rahman | Kampung Bersia, |
| 109. Pbt. Talib bin Yaakub | Perak |
| 110. Pbt. Ismail bin Muda | Kampang Padang, |
| 111. Pbt. How Kow | Gerik |
| 112. Pbt. Marzuki bin Lebai Din | Betong (negeri Thai) |
| 113. Pbt. Mat Rimitim bin Mat Isa | 16, Batu 16 $\frac{1}{2}$ Jln |
| 114. Pbt. Mahmud bin Husain | Puchong, Petaling |
| 115. Pbt. Ahmad bin Awang Seri | K.L. |
| 116. Pbt. Md. Ali bin Kari | Tidak dapat dihubungi |
| 117. Pbt. Zahari bin Awang Kecil | Tidak dapat dihubungi |
| | Tidak dapat dihubungi |
| | Kg. Gelok, Lenggong, |
| | Perak |
| | Tidak dapat dihubungi |
| | Kampung Ulu |
| | Kenderong, Gerik. |